



**DEWAN NEGARA
PARLIMEN KELIMA BELAS
PENGKAL KEDUA
MESYUARAT PERTAMA**

Bil. 8	Khamis	30 Mac 2023
---------------	---------------	--------------------

K A N D U N G A N

PERTANYAAN-PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN

(Halaman 1)

RANG UNDANG-UNDANG:

- Rang Undang-undang Perbekalan 2023

(Halaman 35)

AHLI HADIR

1. Yang Berhormat Tan Sri Dato' Seri Utama Dr. Rais Yatim [Yang di-Pertua Dewan Negara] (Dilantik)
2. “ Dato' Sri Dr. Hj. Mohamad Ali Bin Hj. Mohamad [Timbalan Yang di-Pertua Dewan Negara] (Dilantik)
3. “ Puan Saraswathy A/P Kandasami [Timbalan Menteri Pembangunan Usahawan dan Koperasi] (Dilantik)
4. “ Tuan Ak Nan A/L Ehtook (Dilantik)
5. “ Datuk Teo Eng Tee @ Teo Kok Chee (Dilantik)
6. “ Datuk Paul Igai (Dilantik)
7. “ Datuk John Ambrose (Dilantik)
8. “ Datuk Razali Bin Idris (Dilantik)
9. “ Datuk Dr. Dominic Lau Hoe Chai (Dilantik)
10. “ Dato' Sri Ti Lian Ker (Dilantik)
11. “ Tuan Manolan Bin Mohamad (Dilantik)
12. “ Puan Rita Sarimah anak Patrick Insol (Dilantik)
13. “ Tuan Ir. Md Nasir Bin Hashim (Dilantik)
14. “ Tuan Robert Lau Hui Yew (Dilantik)
15. “ Tuan Balasubramaniam A/L Nachiappan (Dilantik)
16. “ Puan Susan Chemeraai Anding (Dilantik)
17. “ Dato' Dr. Nelson A/L Renganathan (Dilantik)
18. “ Tan Sri Haji Mohamad Fatmi Bin Haji Che Salleh (Dilantik)
19. “ Datuk Dr. Azhar Bin Ahmad (Dilantik)
20. “ Dato' Arman Azha Bin Abu Hanifah (Dilantik)
21. “ Dato' Sri Vell Paari A/L Tun Samy Vellu (Dilantik)
22. “ Tuan Jaziri Alkaf Abdillah Suffian (Dilantik)
23. “ Datin Ros Suryati Binti Alang (Dilantik)
24. “ Datuk Seri Hajah Zurainah Binti Musa (Dilantik)
25. “ Datuk Wira Dr. Mohd Hatta Bin Md Ramli (Dilantik)
26. “ Tuan Abun Sui Anyit (Dilantik)
27. “ Datuk Dr. Ras Adiba Binti Mohd Radzi (Dilantik)
28. “ Prof. Datuk Seri Dr. Awang Bin Sariyan (Dilantik)
29. “ Tuan Mohd Hasbie Bin Muda (Dilantik)
30. “ Dato' Sivaraj A/L Chandran (Dilantik)
31. “ Puan Noorita Binti Sual (Dilantik)
32. “ Tuan Roderick Wong Siew Lead (Dilantik)

AHLI HADIR (samb/-)

- | | | |
|-----|----------------|---|
| 33. | Yang Berhormat | Tuan Haji Hussin Bin Ismail (Terengganu) |
| 34. | “ | Tuan Haji Aziz Bin Ariffin (Perlis) |
| 35. | “ | Tuan Seruandi Bin Saad (Perlis) |
| 36. | “ | Dato' Kesavadas A/L A. Achyuthan Nair (Negeri Sembilan) |
| 37. | “ | Dato' Dr. Ahmad Azam Bin Hamzah (Negeri Sembilan) |
| 38. | “ | Datuk Lim Pay Hen (Johor) |
| 39. | “ | Tuan Sr. Haji Mohd Apandi Bin Mohamad (Kelantan) |
| 40. | “ | Dato' Haji Jefridin Bin Haji Atan (Johor) |
| 41. | ” | Dato' Shamsuddin Bin Haji Abd Ghaffar (Perak) |
| 42. | “ | Dr. Hajah Wan Martina Binti Wan Yusoff (Kelantan) |
| 43. | | Tuan Haji Abdul Nasir Bin Haji Idris (Kedah) |
| 44. | “ | Tuan Musoddak Bin Ahmad (Kedah) |
| 45. | “ | Dato' Ajis Bin Sitin (Pahang) |
| 46. | “ | Datuk Bobbey Ah Fang Bin Suan (Sabah) |
| 47. | “ | Dato' Ahmad Bin Dato' Sri Haji Ibrahim (Sarawak) |
| 48. | “ | Puan Noraini Binti Idris (Sabah) |
| 49. | “ | Dato Dr. Nuing Jeluing (Sarawak) |
| 50. | | Datuk Wira Koh Nai Kwong (Melaka) |
| 51. | “ | Dr. Lingeswaran A/L Dato' Seri R. Arunasalam (Pulau Pinang) |
| 52. | “ | Tuan Amir Bin Md Ghazali (Pulau Pinang) |
| 53. | “ | Tuan Isaiah A/L D. Jacob (Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur) |
| 54. | “ | Datuk Mohd Hisamudin Bin Yahaya (Wilayah Persekutuan Putrajaya) |
| 55. | “ | Prof. Tan Sri Datuk Dr. Hj. Mohamed Haniffa Bin Hj. Abdullah (Dilantik) |

AHLI TIDAK HADIR

- | | | |
|----|----------------|---|
| 1. | Yang Berhormat | Datuk Seri Saifuddin Nasution Bin Ismail [Menteri Dalam Negeri] |
| 2. | “ | Dato' Seri Diraja Dr. Zambry Bin Abd Kadir [Menteri Luar Negeri] |
| 3. | “ | Dato' Setia Dr. Haji Mohd Na'im Bin Haji Mokhtar [Menteri Di Jabatan Perdana Menteri (Hal Ehwal Agama)] |

AHLI TIDAK HADIR (samb/-)

4. Yang Berhormat Puan Hajah Fuziah Binti Salleh [Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup] (Dilantik)
5. “ Dato’ Haji Husain Bin Awang (Terengganu)
6. “ Tuan Muhammad Zahid Bin Md Arip (Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur)

**TIDAK HADIR
(DI BAWAH PERATURAN MESYUARAT 83)**

1. Yang Berhormat Tengku Datuk Seri Utama Zafrul Bin Tengku Abdul Aziz [Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri]
2. “ Dato’ Juhanis Binti Abd Aziz (Pahang)
3. “ Tan Sri Dato' Low Kian Chuan (Dilantik)
4. “ Dato' Sri Anifah Bin Aman @ Haniff Amman (Wilayah Persekutuan Labuan)

HADIR BERSAMA

1. Yang Berhormat Dato Hajah Rubiah Binti Wang [Timbalan Menteri Kemajuan Desa dan Wilayah] (Kota Samarahan)
2. “ Datuk Haji Hasbi Bin Haji Habibollah [Timbalan Menteri Pengangkutan] (Limbang)
3. “ Datuk Seri Haji Mohamad Bin Sabu [Menteri Pertanian dan Keterjaminan Makanan] (Kota Raja)
4. “ Tuan Haji Akmal Nasrullah Bin Mohd Nasir., Timbalan Menteri Pembangunan Kerajaan Tempatan. (Johor Bahru)
5. “ Datuk Seri Dr. Shamsul Anuar Bin Haji Nasarah [Timbalan Menteri Dalam Negeri] (Lenggong)
6. “ Tuan Liew Chin Tong [Timbalan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri] (Iskandar Puteri)
7. “ Dato’ Haji Mohammad Yusof Bin Apdal [Timbalan Menteri Pendidikan Tinggi] (Lahad Datu)
8. “ Dato’ Sri Huang Tiong Sii [Timbalan Menteri Sumber Asli, Alam Sekitar dan Perubahan Iklim] (Sarikei)
9. “ Tuan Mustapha @ Mohd Yunus Bin Sakmud [Timbalan Menteri Sumber Manusia] (Sepanggar)
10. “ Dr. Zaliha Binti Mustafa [Menteri Kesihatan] (Sekijang)

**MALAYSIA
DEWAN NEGARA
PARLIMEN KELIMA BELAS
PENGKAL KEDUA
MESYUARAT PERTAMA**

Khamis, 30 Mac 2023

Mesyuarat dimulakan pada pukul 10.00 pagi

DOA

*[Timbalan Yang di-Pertua **mempengerusikan Mesyuarat**]*

PERTANYAAN-PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN

Timbalan Yang di-Pertua: *Bismillahi Rahmani Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.* Selamat pagi, salam Malaysia Madani. Ahli-ahli Yang Berhormat syukur *alhamdulillah*, hari ini merupakan hari kelapan persidangan Majlis Dewan Negara. Saya ingin teruskan kepada Pertanyaan-pertanyaan Jawab Lisan. Pertama, dijemput Yang Berhormat Senator Dr. Hajah Wan Martina binti Wan Yusoff. Silakan Yang Berhormat.

Dr. Hajah Wan Martina binti Wan Yusoff: *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.* Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

*Hari ini lapan Ramadan;
Soalan nombor satu mohon jawapan.*

1. Dr. Hajah Wan Martina binti Wan Yusoff minta Menteri Pendidikan Tinggi menyatakan, adakah kerajaan berhasrat untuk membuka semula permohonan biasiswa MyBrain kepada calon-calon daripada pelbagai bidang yang tidak tertakluk kepada syarat sekarang iaitu sains tulen sahaja.

Timbalan Menteri Pendidikan Tinggi [Dato' Mohammad Yusof bin Apdal]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Senator Dr. Wan Martina.

Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Pendidikan Tinggi telah melaksanakan dua program MyBrain iaitu MyBrain15 dan MyBrainSc. Program MyBrain15 yang terbuka kepada pelbagai bidang pengajian di peringkat Sarjana dan PhD telah dilaksanakan bermula pada 1 Disember 2010 di bawah Rancangan Malaysia Kesepuluh (RMKe-10) dan seterusnya Rancangan Malaysia Kesebelas (RMKe-11).

Penawaran terakhir program MyBrain15 ini adalah pada tahun 2016. Program MyBrainSc pula dilaksanakan pada tahun 2012 dengan penajaan di peringkat Ijazah Pertama

hingga Pasca Siswazah dalam bidang Sains Tulen sahaja. Program ini masih dilaksanakan sehingga kini.

Berdasarkan pencapaian dan impak positif program MyBrain15, KPT telah mengemukakan permohonan peruntukan untuk melaksanakan program MyBrain di bawah *Rolling Plan 1, Rolling Plan 2, dan Rolling Plan 3*, Rancangan Malaysia Kedua Belas (RMKe-12) 2021-2025. Walau bagaimanapun, permohonan tersebut tidak diluluskan, justeru KPT akan sekali lagi mengemukakan permohonan di bawah RP4, RMKe-12 bagi pelaksanaan program MyBrain15. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Soalan tambahan.

Dr. Hajah Wan Martina binti Wan Yusoff: Soalan tambahan. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Soalan tambahan saya, apa langkah yang telah diambil oleh kerajaan dalam mengenal pasti penerima MyBrain yang gagal untuk ditindak lanjuti serta apakah langkah kerajaan dalam memanfaatkan penyelidikan, kajian dan kepakaran kepada siswazah lulusan MyBrain? Adakah kerajaan berhasrat untuk membuka skop MyBrain kepada tenaga akademik yang ingin melakukan pengajian lanjutan? Terima kasih.

Dato' Mohammad Yusof bin Apdal: Terima kasih Yang Berhormat Senator Dr. Wan. Bagi jawapan yang pertama, seramai 3,886 orang pelajar telah didapati gagal dalam pengajian mereka. Pelajar tajaan MyBrain pada peringkat awal itu dikehendaki menandatangani perjanjian penajaan di antara pelajar dan kerajaan. Dalam hubungan ini, bilamana pelajar didapati gagal pengajian mereka akan dikenakan tuntutan ganti rugi berdasarkan kos sebenar yang telah dikeluarkan oleh kerajaan sepanjang pengajian.

Kedua, iaitu berhubung kait dengan memanfaatkan penyelidikan. Penyelidikan dan kajian oleh siswazah lulusan MyBrain dimanfaatkan dalam pelbagai bentuk seperti input kepada pembangunan polisi yang lebih baik dalam bidang berkaitan. Penemuan ilmu baharu yang mengukuhkan pengetahuan sedia ada dan produk baharu yang berpeluang dikomersialkan. Manakala, kepakaran siswazah ini boleh dijadikan rujukan melalui khidmat perundingan oleh organisasi awam dan swasta.

Menyentuh soal adakah kerajaan berhasrat untuk skop MyBrain kepada tenaga akademik untuk MyBrain. Untuk tenaga akademik, kita ada program yang dipanggil SLAB. Program SLAB ini yang berhubung dengan Skim Latihan Akademik Bumiputera. Skim latihan ada lagi yang kita bagi iaitu Skim Latihan Akademik IPTA dipanggilnya SLAI, Hadiah Latihan Persekutuan Pegawai Pendidikan Pengajian Tinggi (PPPT), Hadiah Latihan Persekutuan Staf Bukan Akademik IPTA dan pelbagai lagi yang ada kita- yang bukan skop ini. Terima kasih.

Datuk Dr. Dominic Lau Hoe Chai: Soalan tambahan.

Timbalan Yang di-Pertua: Silakan.

Datuk Dr. Dominic Lau Hoe Chai: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Bermula daripada pemerintahan Pakatan Harapan sampai kerajaan campuran, sudah lima tahun MyBrain telah ditangguhkan. Saya hendak tanya kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri, adakah aspek kewangan menjadi penghalang yang terutama dan jika jawapan itu 'ya' saya hendak cadangkan kita boleh mengadakan tabung pendidikan untuk MyBrain seperti contoh kita boleh dapat derma daripada MNC, GLC, GLIC itu. Minta mereka dermakan tabung itu. Ini merupakan satu alternatif yang boleh bagi anak-anak kita melanjutkan pelajaran mereka dalam *Master* dan *PhD*. Terima kasih.

Dato' Mohammad Yusof bin Apdal: Berhubung kait dengan soalan tambahan Yang Berhormat tadi, memang antara faktor yang menjadi halangan kita ialah kewangan, ini yang kita sedia maklum.

■1010

Akan tetapi, itu bukan terhad kepada sebabnya. Ini sebab ada juga berhubung kait dengan kaedah program yang kita tawarkan itu yang kadang-kadang boleh menyebabkan kita merasakan ada seketika itu ia bersesuaian, ada ketika ia tidak bersesuaian. Ada juga yang kita kaji kerana ketidakbolehpasaran. Makanya, ada beberapa faktor yang penyebab kepada kenapa kita tidak dapat teruskan.

Walau bagaimanapun, kita memang pada peringkat KPT ini sentiasa mencari kaedah bagaimana cara kita menambah baik penajaan daripada segi pendidikan, terutama pendidikan tinggi. Antaranya itu seperti cadangan Yang Berhormat tadi, memang kita berhasrat mencari kaedah untuk menambah dana ini. Saya di peringkat KPT akan mengambil pertimbangan kepada cadangan yang begitu baik. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Ada soalan lain? Terima kasih, kepada Yang Berhormat Dato' Mohammad Yusof bin Apdal, Timbalan Menteri Pendidikan Tinggi atas jawapan yang telah diberikan.

Seterusnya, saya menjemput Yang Berhormat Senator Dato Dr. Nuing Jeluing, silakan.

2. Dato Dr. Nuing Jeluing minta Menteri Pembangunan Usahawan dan Koperasi menyatakan, adakah program-program untuk melatih belia dalam bidang keusahawanan dan sejauh manakah kejayaan program-program tersebut.

Timbalan Yang di-Pertua: Silakan, Yang Berhormat Menteri.

Timbalan Menteri Pembangunan Usahawan dan Koperasi [Puan Saraswathy a/p Kandasami]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih kepada Yang Berhormat. Tuan Yang di-Pertua, kementerian ini dan agensi-agensi di bawahnya telah melaksanakan pelbagai program keusahawanan kepada belia seperti berikut- sebab soalnya adalah untuk

kementerian menyatakan apakah program-program untuk melatih belia dalam bidang keusahawanan dan sejauh manakah kejayaan program-program tersebut.

Jawapan kepada persoalan itu adalah seperti berikut, Tuan Yang di-Pertua. Pertamanya, kementerian menjalankan latihan *Professional Training and Education for Growing Entrepreneurs* (PROTÉGÉ) yang telah melaksanakan program-program dan inisiatif keusahawanan yang merangkumi:

- (i) program Latihan Intensif Dalam Talian Bagi Usahawan Generasi Baharu (N-GENE) yang telah berjaya melatih seramai 2,300 orang usahawan muda. Berdasarkan prestasi pelaksanaan program, seramai 73.52 peratus peserta telah memperoleh pendapatan melebihi RM2,000 selepas tamat program. Seramai 71.17 peratus peserta menggunakan platform digital perniagaan dan sebanyak 68 peratus peserta menggunakan peluang pekerjaan yang telah berjaya dicipta;
- (ii) program Latihan Asas Keusahawanan (ETR101) yang telah melatih seramai 5,767 orang belia mendapatkan asas pendedahan, adaptasi, pemikiran dan kemahiran keusahawanan di tempat kerja melalui latihan secara fizikal dan dalam talian;
- (iii) Program Usahawan Perantis (SPACE) iaitu program ketiga yang dilangsungkan di bawah program PROTEGE telah melatih seramai 300 orang graduan di peringkat institusi pengajian tinggi dan yang telah menerima latihan bagi pembangunan produk. Daripada jumlah tersebut, seramai 28 orang peserta layak diberikan geran selepas tamat program mengikut kriteria yang ditetapkan.
- (iv) Program-program lain yang memberikan pendedahan awal mengenai inisiatif kebolehpasaran dan keusahawanan ialah Program Kembara Kerjaya dan Program Latihan Penempatan Kerjaya dan Usahawan bagi Graduan TVET (GRACE); dan
- (v) SME Corp pula telah melaksanakan Program Tunas Usahawan Belia Bumiputera (TUBE) bermula tahun 2014 di mana sehingga 31 Disember 2022, seramai 7,183 orang usahawan belia bumiputera telah mendapat manfaat. Daripada jumlah tersebut, seramai 6,986 orang usahawan belia telah mendaftarkan perniagaan dan mendapat geran permulaan perniagaan sebanyak RM100.3 juta dan telah mewujudkan sebanyak 12,686 peluang pekerjaan baharu.

Sekian, terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua: Soalan tambahan.

Dato Dr. Nuing Jeluing: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat Menteri atas jawapan. Kadar pengangguran dalam kalangan belia adalah tinggi, dalam lingkungan 10 peratus. Kebanyakan yang bekerja juga tidak dibayar gaji setimpal dengan kelayakan mereka atau *underemployment*, dengan izin.

Justeru, betapa pentingnya program keusahawanan untuk mengurangkan jurang pengangguran dalam kalangan belia. Soalan saya, apakah kelayakan yang diperlukan untuk mengikuti program keusahawanan dan bidang mana yang paling diminati oleh para belia? Terima kasih.

Puan Saraswathy a/p Kandasami: Pertamanya, Yang Berhormat telah menyentuh atas isu pengangguran di kalangan belia. Bagi tujuan untuk menarik minat para belia dalam sektor perniagaan ataupun menjadikan mereka sebagai usahawan, di kementerian kami telah menyediakan pelbagai program latihan keusahawanan kepada belia di bawah agensi INSKEN dan juga di bawah SME Corp. dan juga TEKUN. Juga dilakukan oleh SME Bank. Ada program-program yang dipanggil CEDAR yang dilakukan bersama agensi di bawah kementerian iaitu PERNAS, bersama dengan SME Bank.

Jadi, kementerian sentiasa memberi tumpuan kepada belia sebegini yang tidak mendapat pekerjaan tetapi boleh mendapatkan pendapatan alternatif dengan menceburkan diri dalam perniagaan. Apa yang perlu adalah untuk memberi latihan dan bimbingan, dalam *path* yang sewajarnya. Jadi, itu adalah tumpuan pertama yang diberikan oleh kementerian supaya mereka mendapat ilmu keusahawanan. Keduanya adalah dengan memberi geran ataupun pembiayaan kepada mereka.

Selain daripada itu, ada juga belia yang menganggur selepas meneruskan program TVET atau Diploma dan juga setelah habis tempoh pengajian sebagai graduan. Program-program yang saya bacakan tadi seperti PROTÉGÉ dan tiga program di bawahnya adalah bagi golongan yang telah menamatkan latihan TVET, SKM, Diploma ataupun graduan.

Jadi, ada dua jenis belia. Satu yang tamat persekolahan, yang boleh melalui program latihan untuk menjalankan perniagaan. Satu laginya, yang telah mempunyai sedikit pendidikan, lepasan sekolah yang mana program PROTÉGÉ di bawah kementerian.

Dato' Kesavadas a/l A Achyuthan Nair: Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Sr. Haji Mohd Apandi bin Mohamad: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Senator Tuan... *[Merujuk kepada Tuan Sr. Haji Mohd Apandi bin Mohamad]*

Tuan Sr. Haji Mohd Apandi bin Mohamad: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Tuan Yang di-Pertua dan Yang Berhormat Timbalan Menteri, soalnya ada dua di situ, pertama apa programnya. Kedua, kejayaannya.

Tadi Yang Berhormat Timbalan Menteri hanya jawab program. Jadi, kejayaannya kena ada ukuran. Pertama, berapa yang telah dilatih, bilangan, dan berapa peratuskah dapat kerja? Kedua, kalau mereka menjadi pengusaha, berapa *per cent* yang jadi pengusaha?

Jadi, Yang Berhormat Timbalan tidak jawab soalan tentang kejayaan. Kejayaan boleh diukur tentang bilangan yang dapat kerja ataupun bilangan mereka yang terlibat dengan keusahawanan, terutamanya usahawan yang berjaya. Kalau boleh kena ada rekod-rekod itu, kalau boleh. Terima kasih.

■1020

Puan Saraswathy a/p Kandasami: Sebenarnya, Yang Berhormat, dalam jawapan saya, saya telah menyentuh atas kejayaan yang dicapai bagi setiap program. Seperti bagi Program N-GENE, saya telah menyatakan bahawa seramai 73.5 peratus telah memperoleh pendapatan melebihi RM2,000. Maksudnya, mereka telah menceburi dalam sektor usahawan dan selepas melalui latihan ini, mereka dapat meningkatkan perolehan atau pun pendapatan yang mencapai peningkatan itu 73.52 peratus.

Pencapaian lagi satu yang saya telah sentuh tadi 71.17 peratus telah mula menggunakan platform digital bagi perniagaan dan 68 peratus telah mendapat peluang pekerjaan *self-employed*. Itu merupakan kejayaan program atau pun latihan di bawah N-GENE yang saya telah memberi jawapan tadi.

Bagi latihan, pengukuran kementerian adalah berdasarkan kepada asas pendedahan latihan keusahawanan. Jadi, sama ada seterusnya mereka menceburi dalam menjadi usahawan atau memilih untuk bekerja, itu peringkat kedua. Jadi, apabila latihan, ia tidak berhenti pada takat latihan sahaja. Ia juga merupakan pendedahan ilmu keusahawanan yang boleh diguna pakai pada bila-bila masa. Jadi, memang dalam jawapan saya, saya telah menyentuh atas kejayaan-kejayaan setiap- satu program, Yang Berhormat. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Silakan.

Dato' Sivaraj a/l Chandran: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Yang Berhormat, kita sering melihat ada banyak program latihan di bawah agensi Yang Berhormat, seperti INSKEN, TEKUN Malaysia dan sebagainya. Akan tetapi, sering kali kita lihat ada pertindihan program. *Means redundancy. That means*, program yang ditawarkan oleh INSKEN, program yang sama ditawarkan oleh TEKUN Malaysia.

Oleh sebab itu, saya hendak tahu, apakah pendirian kementerian dan apakah perancangan kementerian pada masa depan untuk mengurangkan pertindihan tersebut supaya kita boleh memaksimumkan penggunaan peruntukan yang telah diperuntukkan? Terima kasih.

Puan Saraswathy a/p Kandasami: Tuan Yang di-Pertua, bukan sahaja di antara agensi-agensi dalam kementerian, tetapi terdapat juga agensi-agensi di luar kementerian

yang juga menjalankan program latihan keusahawanan. Di peringkat kementerian, kita sedang mengambil tindakan-tindakan untuk menyelaraskan di mana kita dapat- di peringkat kementerian menyelaraskan supaya program yang dijalankan itu tidak bertindih tetapi mempunyai sasaran yang berlainan.

Sebagai contohnya, di PERNAS, sasarannya adalah untuk membangunkan usahawan-usahawan yang lebih cenderung kepada *franchise*, tetapi di peringkat INSKEN adalah untuk pendedahan, pertamanya, untuk keusahawanan dan ada juga program untuk *accounting* dan sebagainya, untuk menjadi lebih cekap dalam menjalankan perniagaan yang mereka telah pun ceburi.

Jadi, saya setuju dengan pandangan Yang Berhormat bahawa ada program pertindihan. Juga, MITRA pun jalankan program latihan yang sedia dijalankan oleh berbagai-bagai kementerian. Jadi, ini merupakan perkara yang harus diberi perhatian dan kementerian akan ambil tindakan-tindakan yang sewajarnya. Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih kepada Yang Berhormat Puan Saraswathy a/p Kandasami, Timbalan Menteri Pembangunan Usahawan dan Koperasi atas jawapan yang telah diberikan.

3. Tuan Seruandi bin Saad minta Menteri Sumber Asli, Alam Sekitar dan Perubahan Iklim menyatakan, apa langkah proaktif yang diambil oleh kementerian bagi mengatasi masalah banjir di Malaysia yang saban tahun melibatkan kerugian hampir RM300 bilion.

Timbalan Menteri Sumber Asli, Alam Sekitar dan Perubahan Iklim [Dato' Sri Huang Tiong Sii]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Yang Berhormat Senator. Untuk makluman Yang Berhormat, merujuk kepada Laporan Jabatan Perangkaan Malaysia, dianggarkan kerugian akibat banjir pada Disember 2021 berjumlah RM6.1 bilion.

Dalam hal ini, bagi mengatasi masalah banjir di Malaysia, terutama di kawasan-kawasan *hotspot* banjir, kementerian melalui Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) telah diluluskan kos projek sebanyak RM11.53 bilion melibatkan 93 projek tebatan banjir. Sejumlah RM1.01 bilion telah diperuntukkan di dalam *Rolling Plan* Ketiga, RMKe-12 melibatkan kawasan berisiko tinggi dan kerap dilanda banjir.

Selain itu, kementerian turut mengambil langkah proaktif bagi mengatasi masalah banjir dengan merancang tindakan-tindakan jangka pendek dan jangka panjang melalui pendekatan pengurusan banjir secara bersepadu atau *integrated flood management* (IFM). Pendekatan IFM yang disokong dengan kaedah struktur dan bukan struktur akan dapat melindungi dan mengurangkan impak banjir di kawasan yang berisiko tinggi.

Kaedah struktur merangkumi pelaksanaan skop tebatan banjir bagi meningkatkan kapasiti saluran utama dengan sungai, pembinaan empangan, takungan air pinggir sungai,

pembinaan struktur seperti kolam takungan, lencongan sungai, pembinaan benteng banjir-*flood wall* dan sistem pam.

Manakala kaedah bukan struktur akan memfokuskan kepada pengurusan dataran banjir, perancangan guna tanah, kawalan dan pematuhan pembangunan sistem ramalan dan amaran banjir, peta banjir dan pelaksanaan program kesedaran, *communication education and public awareness*, dengan izin. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Soalan tambahan. Yang Berhormat Tuan Seruandi.

Tuan Seruandi bin Saad: Saban tahun kita mendapat maklum memang banjir akan berlaku. Soalan saya. Kementerian perlulah bersedia menyedarkan rakyat. Kita juga perlu melihat kepada negara-negara maju seperti Jepun. Amaran banjir mereka lebih berkesan atau pun efisien. Mereka menggunakan satelit. Bermakna di sini, kementerian perlu melihat sesuatu itu dalam jangka panjang. Kos hampir RM300 bilion yang digunakan untuk perpindahan mangsa, makanan dan sebagainya, membuat infra-infra ini, mungkin ke depan kita boleh alirkan untuk infra-infra yang lain pula. Sekian, terima kasih.

Dato' Sri Huang Tiong Sii: Tuan Yang di-Pertua, kementerian melalui JPS berperanan untuk membuat ramalan dan amaran banjir untuk seluruh negara melalui Program Ramalan dan Amaran Banjir (PRAB). Program ini berupaya meramalkan tujuh hari simulasi banjir dan mengeluarkan hebahan amaran banjir seawal dua hari.

Mengikut perancangan, program ini akan melibatkan 41 lembangan sungai. Pembangunan program ramalan ini terbahagi kepada dua fasa. Program PRAB Fasa 1 melibatkan tiga lembangan sungai utama, iaitu Lembangan Sungai Kelantan, Sungai Terengganu dan Sungai Pahang, dan telah beroperasi pada tahun 2017. Pembangunan PRAB Fasa 2 pula melibatkan 38 lembangan yang dijangka siap secara berperingkat dan akan beroperasi sepenuhnya untuk seluruh negara pada tahun 2025.

JPS juga sedang dalam pembinaan secara berfasa bagi 526 buah stesen siren amaran banjir di seluruh negara. Stesen ini ditempatkan di lokasi *hotspot* banjir seluruh negara, di mana amaran awal banjir akan dikeluarkan kepada penduduk kawasan-kawasan yang bakal terjejas.

Untuk meningkatkan kecekapan penyampaian hebahan amaran banjir, kementerian juga akan mempertimbangkan kaedah terbaik melengkapkan sistem amaran banjir melalui kemudahan perkhidmatan *fast aid*, atau sistem pesanan ringkas (SMS) serta siren diaktifkan bersama suara menasihati penduduk supaya keluar.

Sekian, terima kasih.

■1030

Timbalan Yang di-Pertua: Silakan Yang Berhormat Tuan Abun Sui Anyit.

Tuan Abun Sui Anyit: Okey, terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Soalan saya ataupun biar saya beri maklumat sedikit. Antara lainnya, Long Bemang, Long Panai, Long Busang

selalu banjir, hampir setiap bulan di Sarawak. Jadi, apakah punca-punca banjir yang kerap ini dan apakah langkah-langkah yang kerajaan lakukan untuk mengatasinya? Terima kasih.

Dato' Sri Huang Tiong Sii: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Yang Berhormat Senator. Pengurusan sistem saliran negara diuruskan oleh pelbagai pihak seperti PBT, pejabat daerah, JKR, JPS, pemaju dan agensi-agensi yang berkaitan. Mesyuarat Jemaah Menteri pada 19 Jun 1996 telah memutuskan supaya JPS diberi tanggungjawab sepenuhnya mengurus dan menyelenggarakan semua sungai, manakala PBT bertanggungjawab menguruskan penyelenggaraan sistem perparitan di kawasan masing-masing.

Sehubungan itu, kementerian melalui JPS telah melaksanakan Pelan Induk Saliran Mesra Alam (PISMA) bagi bandar-bandar utama di seluruh negara. PISMA merupakan dokumen rujukan dan bantuan kepada agensi-agensi bertanggungjawab kepada pembangunan negara dalam melaksanakan perancangan agar aktiviti pembangunan tidak akan menyebabkan masalah banjir kilat. PISMA juga akan mengenal pasti kawasan kerap banjir dan memberikan cadangan penyelesaian kepada masalah tersebut termasuklah kerja-kerja penyelenggaraan dan menaik taraf sistem saliran.

Hasil PISMA mengambil kira aspek perancangan guna tanah masa kini dan di masa hadapan. Dalam merancang infrastruktur saliran, kawalan pembangunan kawasan-kawasan sensitif alam sekitar dan kawasan dataran banjir, pembangunan yang merujuk kepada cadangan PISMA dijangka boleh meminimumkan impak negatif kepada alam sekitar dan meminimumkan risiko bencana. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Tuan Manolan.

Tuan Manolan bin Mohamad: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Yang Berhormat Timbalan Menteri, banjir ini berlaku setiap tahun, khususnya di pantai timur, di Pahang, Kelantan dan Perak. Jadi, apakah sebenarnya kementerian ini ada bajet khusus untuk banjir ini? Seperti jalan, ada bajet khas penyelenggaraan. Itu pertama.

Kedua, apa peranan kementerian di mana kita tengok banjir ini berlaku disebabkan sungai ini cetek, disebabkan oleh pembalakan haram, penebangan hutan dan pemaju perumahan yang membuat perumahan baharu. Adakah kementerian berbincang dengan pihak kerajaan negeri bila ada pembangunan perumahan baharu supaya sungai-sungai dan anak-anak sungai ini tidak ditambak atau semakin cetek? Maka itu, berlaku banjir ini setiap tahun. Jadi, apakah peranan kementerian? Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Dato' Sri Huang Tiong Sii: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat Senator. Saya faham. Tadi ini soalan bersatu Yang Berhormat sudah cakap, pembalakan haram. Saya faham, tetapi sekarang saya dan pegawai saya sedang berbincang dengan kementerian tentang hal ini. Lagi satu, perumahan- sungai di perumahan itu tidak

cukup besar, saya faham keadaan ini. Akan tetapi saya pun sudah berbincang sebab tiap-tiap tahun, banyak tempat di pantai timur selalu hujan, selalu terjadi banjir. Saya faham.

Sekarang saya tengah berbincang dalam beberapa bulan ini bersama pegawai kementerian mengatasi macam mana kita boleh- berbincang cara bagaimana lebih bagus untuk mengatasi hal ini dan menyelesaikannya. Selepas ini saya mohon berikan jawapan secara bertulis. Terima kasih Yang Berhormat.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih kepada Yang Berhormat Dato' Sri Huang Tiong Sii, Timbalan Menteri Sumber Asli, Alam Sekitar dan Perubahan Iklim atas jawapan-jawapan yang telah diberikan.

Seterusnya saya menjemput Yang Berhormat Dato' Ahmad bin Dato' Sri Haji Ibrahim.

Dato' Ahmad bin Dato' Sri Haji Ibrahim: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. *Assalamualaikum*, soalan saya nombor 4. Terima kasih.

4. Dato' Ahmad bin Dato' Sri Haji Ibrahim minta Menteri Kemajuan Desa dan Wilayah menyatakan, berapakah agihan untuk peruntukan jalan luar bandar, Bekalan Air Luar Bandar (BALB) dan Bekalan Elektrik Luar Bandar (BELB) pada tahun 2023 di Sarawak dan sejauh manakah usaha kerajaan dalam membaik pulih infrastruktur-infrastruktur yang telah uzur dan mengalami kerosakan di Sarawak.

Timbalan Yang di-Pertua: Silakan Yang Berhormat Menteri.

Timbalan Menteri Kemajuan Desa dan Wilayah [Datuk Rubiah binti Haji Wang]: *Bismillahi Rahmani Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.* Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih juga kepada Yang Berhormat Senator atas soalan pembangunan luar bandar.

Untuk makluman Yang Berhormat, pada tahun 2023, Bekalan Elektrik Luar Bandar Sarawak menerima peruntukan sebanyak RM170.48 juta melibatkan pelaksanaan 14 projek dengan kos keseluruhannya RM3.04 bilion. Bagi pelaksanaan projek-projek BELB yang telah siap akan diserahkan kepada pihak berkuasa elektrik negeri untuk tujuan operasi dan juga penyelenggaraan. Susulan itu, kerja-kerja membaik pulih infrastruktur-infrastruktur yang telah uzur dan mengalami kerosakan adalah di bawah tanggungjawab pihak berkuasa elektrik negeri.

Kedua, bagi Program Jalan Luar Bandar, peruntukan berjumlah RM169.1 juta telah diluluskan bagi melaksanakan 76 projek dengan kos keseluruhan berjumlah RM6.04 bilion untuk wilayah Sarawak, dibelanjakan di bawah Belanjawan 2023. Untuk makluman Yang Berhormat, projek-projek jalan luar bandar yang telah siap dilaksanakan akan diserahkan kepada JKR Sarawak untuk didaftarkan di bawah MARRIS, seterusnya melayakkan jalan tersebut menerima peruntukan penyelenggaraan berterusan. Ini bagi memastikan jalan-jalan

yang dibina ini sentiasa dalam keadaan baik, selesa, selamat dan mudah dilalui oleh pengguna jalan raya.

Ketiga, bagi Program Bekalan Air Luar Bandar, sejumlah RM136.37 juta telah diperuntukkan pada tahun 2023 yang melibatkan 56 projek BALB di negeri Sarawak. Projek-projek BALB yang telah siap juga diserahkan kepada pihak berkuasa air negeri- kalau di Sarawak disebut JBALB, untuk pengoperasian dan penyelenggaraan. Sehubungan itu, kementerian mencadangkan kerja-kerja membaik pulih infrastruktur-infrastruktur yang uzur dan mengalami kerosakan perlu dibawa dan dibincangkan bersama dengan kerajaan negeri dan pihak berkuasa air berkenaan. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Dato' Ahmad bin Dato' Sri Haji Ibrahim: Soalan tambahan Tuan Yang di-Pertua. Apakah perkembangan terkini Projek Jalan Luar Bandar di Sri Aman yang dilaporkan mempunyai masalah dari sudut kelewatan dalam jadual pelaksanaan? Yang Berhormat Timbalan Menteri, terima kasih.

Datuk Rubiah binti Haji Wang: Terima kasih atas soalan tambahan tadi. Berkaitan dengan status jalan di Bukit Balau ke Bukit Banting, Sri Aman yang mana mengalami masalah lambat dan dikategorikan projek sakit, untuk makluman Yang Berhormat, projek ini tidak dapat dilaksanakan setakat ini, ditangguhkan- *hold*, disebabkan berlaku pertindihan projek dengan projek di bawah Kementerian Pertanian (MAFI), di bawah IADA di mana di lokasi yang sama, jalan dilaksanakan oleh JKR, manakala *barrage*, salah satu komponen dalam projek itu dilaksanakan oleh pihak MAFI.

■1040

Jadi, berlaku pertindihan dari sudut skop projek berkenaan. Namun untuk makluman Yang Berhormat, perkara ini telah pun diambil perhatian oleh kedua-dua kementerian dan kita telah pun membuat rundingan, perbincangan-perbincangan dan baru dapat diselesaikan pada tahun 2028 apabila perkara ini telah mendapat penyelesaian melalui rujukan kepada pejabat Suruhanjaya SPA Negeri berkaitan dengan tanah berkenaan. Tanah berkenaan, SPA telah mengesahkan projek tanah berkenaan adalah di bawah kelulusan untuk pembinaan jalan raya berkenaan. Jadi ekoran daripada itu, projek ini akan diteruskan dalam masa yang terdekat. Terima kasih.

Tuan Abun Sui Anyit: Soalan tambahan.

Tuan Sr. Haji Mohd Apandi bin Mohamad: Sarawak dekat di hatiku... *[Ketawa]* Betul tidak Datuk Paul? Sekarang saya hendak tanya, berbanding dengan tahun yang sudah, berapa banyak mana beza kos atau penambahan kah, kekurangan kah daripada segi agihan peruntukan untuk bekalan air luar bandar, jalan luar bandar dan bekalan elektrik luar bandar untuk Sarawak sahaja? Secara bandingan dengan tahun yang lepas. Lebih kurang berapakah peratus kenaikan atau kekurangan secara umumnya?

Datuk Rubiah binti Haji Wang: Terima kasih Yang Berhormat. Untuk data yang tepat, saya tidak ada hari ini. Akan tetapi secara keseluruhannya dimaklumkan bahawa peruntukan untuk negeri Sabah dan Sarawak ini setiap tahun meningkat. Khasnya dari sudut pembangunan infra di luar bandar, bekalan elektrik, bekalan air dan juga jalan raya. Setiap tahun meningkat, yang mana peruntukan ini kita agihkan mengikut *Rolling Plan* Pertama sehingga Kelima yang mana di setiap RMK ini kita ada siling, ada siling pelaksanaan.

Kalau contohnya, jalan raya luar bandar, kita ada siling RM1.5 bilion untuk lima *Rolling*. Jadi untuk jawapan yang tepat, maksudnya dari sudut *percentage* itu, saya tidak ada, saya boleh jawab secara bertulis. Namun secara keseluruhannya dapat dirumuskan, peningkatan berlaku setiap tahun dari sudut *figure* ataupun peruntukan yang kita beri kepada kedua-dua wilayah berkenaan. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Abun Sui Anyit: Soalan.

Timbalan Yang di-Pertua: Silakan.

Tuan Abun Sui Anyit: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin bertanya kepada Timbalan Menteri, apakah langkah Kementerian Kemajuan Desa dan Wilayah untuk mengatasi bekalan air paip di Pusat Penempatan Semula Bakun (BRS) Sungai Asap yang sering berlaku hampir setiap bulan? Terkini penduduk mengatakan bahawa setiap pukul 11.00 malam, mesti tidak ada lagi air kerana seolah-olah dicatu. Terima kasih.

Datuk Rubiah binti Haji Wang: Terima kasih Yang Berhormat Senator atas soalan tambahan tadi. Berkaitan dengan masalah bekalan air di mana-mana kawasan termasuk kawasan yang disebut oleh Yang Berhormat tadi, masalah air ini ialah bergantung ke jabatan air negeri berkenaan. Kemungkinan ada masalah-masalah berlaku di kawasan berkenaan dari sudut operasinya. Jadi hari ini saya tiada jawapan yang tepat kepada Yang Berhormat dan perkara ini perlu kita rujuk kepada JBALB dahulu untuk mendapat maklumat lanjut. *Insyallah* kita akan beri jawapan bertulis apabila mendapat pengesahan daripada JBALB nanti. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih kepada Yang Berhormat Datuk Rubiah binti Haji Wang, Timbalan Menteri Kemajuan Desa dan Wilayah atas jawapan yang telah diberikan.

Seterusnya saya menjemput Yang Berhormat Datuk Teo Eng Tee @ Teo Kok Chee.

5. Datuk Teo Eng Tee @ Teo Kok Chee minta Menteri Sumber Manusia menyatakan, sehubungan dengan peluang pekerjaan yang mempunyai gaji dan kelebihan yang lebih tinggi di negara asing, apakah usaha yang telah dilakukan oleh pihak kerajaan bagi menangani isu berterusan seperti pengunduran golongan pekerja mahir (*brain drain*) khususnya di dalam sektor yang menghadapi masalah kekurangan tenaga kerja seperti kesihatan.

Timbalan Menteri Sumber Manusia [Tuan Haji Mustapha @ Mohd Yunus bin Sakmud]: *Bismillahi Rahmani Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh*, salam

sejahtera dan salam Malaysia Madani. Terima kasih Berhormat Datuk Teo Eng Tee @ Teo Kok Chee atas soalan tentang peluang pekerjaan terutama negara asing.

Tuan Yang di-Pertua, Malaysia mempunyai takungan bakat berkemahiran tinggi bertaraf antarabangsa yang sering mendapat permintaan tinggi oleh industri dari negara-negara luar terutamanya Singapura, Australia, United Kingdom, Amerika Syarikat dan negara-negara Timur Tengah. Berdasarkan kepada Laporan Migrasi Dunia 2022, dengan izin, *World Migration Report 2022* oleh Organisasi Migrasi Antarabangsa, kadar purata migrasi global ialah 3.6 peratus itu secara perbandingan, kadar migrasi Malaysia adalah 5.6 peratus daripada jumlah populasi negara atau 1.86 juta.

Dalam menangani cabaran yang bersifat pelbagai faktor ini, fokus utama iaitu memastikan ekonomi negara terus kompetitif melalui pelaburan langsung yang menjurus kepada keberhasilan pekerjaan berkemahiran tinggi dan disokong oleh ekosistem bakat yang kondusif serta adil.

Sehubungan dengan itu, penyelesaian kepada perkara ini perlu dilihat dalam konteks jangka masa sederhana dan panjang melalui pembaharuan dasar ekonomi, sumber manusia, pendidikan dan imigresen serta sinergi berterusan antara pihak kerajaan, industri dan akademik.

Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Dewan yang mulia ini, isu migrasi diaspora juga perlu dilihat dalam konteks yang lebih luas. Kementerian Sumber Manusia melalui TalentCorp sedang membangunkan platform sehati, Malaysia@Heart atau *MyHeart* yang menghubungkan diaspora Malaysia dengan warganegara di Malaysia, diaspora Malaysia dengan organisasi di Malaysia dan diaspora Malaysia merentasi lokasi. Jaringan platform ini akan memotivasikan kitaran bakat atau *brain circulation* dan tidak terhad kepada pengunduran pekerja mahir atau *brain drain*.

Dalam usaha menarik diaspora pakar kembali ke tanah air, Program Kepulangan Pakar atau *Returning Expert Program*, dengan izin, kini terus diperkasakan. Sejak tahun 2011, lebih daripada 6,500 orang pakar yang telah lulus untuk kembali di bawah program ini. Jumlah pakar yang kembali ini walaupun tampak kecil berbanding jumlah populasi diaspora Malaysia dalam mewujudkan kesan limpahan ekonomi dan sosial yang signifikan kepada negara.

Tuan Yang di-Pertua, lima profesion dan sektor utama yang melibatkan diaspora Malaysia kembali ke tanah air ialah jurutera di sektor minyak, gas dan tenaga, profesional perbankan dan kewangan di sektor perbankan kewangan, pengurusan tertinggi di sektor perkhidmatan profesional, profesional perubatan merangkumi doktor dan Jururawat, profesional ICT di sektor komunikasi.

Selain itu, kementerian melalui TalentCorp bekerjasama dengan Kementerian Pendidikan, Kementerian Pendidikan Tinggi, institut pengajian tinggi awam dan swasta, dan institut latihan kemahiran serta rakan strategik industri dan dewan-dewan perniagaan

melaksanakan inisiatif pendedahan dan pekerjaan kepada pelajar menengah dan inisiatif serta program intervensi bagi pelajar di peringkat *tertiary* dalam usaha meningkatkan kebolehpasaran graduan dan pekerjaan yang setara dengan tahap pendidikan sebagai langkah untuk mengekalkan bakat tempatan bekerja dalam negara ini. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Soalan tambahan.

Datuk Teo Eng Tee @ Teo Kok Chee: Soalan tambahan. Terima kasih Timbalan Menteri. Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan saya. Apa inisiatif yang diambil oleh kementerian untuk membantu golongan belia yang keciciran pekerjaan, pendidikan dan latihan formal?

Kedua, boleh nyatakan kadar pengangguran di Malaysia? Apakah langkah yang diambil oleh kementerian untuk mengatasinya? Terima kasih.

Tuan Haji Mustapha @ Mohd Yunus bin Sakmud: Terima kasih Yang Berhormat Senator atas keprihatinan. Walaupun soalan ini merujuk kepada *brain drain* kita di peringkat negara, bukan di luar negara tetapi memang penting untuk kita fikirkan bersama.

Kementerian- kerajaan sendiri mempunyai polisi yang amat jelas untuk meningkatkan bilangan tenaga mahir negara kepada 35 peratus populasi negara sehingga tahun 2030. Kementerian dan juga 11 kementerian lain menyediakan lebih kurang 1,300 buah pusat latihan bertauliah TVET di seluruh negara. Jadi isu golongan belia tercicir sepatutnya tidak timbul jika semua pihak terutama pelajar dan ibu bapa sedar dengan usaha yang dibuat oleh pihak kerajaan.

Mengenai kadar pengangguran pula, kalau kita lihat, kadar pengangguran mengikut Laporan Survei Tenaga Buruh oleh Jabatan Perangkaan pada tahun lepas- tahun ini telah meningkat 3.6 peratus, berkurang 3.6 peratus berbanding November 2021, 4.3 peratus. Yang lebih membimbangkan juga berdasarkan Laporan Survei Tenaga Buruh oleh Jabatan Perangkaan Malaysia, kadar pengangguran belia bagi suku tahun ketiga tahun 2022 sebanyak 10.8 peratus.

■1050

Ini belia sahaja, Tuan Yang di-Pertua. Berbanding 11.7 peratus pada suku tahun ketiga tahun 2021.

Jadi, untuk mengatasi masalah pengangguran ini kerajaan, kementerian khususnya menyediakan platform MYFutureJobs di PERKESO, yang ini kita menyenaraikan keperluan majikan dan juga kita minta supaya pencari kerja kita berdaftar dan kita padankan kerja dan juga kekosongan.

Pada masa yang sama juga kita sedang giat menjalankan Karnival Kerjaya atau *Job Carnival* di seluruh negara untuk *reach out* kepada belia-belia kita ini supaya mereka dapat berinteraksi dengan majikan, ditemu duga dan mendapat pekerjaan. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Soalan tambahan?

Tuan Jaziri Alkaf Abdillah Suffian: Soalan tambahan Tuan Yang di-Pertua. Soalan saya nombor satu.

Datuk Dr. Dominic Lau Hoe Chai: [Bangun]

Timbalan Yang di-Pertua: Silakan Yang Berhormat.

Tuan Robert Lau Hui Yew: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan saya ialah adakah kementerian akan mempertimbangkan untuk menawarkan cukai yang lebih rendah sebagai satu insentif bagi mereka dalam industri tertentu bagi menarik dan mengekalkan bakat ini di negara kita?

Tuan Haji Mustapha @ Mohd Yunus bin Sakmud: Terima kasih Yang Berhormat Senator. Saya fikir ini satu cadangan yang baik untuk kita berikan cadangan ini kepada pihak kerajaan dan di samping itu juga, banyak lagi polisi-polisi yang lain terutama yang saya sebut tadi, kita kena pastikan bahawa negara kita ini kondusif daripada segi ekonomi, supaya anak-anak muda, pencari-pencari kerja kita akan berada di dalam negara dan tidak akan ke luar negara untuk mencari pekerjaan.

Jadi ini penting. Saya amat bersetuju dengan cadangan Yang Berhormat Senator untuk kita pastikan cukai, insentif cukai ini kepada profesional terutamanya profesional kita, supaya mereka dapat balik ke negara kembali. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Soalan tambahan?

Tuan Jaziri Alkaf Abdillah Suffian: Soalan tambahan saya.

Timbalan Yang di-Pertua: Silakan.

Tuan Jaziri Alkaf Abdillah Suffian: Saya juga adalah seorang daripada 6,000 orang yang *Returning Expert Programme* (REP) itu. So, saya lihat kebelakangan ini, insentif untuk pelawaan balik pulang *expert* berbanding dengan masa saya, kurang menarik. Adakah kerajaan mempunyai perancangan penambahbaikan untuk lebih ramai yang pulang dan berkhidmat untuk tanah air? Terima kasih. *Alhamdulillah*.

Tuan Haji Mustapha @ Mohd Yunus bin Sakmud: Terima kasih Yang Berhormat Senator. Seperti yang saya sebut tadi, sekarang ini kita sedang membuat *programme MyHeart* dan kita harap ia akan *go live* esok dan kita harap kita punya diaspora terutama *expert* kita yang berada di luar negara itu akan melayari portal ini dan melihat keperluan yang ada dan supaya mereka dapat berinteraksi, seperti yang saya sebut antara diaspora kerajaan dan juga majikan-majikan yang ada di negara ini.

Memang itu cabaran yang cukup besar kepada kita untuk menggalakkan mereka kembali sebab daripada segi gaji pun, memang sukar kita bandingkan tetapi seperti yang saya sebut juga tadi, kita sudah- *Returning Experts Programme* kita, kita sudah berjaya sebanyak 6,500 sudah kembali ke negara ini. Kita harap ini akan berterusan dan untuk makluman juga, ada lima sektor diaspora Malaysia yang kembali ke tanah air.

Daripada segi peratusan, sektor minyak, gas dan tenaga, sebanyak 21 peratus. Sektor perkhidmatan kewangan sebanyak 15 peratus, sektor perkhidmatan dan profesional sebanyak 10 peratus, perubatan dan kesihatan 8 peratus dan sektor komunikasi, kandungan dan infrastruktur, 6 peratus.

SEKTOR DIASPORA MALAYSIA	PERATUS (%)
Minyak, gas dan tenaga	21
Perkhidmatan kewangan	15
Perkhidmatan dan profesional	10
Perubatan dan kesihatan	8
Komunikasi, kandungan dan infrastruktur	6

Jadi kita harap supaya platform *MyHeart* ini yang akan *go live*, dengan izin, esok dan ini sebenarnya merangkumi pelbagai usaha untuk memudah cara diaspora Malaysia termasuk peluang pekerjaan dan perkongsian maklumat pasaran buruh, yang saya sebut tadi.

Pendidikan untuk kanak-kanak, permit masuk pasangan dan anak-anak bukan warganegara serta memotivasikan kolaborasi di kalangan diaspora dan juga warganegara di tanah air. Jadi, kita harap dengan platform *MyHeart* ini, kita akan dapat menggalakkan profesional kita, terutamanya tenaga mahir kita yang berada di luar negara itu untuk kembali ke dalam negara. Sekian, terima kasih.

Datuk Dr. Dominic Lau Hoe Chai: Soalan tambahan.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih kepada Yang Berhormat Tuan Haji Mustapha @ Mohd Yunus bin Sakmud, Timbalan Menteri Sumber Manusia atas jawapan yang telah diberikan.

Seterusnya, saya menjemput Datuk Noraini Idris

6. Datuk Judiet binti Fidilis @ Noraini binti Idris minta Menteri Pengangkutan menyatakan, apakah bentuk-bentuk pemantauan yang sedang difokuskan oleh Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ) terhadap salah laku pemalsuan plat pendaftaran kenderaan terutamanya di negeri Sabah yang boleh dimanipulasikan oleh sindiket-sindiket tertentu untuk membawa masuk pendatang tanpa izin secara bebas.

Timbalan Menteri Pengangkutan [Datuk Haji Hasbi bin Habibollah]: *Bismillahi Rahmani Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.* Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat Senator.

Untuk makluman Yang Berhormat Senator, di bawah Akta Pengangkutan Jalan Malaysia 1987 [Akta 333], Jabatan Pengangkutan Jalan Malaysia merupakan agensi tunggal yang bertanggungjawab bagi mendaftar semua kenderaan bermotor dan kenderaan yang

didaftar tersebut akan diperuntukkan nombor pendaftaran yang wajib diperagakan bagi mengikut kaedah yang telah ditetapkan.

Dalam konteks penguatkuasaan JPJ, pemantauan bagi pematuan peraturan penggunaan nombor pendaftaran kenderaan berdaftar yang tidak menepati spesifikasi seperti ukuran saiz, material, termasuk nombor pendaftaran palsu telah dilakukan secara konsisten melalui aduan, sekatan jalan raya serta tindakan operasi rutin di bawah Pelan Strategik Tindakan Penguatkuasaan (PSTP) JPJ.

Berdasarkan rekod JPJ melalui tindakan operasi yang telah dijalankan, terdapat 2,451 kes nombor pendaftaran palsu berjaya dikesan JPJ dalam tempoh 2019 sehingga Februari 2023. Semua kenderaan tersebut telah disita melalui proses undang-undang sedia ada. Daripada 2,451 kes tersebut, hanya sejumlah 76 kes nombor pendaftaran palsu sahaja dikesan di negeri Sabah dan ia tidak berkaitan dengan pemalsuan bagi tujuan untuk membawa masuk pendatang tanpa izin secara bebas. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Soalan tambahan?

Datuk Judiet binti Fidilis @ Noraini binti Idris: Terima kasih kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri atas penjelasan tadi. Soalan tambahan saya, apakah tindakan JPJ terhadap warga tempatan yang didapati menyewakan kenderaan mereka kepada sindiket yang menggunakan kenderaan tersebut untuk membawa masuk warga asing tanpa izin dan bagaimana pihak JPJ memastikan perkara tersebut tidak berulang? Terima kasih.

Datuk Haji Hasbi bin Habibollah: Terima kasih Yang Berhormat Senator. Bagi pengesanan kes manipulasi oleh pihak sindiket, yang antara lain bertujuan membawa masuk pendatang tanpa izin, JPJ juga turut membantu dengan menjalankan penguatkuasaan khas terhadap warga asing melalui operasi Ops PeWA iaitu Operasi Khas Pemandu Warga Asing. Akan tetapi fokusnya adalah kepada kesalahan tiada lesen memandu, tiada lesen kenderaan dan insurans serta kesalahan teknikal kenderaan.

Bagi tempoh 2021 sehingga Februari 2023 ini, sejumlah 207 operasi terhadap warga asing telah dilaksanakan dan sejumlah- ini untuk seluruh negara ya. Sejumlah 99,000 saman telah dikeluarkan atas operasi kesalahan terhadap mereka.

Untuk di negeri Sabah sahaja, di bawah Ops PeWA ini, bilangan warga asing di bawah Ops PeWA pada tahun 2022 ada 65 saman, setakat Februari 2023 ini ada 12 orang yang telah diambil tindakan. Jadi, tentang yang menyewakan kenderaan mereka untuk sindiket-sindiket membawa ini, semua kenderaan terutamanya yang dikeluarkan oleh LPKP untuk Sabah dan Sarawak, ia bertujuan untuk digunakan oleh rakyat kita sendiri, untuk cari makan. Jadi, di sini mereka kadang-kadang ya, kita sendiri terjumpa. Kadang-kadang tengok gambar dekat teksi lain, yang bawa dan pandu ini muka lain.

■1100

Akan tetapi, terus terang kadang-kadang mereka ini apabila di sekatan jalan raya dan sebagainya, kalau didapati, mereka tetap akan diambil tindakan dan sudah pasti lesen-lesen mereka di bawah lembaga *Commercial Vehicle Licensing* ini akan diambil tindakan. Didapati menjual atau menyewakan. Akan tetapi, perkara ini ya lah, perkara ini *mobile*. Selalunya kalau dalam sekatan, memang yang didapati itu memang akan diambil tindakan, sudah pastinya. Lesen tetap akan ditarik balik. Itu satu kemestian. Menyalahgunakan lesen yang telah pun diberikan. Perkara ini adalah berterusan, tidak akan berhenti. Selagi itulah tidak dapat hendak dinoktahkan. Perkara ini tetap berterusan. Terima kasih.

Tuan Sr. Haji Mohd Apandi bin Mohamad: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Bolehkah pihak Yang Berhormat Timbalan Menteri memberitahu kaedah teknikal yang digunakan untuk menyemak pemalsuan plat nombor kereta semasa sekatan-sekatan jalan raya digunakan? Kaedah teknikal yang dipakai sekarang, diguna pakai oleh kementerian.

Datuk Haji Hasbi bin Habibollah: Terima kasih, Yang Berhormat Senator. Sekarang ini, memang ia dapat dikesan apabila dalam sekatan jalan raya. Kita ada ia punya kaedah untuk- kalau sekarang ini, sudah ada *apps* ini, sudah lebih mudah lagi. Sebab kita ada SMAT itu yang untuk dibawa, *portable*, untuk *check* terus dan juga dapat di-*linked* kepada sistem kita. Sama ada lesen ini, apabila kita *on* sistem ini, kita *check*, akan terpapar segala-galanya dalam itu siapa punya kenderaan, *everything of the details of the vehicle, owner* dan sebagainya. Daripada itu kita boleh dapat tahu untuk memastikan sama ada *genuine owner* ataupun dipalsukan dan sebagainya. Ada kaitan dengan *chassis number*. Untuk mendapatkan pendaftaran pun mesti *chassis number* semua adalah selari dengan pendaftaran ini. Jadi, semuanya ini memang ada dalam sistem kita.

Memang ada diuar-uarkan sekarang ialah tentang *digital plate number*. Sudah pun dijawab oleh Yang Berhormat Menteri juga hari itu. Persoalan yang dibangkitkan oleh seorang wakil rakyat kita. Jadi, ini memang dalam kajian kita. *They call it Automatic Number-Plate Recognition* (ANPR) ini ya. ANPR, *they call it ANPR. The details* ada ia punya ini. Saya tidak ingat sedikitlah tetapi ANPR. *This is automatic, digital* punya pendaftaran.

Jadi, kalau ini menjadi satu kenyataan, suatu hari nanti ini lebih mudah lagi. Malahan kita boleh menggunakan kata orang di-*checked* dari luar pun dapat kita tahu, daripada plat nombor itu sendiri bahawa ia adalah yang *genuine* ataupun tidak. Ini dalam proses dan melibatkan kos dan juga bukan kita sahaja. Ada agensi lain lagi yang terpaksa dibawa bersama kita di bawah sistem mySikap kita itu untuk di-*enhanced* lagi. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih kepada Yang Berhormat Datuk Haji Hasbi bin Habibollah, Timbalan Menteri Pengangkutan atas jawapan yang telah diberikan.

Seterusnya, saya menjemput Yang Berhormat Tuan Sr. Haji Mohd Apandi bin Mohamad.

7. Tuan Sr. Haji Mohd Apandi bin Mohamad minta Menteri Pembangunan Kerajaan Tempatan menyatakan, berapakah peruntukan yang disediakan oleh kementerian untuk menaik taraf lokasi tarikan alam semula jadi yang berada di bawah pentadbiran kerajaan tempatan sama ada bandar raya, bandar dan daerah.

Timbalan Menteri Pembangunan Kerajaan Tempatan [Tuan Haji Akmal Nasrullah bin Mohd Nasir]: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Soalan Yang Berhormat Senator memang spesifik kepada berapakah peruntukan yang disediakan oleh kementerian untuk menaik taraf lokasi tarikan alam semula jadi. Jadi, untuk makluman Dewan Negara, KPKT melalui Jabatan Landskap Negara telah melaksanakan program pemuliharaan landskap di seluruh negara sejak RMKe-9.

Antara fokus program ini termasuklah memulihara dan menaik taraf kawasan landskap semula jadi seperti kawasan paya bakau, kawasan tanah tinggi, tasik, habitat fauna serta kolam air panas. Sehingga kini, Jabatan Landskap telah melaksanakan 14 projek pemuliharaan landskap dengan satu lagi projek sedang dalam peringkat pelaksanaan iaitu di kawasan paya bakau dengan jumlah peruntukan keseluruhan berjumlah RM9.8 juta.

Memandangkan masa masih ada, mungkin saya boleh juga sebut antara kawasan-kawasan yang kita telah laksanakan iaitu, sebagai contoh:

- (i) pemuliharaan Tasik Cermin Gunung Rapat, Ipoh, Perak;
- (ii) pemuliharaan kawasan paya bakau Tanjung Ketapang Muar,
- (iii) pemuliharaan kawasan bekas lombong bijih besi Bukit Besi, Dungun;
- (iv) pemuliharaan kawasan kolam air panas Cherana Putih, Melaka;
- (v) pewujudan semula habitat pokok periuk kera Padawan, Sarawak;
- (vi) pemuliharaan visual dan sejarah landskap Pantai Minyak Beku, Batu Pahat;
- (vii) pemuliharaan landskap kawasan hutan bakau Sungai Peradin, Pontian;
- (viii) pemuliharaan tumbuhan endemik Bukit Bendera, Kota Kinabalu;
- (ix) pemuliharaan kawasan tanah padat Seksyen 7, Shah Alam;
- (x) pemuliharaan kepelbagaian biologi Bukit Larut, Taiping;
- (xi) pemuliharaan kawasan Pantai Teluk Senangin, Manjung;
- (xii) pemuliharaan landskap kawasan paya bakau Kina Benuwa fasa 2, Labuan;
- (xiii) pemuliharaan landskap kawasan Pantai Bagan Pinang, Port Dickson;
- (xiv) cadangan pemuliharaan landskap visual ke Tapak Warisan Dunia UNESCO Lembah Lenggong, Perak; dan

- (xv) yang dalam peringkat pembinaan, cadangan pemuliharaan kunang-kunang Sungai Yak Yah, Kemaman, Terengganu.

Sekian, Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih.

Tuan Sr. Haji Mohd Apandi bin Mohamad: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan Yang Berhormat Timbalan Menteri.

Daripada tindakan yang telah diambil oleh kerajaan, apakah kerajaan melihat kesan komersial yang sederhana ataupun menarik kepada sama ada majlis bandar raya tersebut ataupun pada perbandaran tersebut atau majlis daerah tersebut? Daripada tindakan yang diambil. Kesan komersial kepada tempat-tempat yang telah diusahakan tersebut.

Tuan Haji Akmal Nasrullah bin Mohd Nasir: Terima kasih, Yang Berhormat Senator. Ketika ini, daripada segi kaedah penyusunan itu, kementerian maksudnya bertindak untuk- Apabila mendapat permohonan, kita akan proses dan juga seterusnya mengambil tindakan untuk pemuliharaan.

Cuma, di situ juga sebenarnya Yang Berhormat Senator membangkitkan satu persoalan yang sebenarnya sangat penting iaitu industri landskap ini kadangkala tidak diletakkan nilai komersialnya. Kalau kita tengok, kalau sebut landskap, ini hanya seolah-olah penambahan ataupun nilai yang paling akhir.

Cuma dalam kes ini, apabila Jabatan Landskap terlibat secara langsung, itu kita memulihkan satu warisan ataupun khazanah negara. Jadi, sebenarnya tanggungjawab itu selain soal komersial juga soal nilai peradaban ataupun nilai flora dan fauna itu yang perlu kita jaga. Jadi, kalau tanya ataupun persoalan yang ditimbulkan itu, sememangnya untuk industri landskap ini perlu diberikan lagi pengkhususan ataupun meletakkan tarafnya sama tinggi untuk ada juga penilaian daripada segi *commercial value*.

Jadi, saya menyambut baik hasrat daripada Yang Berhormat Senator dan memang itulah antara hasrat yang kita bincangkan secara dalaman supaya akhirnya, landskap ini akan menjadi satu- industri yang penting dalam negara. Terima kasih.

Tuan Aknan a/l Ehtook: Tambahan.

Timbalan Yang di-Pertua: Silakan.

Tuan Aknan a/l Ehtook: Terima kasih. Menyebut tentang landskap ini, kita tidak boleh lari daripada pokok bunga, buah dan sebagainya. Akan tetapi, ada satu aspek lagi yang mungkin kita terlepas pandang iaitu kebersihan kawasan itu sendiri. Mungkin bunga cantik, taman cantik tetapi kebersihannya tidak terjaga dengan sepenuhnya.

Cuma saya hendak tanya Yang Berhormat Timbalan Menteri, adakah ada pihak wakil penduduk tempatan dilantik untuk memantau prestasi kerja pihak berkuasa tempatan dalam menjaga kebersihan dan juga kecantikan kawasan di sekitar kawasan tersebut? Terima kasih.

Tuan Haji Akmal Nasrullah bin Mohd Nasir: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih, Yang Berhormat Senator. Kalau daripada segi proses landskap tadi, kalau pada peringkat jabatan, memang kita ada empat tumpuan utama iaitu pertama, soal program taman awam. Kalau contohnya, kita ada taman awam yang besar, ada taman persekutuan. Kemudian kita juga ada program pembangunan landskap. Ini bersifat perbandaran ataupun kita juga ada pembangunan landskap khusus yang dibangunkan. Ketiga, program promosi dan keempat, soal penyelidikan dan pemuliharaan landskap.

Apabila sesuatu projek itu telah dilaksanakan, seperti mana yang contoh soalan pertama tadi, kita sebenarnya ada perjanjian dengan kerajaan negeri ataupun pihak berkuasa tempatan untuk mengambil tanggungjawab tersebut kerana apabila dimohon itu, soal manfaat ataupun kesannya adalah di kawasan lokaliti tersebut.

■1110

Jadi, bila sesuatu projek landskap itu dilaksanakan, sebenarnya untuk tanggungjawab menyelenggarakan- saya rasa itu yang dimaksudkan oleh Yang Berhormat Senator. Sebenarnya diserahkan kepada pihak berkuasa tempatan (PBT). Jadi, sebenarnya sebelum kita mulakan itu, perjanjian itu, ada kesefahaman, ada tandatangan yang kita buat. Cuma, bila sampai pada suatu ketika, kita juga dapati ada juga landskap yang sudah terbiar dan sebagainya.

Jadi, sebab itu kesedaran soal untuk melibatkan pihak ataupun masyarakat itu untuk sebenarnya sama-sama menjaga sangat penting. Malah, perkara ini juga kadangkala kalau soal landskap binaan itu memang mungkin tidak tahan lama dan sebagainya, itu juga menyusahkan pihak penyelenggara. Jadi, bagi saya, semua pemegang taruh ini kena mainkan peranan kerana dalam soal landskap ini bukan sahaja ia bahan binaan tetapi penyelenggaraan itu sama penting atau sebenarnya lebih penting daripada untuk memulakan projek itu.

Sekian, terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih kepada Yang Berhormat Tuan Haji Akmal Nasrullah bin Mohd Nasir, Timbalan Menteri Pembangunan Kerajaan Tempatan atas jawapan yang telah diberikan.

8. Tuan Haji Aziz bin Ariffin minta Menteri Dalam Negeri menyatakan, apakah punca utama kekurangan stok kad pengenalan kanak-kanak (MyKid) sehingga menyebabkan pengeluaran MyKid terpaksa ditangguhkan selama enam bulan dan tempoh menunggu hampir empat bulan untuk kad tersebut dikeluarkan.

Timbalan Menteri Dalam Negeri [Datuk Seri Dr. Shamsul Anuar bin Nasarah]: *Bismillahi Rahmani Rahim.* Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Menjawab soalan kelapan, Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman sahabat saya Ahli Yang Berhormat, pengeluaran kad

pengenalan kanak-kanak (MyKid) bayi baru lahir di negara ini ditangguhkan selama enam bulan dari Januari 2023 susulan masalah kekurangan bekalan mikro cip yang terkesan di peringkat global, bukan di negara kita sahaja, sejak pandemik COVID-19 melanda dunia.

Walau bagaimanapun, permohonan kali pertama MyKid masih boleh dikemukakan di mana-mana Jabatan Pendaftaran Negara negeri atau daerah. Jabatan Pendaftaran Negara berusaha untuk menyelesaikan permohonan-permohonan yang diterima secara berperingkat.

Buat masa ini, ibu bapa dan penjaga dinasihatkan untuk menggunakan dokumen kelahiran yang dikeluarkan oleh JPN bagi sebarang urusan berkaitan kerana dokumen tersebut merupakan dokumen pengenalan diri yang sah dikeluarkan oleh kerajaan. Agensi-agensi kerajaan dan swasta juga diminta dan dipohon untuk menerima sijil kelahiran untuk sebarang urusan berkaitan kanak-kanak kerana dokumen itu adalah satu-satunya dokumen rasmi yang diperakukan oleh kerajaan dan boleh diguna pakai oleh semua pihak.

Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua: Soalan tambahan.

Tuan Haji Aziz bin Ariffin: Soalan tambahan. Mengapakah penggantian semula MyKid tidak lagi ditawarkan sedangkan MyKid merupakan satu- dokumen pengenalan diri yang sangat penting bagi kanak-kanak yang berumur di bawah 12 tahun seperti mana MyKad?

Bagaimanakah sekiranya berlaku perkara yang tidak diingini sedangkan sijil kelahiran merupakan dokumen yang agak sukar untuk dibawa ke mana-mana? Apakah terdapat cadangan serta kajian yang dilaksanakan oleh pihak kerajaan bagi menggantikan MyKid sedia ada kepada MyKid digital selari dengan kemajuan teknologi yang sudah pastinya dapat menjimatkan kos? Terima kasih.

Datuk Seri Dr. Shamsul Anuar bin Nasarah: Terima kasih Yang Berhormat atas soalan tambahan berkenaan. Penggantian MyKid buat masa ini ditangguhkan dan tidak ditawarkan kerana Jabatan Pendaftaran Negara sedang memberi tumpuan untuk permohonan kali pertama sahaja. Ini sementara. Meskipun begitu, saya sebut tadi bahawa penjaga masih boleh menggunakan dokumen sijil lahir. Itu dokumen yang sah. Cuma, ia berbeza daripada segi fizikalnya, tetapi itu dokumen yang ada buat masa ini dan boleh diguna pakai.

Bagi menjawab soalan yang kedua tadi, pihak kerajaan mengambil maklum tentang perkara tersebut. Memang kita juga sedang membuat kajian untuk menambah baik dan menggunakan apa juga teknologi terkini untuk MyKid terutama dalam ciri-ciri keselamatan supaya ia lebih baik dan terkini penggunaannya. Terima kasih.

Tuan Sr. Haji Mohamad Apandi bin Mohamad: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Apakah faktor yang menyebabkan kerajaan terpaksa menunggu enam bulan? Bila kah

tempoh enam bulan itu akan diaktifkan semula, seperti mana yang dijawab oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri?

Datuk Seri Dr. Shamsul Anuar bin Nasarah: Sebagaimana saya sebutkan tadi, Yang Berhormat, masalah kekurangan bekalan ini berpunca daripada pandemik. Maknanya, gangguan daripada sektor industri dan sebagainya.

Untuk makluman Yang Berhormat, kita telah pun menyediakan kertas cadangan perolehan baharu iaitu tender terbuka sebagaimana dasar baharu kerajaan. *Insyaa-Allah*, dalam tempoh enam bulan ini, setelah proses tender sedang dibuat- dan kita dalam peringkat perincian termasuklah ciri-ciri baharu yang hendak dimasukkan dalam MyKad baharu. Dan sekitar RM34 juta untuk kos dalam tawaran yang baharu. Dalam tempoh enam bulan ini, *insyaa-Allah*, pada Julai ini kita akan mengatasi masalah yang kita hadapi hari ini.

Terima kasih.

Tuan Akmaz a/l Ehtook: Satu lagi tambahan.

Timbalan Yang di-Pertua: Silakan.

Tuan Akmaz a/l Ehtook: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Tadi kita sebut tentang MyKid, cip tidak cukup. Jadi saya hendak tanya, adakah kekurangan cip ini juga memberi kesan kepada penukaran kad pengenalan untuk orang dewasa? Terima kasih.

Datuk Seri Dr. Shamsul Anuar bin Nasarah: Untuk makluman, ini hanya melibatkan MyKid sahaja, tidak kepada yang lain.

Untuk makluman Dewan, saya boleh sebut juga, sebenarnya kita terus menerima permohonan. Jadi, mana-mana pihak boleh mengemukakan permohonan MyKid. Cuma kita tangguh daripada segi pengeluaran. Mengikut data kita yang ada pada hari ini, seramai 252,146 permohonan MyKid belum dicetak. Jadi yang belum dapat itu, selepas bulan Julai kita akan bagi. Ini data yang kita ada. Jadi yang saya sebut ini ialah masalah MyKid. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih kepada Yang Berhormat Datuk Seri Dr. Shamsul Anuar bin Nasarah, Timbalan Menteri Dalam Negeri atas jawapan yang telah diberikan.

9. Dato' Haji Jefridin bin Haji Atan minta Menteri Kesihatan menyatakan, apa tindakan agresif kementerian dalam menambah baik budaya kerja perkhidmatan kesihatan terutamanya yang melibatkan waktu kerja yang panjang sekali gus mengakibatkan petugas kesihatan mengalami tekanan kerja dan memberi kesan negatif kepada tugas mereka.

Menteri Kesihatan [Dr. Zaliha binti Mustafa]: *Bismillahi Rahmani Rahim*. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin mengambil kesempatan pada hari pertama saya di Dewan Negara ini dengan mengucapkan *Ramadhan Kareem* kepada semua yang beragama Islam dan selamat meneruskan ibadah puasa.

Tuan Yang di-Pertua serta Yang Berhormat Senator yang bertanya, terima kasih saya ucapkan atas persoalan ini. Untuk pengetahuan Yang Berhormat dan semua Ahli Dewan Negara, Kementerian Kesihatan Malaysia *acknowledge*, dengan izin, isu-isu yang berbangkit. Setiap fasiliti kesihatan KKM yang menyediakan perkhidmatan kesihatan dan perawatan kepada pesakit adalah diarahkan untuk memastikan jadual bekerja anggota kementerian diatur dengan sebaik mungkin bagi penyampaian perkhidmatan kesihatan yang selamat dan juga berkualiti.

Penetapan jumlah waktu bekerja bagi pegawai perkhidmatan awam adalah berdasarkan Perintah Am Bab G 1974 – Waktu Bekerja dan Lebih Masa. Ini termasuk bagi anggota KKM yang bertugas di fasiliti KKM. KKM juga sedar akan beban waktu kerja yang panjang. Namun, dalam masa yang sama dan keadaan tertentu, ia memerlukan anggota kesihatan bekerja lebih masa.

Walaupun bagaimanapun, atas keperluan perkhidmatan, seseorang pegawai boleh diarahkan bertugas melebihi waktu bekerja biasanya sama ada waktu bekerja pejabat atau syif. Pegawai perubatan yang diarahkan bertugas melebihi waktu bekerja biasanya boleh dibayar dengan elaun tertentu seperti Elaun Tugas Atas Panggilan- *On-Call Allowance* juga Elaun Lokum, dan Elaun Pembedahan Elektif. Manakala anggota dalam kumpulan pelaksana boleh dibayar elaun lebih masa. Selain itu, pegawai yang diarahkan bekerja lebih masa juga boleh diberikan kemudahan cuti gantian.

■1120

Ekoran daripada peningkatan kes NCD juga, KKM juga menghadapi peningkatan bilangan pesakit dalam dan juga pesakit luar di fasiliti kesihatan terutamanya di hospital. Jumlah pesakit di fasiliti KKM melebihi kapasiti sumber yang sedia ada. Untuk mengurangkan kesesakan di hospital ini, kita juga telah melaksanakan projek rintis yang diketuai oleh Pasukan Petugas Khas Reformasi Sektor Awam (STAR) yang juga ditubuhkan di bawah penyeliaan Ketua Setiausaha Negara (KSN).

Jadi, KKM sebenarnya ada beberapa cara juga yang kita telah sedia ada dalam sistem kita untuk kita sebenarnya membudayakan juga sistem ataupun usaha pendigitalan untuk mengurangkan beban kerja anggota-anggota kementerian.

Tuan Yang di-Pertua, saya minta sedikit masa lagi. KKM juga memfokuskan tentang beberapa perkara iaitu kita ada melaksanakan amalan penjadualan yang boleh membantu sebenarnya, memastikan anggota mempunyai masa rehat yang mencukupi antara syif itu. Jadi, ini termasuklah syif dalam memberikan cuti dan sebagainya. Anggota KKM juga kita sediakan perkhidmatan kalau mereka mempunyai tekanan, tekanan dari sudut emosi, tekanan mental dan sebagainya, kita juga ada memberi perkhidmatan khidmat sokongan yang diadakan iaitu Program KOSPEN WOW yang boleh membantu mengurangkan tekanan dan memberikan nasihat serta kaunseling kepada anggota. Terima kasih.

Datuk Wira Dr. Mohd Hatta bin Md Ramli: Soalan tambahan.

Dato' Haji Jefridin bin Haji Atan: Soalan tambahan. Terima kasih kepada Yang Berhormat Menteri atas jawapan.

Soalan tambahan saya, adakah pihak kementerian mempertimbangkan untuk menambah jawatan doktor kontrak bagi menangani masalah ini dan tadi Yang Berhormat Menteri ada menyebut tentang elaun khas yang bersesuaian dengan doktor yang dipanggil bekerja. Adakah juga kementerian ingin menimbangkan untuk menyediakan kemudahan perumahan, tempat yang bersesuaian untuk doktor yang berkhidmat supaya tidak jauh berulang-alik? Terima kasih.

Dr. Zaliha binti Mustafa: Terima kasih Yang Berhormat Senator. Jadi, soalan yang pertama tentang doktor kontrak. Ini memang saya maklum, persoalan tentang doktor kontrak, juga petugas-petugas kontrak yang lain sentiasa menjadi bahan, sama ada dalam media mahupun juga di luar sana.

Jadi, saya ingin memberitahu bahawa sebenarnya memang kita mengambil- perkara ini kita ambil penting, sama ada untuk kita meningkatkan ataupun mengambil doktor-doktor atau petugas-petugas kontrak ini masuk kepada sistem perkhidmatan yang tetap, perjawatan tetap. Akan tetapi juga saya ingin tekankan, itu maksudnya bukan terletak atas beban Kementerian Kesihatan Malaysia, kita sentiasa sebenarnya menjalankan perbincangan dan libat urus dengan JPA dan juga MOF. Jadi, ada satu perkara yang mungkin kita akan boleh pertimbangkan yang kita sedang bawa untuk dipertimbangkan oleh JPA.

Kita sedar tentang beban kerajaan yang berdepan dengan beban skim pencen. Pada tahun 2011, beban negara terhadap pencen ini ialah sebanyak RM3.6 bilion tetapi tahun 2021, meningkat kepada RM29.1 bilion. Jadi, itu beban yang sangat tinggi kepada negara dan mungkin akan meningkat lagi.

Jadi, kita mungkin kena memikirkan jalan keluar. Kita telah mengusulkan juga contohnya, di antaranya mengambil pekerja-pekerja kontrak ini secara tetap, tetapi tidak berpencen. Ini adalah di antara satu perkara yang mungkin kita boleh fikirkan sebab dengan keadaan begitu, petugas kita ada *though*. Apa yang mereka dapat itu merupakan perkara yang juga pekerja-pekerja yang dalam perjawatan tetap dapat. Contohnya kadang-kadang mereka boleh mungkin ambil *loan* rumah dan sebagainya. Jadi, ini antara jalan keluar yang mungkin kita kena fikirkan dan kita sedang juga berbincang dengan JPA tentang perkara ini.

Tentang elaun khas dan perumahan semua itu Yang Berhormat Senator, memang kita sentiasa mengutamakan kebajikan petugas-petugas kita. Jadi, elaun-elaun yang tersebut yang saya sudah bacakan tadi, itu elaun sedia ada. Jadi, tentang perumahan juga sebenarnya contohnya, kebiasaannya doktor-doktor *housemanship* ataupun doktor siswazah juga ada penempatan yang disediakan yang berdekatan dengan hospital untuk mereka mudah bekerja

sebab mereka ini selalu *on call* dan sebagainya. Jadi, ini mungkin kita kena fikir jugalah untuk memastikan kebajikan mereka terjaga. Terima kasih Yang Berhormat Senator.

Datuk Wira Dr. Mohd Hatta bin Md Ramli: Soalan tambahan.

Timbalan Yang di-Pertua: Silakan.

Datuk Wira Dr. Mohd Hatta bin Md Ramli: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Yang Berhormat Menteri. Rungutan yang kita dengar mengenai soalan asal tadi itu, beban kerja yang banyak itu, kita terima melalui sosial media ini cukup banyak.

Soalan saya, adakah perkara ini berlaku di sebahagian ataupun *certain hospital* sahaja ataupun ia menyeluruh? Adakah jalan penyelesaian yang disebut oleh Yang Berhormat Menteri tadi dengan pembayaran ataupun dengan masalah ini, pembayaran ganti masa tadi itu, sesuatu yang sudah menjadi *norm* ataupun *exception*? Kalau sudah menjadi *norm*, ertinya masalah itu kita sudah terima. Akan tetapi kalau *exception*, saya rasa kita boleh menyelesaikan lagi masalah beban kerja. Terima kasih.

Dr. Zaliha binti Mustafa: Terima kasih Yang Berhormat Senator. Sebenarnya saya juga ingin menyatakan permasalahan-permasalahan yang kita hadapi dalam kementerian ini merupakan permasalahan *legacy*. Bila saya ambil alih, telah memang banyak yang kita warisi. Jadi apa pun, itu tidak menjadi halangan untuk kita memikirkan cara-cara terbaik untuk menyelesaikan masalah yang sedia ada ataupun masalah yang telah lama diwarisi dalam kementerian.

Jadi, saya yakin dan soalan tadi adakah di setiap tempat, sebenarnya kebanyakan seluruh negara permasalahan ini memang ada. Jadi memang kita kena ambil pendekatan yang meluas dan mungkin perlu menjadi bukan sahaja keprihatinan oleh kementerian, bahkan juga mungkin kepada seluruh kerajaan yang ada.

Tentang elaun dan sebagainya itu tadi, juga saya telah sebutkan. Ada perkara yang telah sedia ada, ada perkara yang kita kena fikirkan cara baharu untuk menyelesaikan masalah itu. Saya mengambil maklum Yang Berhormat Senator, tentang apa Yang Berhormat Senator sebut tadi dan *insya-Allah* kita akan memperincikan lagi, menelitinya lagi dan *insya-Allah* cuba datang dengan penyelesaian terbaik. *Insyah-Allah*, terima kasih.

Dr. Hajah Wan Martina binti Wan Yusoff: Soalan tambahan.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih kepada Yang Berhormat Dr. Zaliha binti Mustafa, Menteri Kesihatan atas jawapan yang telah diberikan. Seterusnya saya menjemput Yang Berhormat Dato' Dr. Ahmad Azam bin Hamzah.

Dato' Dr. Ahmad Azam bin Hamzah: *Assalamualaikum* dan salam sejahtera. Tuan Yang di-Pertua, soalan saya nombor 10.

10. Dato' Dr. Ahmad Azam bin Hamzah minta Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri menyatakan, mengenai Perjanjian Komprehensif dan Progresif bagi Perkongsian Trans-Pasifik (CPTPP) yang akan memberi tekanan kepada pengilang di Malaysia susulan peningkatan mata wang Dolar yang akan menaikkan kos operasi mereka. Apakah tindakan kerajaan dalam membendung masalah ini?

Timbalan Yang di-Pertua: Silakan Yang Berhormat Menteri.

Timbalan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri [Tuan Liew Chin Tong]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Senator Dato' Dr Ahmad Azam bin Hamzah.

Perjanjian CPTPP telah diratifikasi pada 30 September 2022 dan seterusnya dikuatkuasakan pada 29 November 2022. Isu kenaikan ataupun penurunan kadar mata wang asing tidak pernah disentuh atau dirunding di dalam mana-mana Perjanjian Perdagangan Bebas (FTA) yang disertai oleh Malaysia termasuk perjanjian CPTPP. Sehubungan itu, penguatkuasaan mana-mana perjanjian FTA oleh Malaysia termasuk CPTPP tidak mempunyai kaitan secara langsung kepada kadar kenaikan atau penurunan nilai mata wang ringgit berbanding mata wang lain. Kadar nilai mata wang ringgit berbanding mata wang lain lebih dipengaruhi oleh keadaan ekonomi global dan pengaruh pasaran semasa.

MITI mengambil maklum bahawa kadar pertukaran mata wang ringgit sedikit sebanyak memberi kesan kepada nilai pendapatan eksport dan nilai perbelanjaan import barangan dan perkhidmatan. Antara inisiatif ialah melalui konsultasi bersama industri atau *stakeholder engagement* dalam meningkatkan pengetahuan berhubung peraturan tempasal atau *rules of origin* dalam perjanjian FTA termasuk CPTPP untuk membantu pengeksport dan peruntukan ROO di bawah CPTPP adalah lebih bersifat memudah cara perdagangan dan mesra pelanggan.

■1130

Melalui pelaksanaan peraturan tempasal seumpamanya, sektor pengilangan Malaysia akan mempunyai lebih banyak pilihan dalam memperoleh sumber bahan mentah dengan harga yang lebih kompetitif di kalangan negara-negara anggota CPTPP dengan harapan dapat meningkatkan pengeluaran tempatan dan eksport negara. Terima kasih.

Dato' Dr. Ahmad Azam bin Hamzah: Soalan tambahan saya Tuan Yang di-Pertua. Adakah CPTPP sama dengan TPPA dahulu? Sebab TPPA dahulu diwujudkan dengan kehadiran USA, selepas itu USA tarik diri dan saya rasa dia menjadi CPTPP. Jadi, kalau lebih kurang sama, saya rasa efek yang paling besar ialah TPPA dahulu tidak membenarkan negara anggota menggunakan ubat-ubatan yang generik. Jadi, ubat-ubat mesti menggunakan ubat-ubat yang original yang saya rasa jauh lebih mahal daripada generik lah. Jadi, apakah komen Yang Berhormat Timbalan Menteri?

Tuan Liew Chin Tong: CPTPP adalah selepas Amerika Syarikat tarik diri daripada TPPA. CPTPP ialah perjanjian seterusnya yang tidak merangkumi Amerika Syarikat. CPTPP ada 26 *Chapter*- 26 bab, dan ia ada beberapa ribu helai muka surat. Banyak telah dirundingkan, dan juga ada *carve out*, ada yang perjanjian di antara negara-negara tersebut termasuk *side agreement* dan semua ini boleh diketahui oleh umum dan sudah diketahui oleh umum dan tidak termasuk apa yang disebut tadi. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Silakan.

Tuan Sr. Haji Mohd Apandi bin Mohamad: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Kenapa kerajaan tidak memasukkan faktor perubahan wang Ringgit dalam menentukan satu-satu isu atau faktor yang boleh menentukan kedudukan perniagaan dalam perjanjian ini. Ini kerana itu faktor penting kenaikan dan penurunan wang ringgit. Saya berpengalaman jauh dalam bab ini. Kenapakah tidak mengambil itu sebagai satu asas dalam menentukan perjanjian ini?

Tuan Liew Chin Tong: Dasar *monetary policy* diuruskan oleh Bank Negara dan Bank Negara diuruskan tanpa campur tangan daripada kerajaan. Ini CPTPP ialah perjanjian perdagangan di antara kerajaan. *So, monetary policy* atau dasar monetari tidak ada kaitan dengan atau tidak terima apa-apa pengaruh dari kerajaan. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih kepada Yang Berhormat Tuan Liew Chin Tong, Timbalan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri atas jawapan yang telah diberikan.

Seterusnya, saya menjemput Yang Berhormat Datuk Wira Koh Nai Kwong.

Datuk Wira Koh Nai Kwong: Tuan Yang di-Pertua, soalan saya nombor 11.

11. Datuk Wira Koh Nai Kwong minta Menteri Pengangkutan menyatakan, apa langkah-langkah yang boleh diambil oleh kementerian untuk merencanakan penggunaan mod pengangkutan awam terutama di bandar-bandar utama dalam kalangan rakyat dan jelaskan cara merapatkan jurang mobiliti antara bandar dan luar bandar.

Timbalan Yang di-Pertua: Silakan Yang Berhormat Timbalan Menteri.

Timbalan Menteri Pengangkutan [Datuk Haji Hasbi bin Habibollah]: *Bismillahi Rahmani Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.* Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Senator.

Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Pengangkutan sentiasa komited dalam usaha memperluaskan liputan rangkaian dan menambah baik tahap perkhidmatan pengangkutan awam agar dapat merencanakan penggunaan perkhidmatan pengangkutan awam terutamanya di bandar-bandar utama.

Pelbagai usaha telah dirancang dan sedang dilaksanakan merangkumi perluasan kawasan liputan perkhidmatan pengangkutan awam, pelaksanaan projek-projek atau program pengangkutan awam pelbagai mod dan inisiatif penjimatan kos perjalanan kepada pengguna.

Bagi meningkatkan penggunaan perkhidmatan pengangkutan awam rel, kerajaan telah melaksanakan projek-projek perluasan liputan rangkaian kereta api baharu dan naik taraf landasan yang dijangka dapat juga memberi manfaat pertumbuhan ekonomi di kawasan sekitar jajaran.

Ini termasuk projek MRT Putrajaya, MRT2 yang telah beroperasi bermula 16 Mac 2023, projek MRT3- laluan lingkaran yang akan meliputi perimeter luar Bandaraya Kuala Lumpur dan sebahagian kawasan berpenduduk padat di kawasan Ampang Jaya, Selangor, projek LRT Shah Alam atau LRT3 yang menghubungkan Bandar Utama ke Johan Setia, Projek Landasan Keretapi Pantai Timur (ECRL) yang menghubungkan bandar-bandar sepanjang jajaran Pelabuhan Klang ke Kota Bharu, projek *Rapid Transit System* (RTS) antara Johor Bharu dan Singapura serta projek-projek naik taraf landasan seperti *Klang Valley Double Track* (KVDT), dan Landasan Berkembar Elektrik Gemas ke Johor Bharu.

Kerajaan juga mengambil berat berkenaan usaha mempertingkatkan kekerapan dan kualiti pengangkutan awam rel. Untuk tujuan ini, kerajaan merancang untuk menggantikan stok kereta api bagi KL Monorel, pembelian stok kereta api empat buah gerabak bagi LRT Kelana Jaya dan penggantian aset *Track Transit System* (TTS) KLIA, dengan izin.

Perkhidmatan bas berhenti-henti pula merupakan salah satu mod pengangkutan yang melengkapkan sistem pengangkutan awam di negara ini, bagi memastikan liputan perkhidmatan bas berhenti-henti di bandar-bandar utama sentiasa ditambah baik. Kerajaan sejak tahun 2015 telah melaksanakan program transformasi perkhidmatan bas berhenti-henti, *Stage Bus Service Transformation* (SBST) di Kangar, Seremban, Ipoh, Kuala Terengganu dan Johor Bahru. Program SBST juga akan diperluaskan ke negeri Melaka, Kuching dan Kota Kinabalu bermula tahun 2023 ini.

Bagi memastikan liputan perkhidmatan bas berhenti-henti terutamanya bagi laluan-laluan di luar bandar terus tersedia, kerajaan turut menyalurkan dana sokongan sementara bas berhenti-henti iaitu *Interim Stage Bus Support Fund* (ISBSF) kepada pengendali yang layak bagi menampung kos pengendalian terlibat.

Bagi zon liputan yang lebih kecil atau mempunyai kekangan akses untuk bas bersaiz besar, kerajaan juga telah memperkenalkan perkhidmatan *Bus on Demand* (BOD) yang dilaksanakan secara, dengan izin, *proof of concept* bermula 1 September 2022 hingga 31 Ogos 2023. Buat masa ini, terdapat dua- pengendali telah diberi kelulusan untuk menjalankan perkhidmatan BOD di bawah POC ini iaitu di Petaling Jaya dan Shah Alam.

Bagi menggalakkan penggunaan pengangkutan awam dengan kos yang lebih menjimatkan, kerajaan juga telah memperkenalkan inisiatif pas perjalanan tanpa had sejak

Disember 2018. Antara pas perjalanan tanpa had yang sedang dilaksanakan kerajaan adalah satu, My50 khusus untuk perkhidmatan rel dan bas kendalian Syarikat Prasarana Malaysia Berhad di Lembah Klang dengan purata langganan sebulan mencapai 100,000 - pas.

Keduanya ialah *MyRail Life* iaitu pas perjalanan tanpa had yang telah diperkenalkan bermula 15 Februari tahun ini hingga 14 Februari 2024 yang diberikan secara percuma kepada pelajar sekolah dan orang kurang upaya yang menggunakan perkhidmatan KTM, Komuter sektor Lembah Klang dan Utara serta KTM *Shuttle Timuran*.

Bagi perkhidmatan bas berhenti-henti di luar Lembah Klang pula, kerajaan telah memperluaskan inisiatif pas perjalanan tanpa had untuk perkhidmatan MyBAS di Johor Bahru yang telah dikenali dengan pas MyBAS50. Perkenalan pas ini dijangka akan meningkatkan penggunaan perkhidmatan MyBAS Johor Bahru.

Langkah-langkah yang telah dilaksanakan dan sedang dalam perancangan kerajaan ini sudah tentu bermatlamat untuk menggalakkan penggunaan pengangkutan awam agar ia menjadi mod pengangkutan pilihan rakyat sama ada di bandar ataupun luar bandar. Melalui projek ataupun program perluasan liputan rangkaian perkhidmatan rel dan bas yang lebih menyeluruh, ia sudah tentu akan merapatkan jurang mobiliti antara bandar dan luar bandar. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Silakan.

Datuk Wira Koh Nai Kwong: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan saya adalah apakah langkah-langkah yang diambil oleh kementerian untuk memastikan pengangkutan awam beroperasi pada waktu yang tepat supaya penumpangnya boleh tiba di destinasi pada masa yang dijangka. Terima kasih.

■1140

Datuk Haji Hasbi bin Habibollah: Terima kasih Yang Berhormat Senator. Satunya ialah tentang kalau kereta api, LRT, Monorel dan sebagainya. Masa itu memang dijaga *because it is automatic system*. Jadi, daripada kita yang ada permasalahan ini mungkin bas. Di mana kita tahu dalam jem dan sebagainya.

Akan tetapi kerajaan sentiasa dengan mengadakan seperti kita lihat kalau di Kuala Lumpur ini iaitu laluan bas khas dan sebagainya. Ini sebahagian daripada *dedicated lane* untuk memastikan bas kita tidak tersangkut dalam jem dan sebagainya.

Ini berlaku di bandar-bandar lain termasuk di bandar raya negeri kami sendiri, Kuching ya. Ini adalah satu- tetapi usaha dibuat juga seperti mengadakan ART *dedicated lane* ini. Ini akan sentiasa diteruskan ya, terutama bas ini dan itu memang diakui tetapi kerajaan *insya-Allah* akan memastikan perkara ini dari semasa ke semasa diperbaiki.

Datuk Dr. Dominic Lau Hoe Chai: Soalan tambahan.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat Senator Datuk Haji Hasbi bin Habibollah, Timbalan Menteri Pengangkutan atas jawapan yang telah diberikan.

Seterusnya, saya menjemput Yang Berhormat Senator Puan Susan Chemerai Anding.

12. Puan Susan Chemerai Anding minta Menteri Pertanian dan Keterjaminan Makanan menyatakan, apa langkah-langkah yang diambil untuk mempromosikan amalan pertanian organik- *organic farming* di Malaysia.

Menteri Pertanian dan Keterjaminan Makanan [Datuk Seri Haji Mohamad bin Sabu]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana memberi ruang untuk saya menjawab soalan yang dikemukakan. Amalan pertanian organik merupakan amalan pertanian secara semula jadi dan tidak menggunakan sebarang bahan kimia.

Ia telah dipraktikkan oleh masyarakat desa telah lama tetapi dalam bentuk berskala besar, kebun besar ia adalah di peringkat yang baharu. Dalam berskala besar ataupun pekebun-pekebun atau penternak dan sebagainya.

Penggunaan organik ini baru di peringkat kurang daripada satu persen. Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan telah memberikan penekanan khusus kepada pertanian organik di bawah Dasar Agromakanan Negara 2021-2030 (DAN 2.0) melalui dua buah teras iaitu memperluas pasaran domestik bagi produk premium istimewa seperti hasil organik dan makanan berkhasiat bagi menyokong perkembangan pengeluaran produk-produk pertanian organik dalam pasaran domestik.

Kedua, meningkatkan penerima gunaan pensijilan standard makanan di kalangan pengeluar makanan termasuk persijilan *myGAP* dan *myOrganic*. Jadi, setiap bahan organik ini mesti dapat kelulusan dua- badan iaitu *myGAP* dan *myOrganic*, barulah ia dapat digunakan secara meluas.

Penekanan kepada pertanian organik juga merupakan sebahagian daripada objektif Agenda Pembangunan Mampan 2030. Pelbagai pelan tindakan dan program promosi telah diatur gerak oleh KPKM bagi mencapai objektif yang digariskan di bawah DAN 2.0 dalam memastikan keterjaminan makanan negara dapat dicapai tanpa menjejaskan nutrisi dan kualiti alam sekitar.

Antara langkah-langkah yang telah dilaksanakan oleh KPKM bagi mempromosikan amalan pertanian organik, seterusnya meningkatkan penyertaan dan pengeluaran produk di bawah Skim Pensijilan Organik iaitu *myOrganic* adalah berikut, bekerjasama dengan agensi swasta, persatuan dan badan-badan bukan kerajaan bagi meningkatkan kesedaran petani dan pengguna terhadap pertanian organik. Saya sendiri mengharapkan kesemua para Yang Berhormat Senator di sini, dengan rakan-rakan yang terlibat dalam pertanian, supaya kita memberi semangat dan dorongan supaya menggunakan baja atau bahan organik pada masa yang akan datang.

Sekarang sudah banyak pihak swasta yang datang menemui pihak kementerian membuat berbagai-bagai cadangan produk organik yang mereka telah usahakan. Kita akan

menapis dan mengkaji mana-mana yang menepati, yang dikehendaki dan ia tidak menjejaskan pertumbuhan tanaman atau ternakan, pihak kementerian akan memberi kerjasama.

Kita hendaklah pergi ke arah organik pada masa akan datang untuk kita pergi kepada perkara yang lebih subur dan lebih menjamin kesihatan dan mudah diselenggarakan untuk pada masa yang akan datang. Ini tumpuan kita walaupun di peringkat awal ini ia masih lagi di peringkat yang agak rendah. Akan tetapi secara agresif sekarang ini pihak swasta dan kerajaan bersama untuk ke arah baja organik ataupun bahan-bahan organik dalam pertanian dan juga pemakanan kita. Terima kasih.

Tuan Haji Hussin bin Ismail: Boleh sedikit mencelah Tuan Yang di-Pertua?

Timbalan Yang di-Pertua: Silakan.

Datuk Wira Dr. Mohd Hatta bin Md Ramli: Soalan tambahan.

Tuan Haji Hussin bin Ismail: *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh* kepada Yang Berhormat Menteri Pertanian. Saya fikir dan saya ingin mencadangkan supaya Kementerian Pertanian memperkasakan R&D terutama juga dalam isu pertanian organik.

Mungkin kita perlu sedikit pencerahan lain daripada maksud organik yang dikatakan sekarang ini tanpa *chemical* tetapi apa yang difahamkan lebih asas pertanian organik itu adalah *natural farming or natural agriculture*. Minta komen daripada Yang Berhormat Menteri.

Datuk Seri Haji Mohamad bin Sabu: Memang pihak kita, pihak MARDI dan Jabatan Pertanian sedang berusaha terus untuk melahirkan baja-baja organik dan mereka juga menjadi badan pemeriksa kalau ada syarikat-syarikat swasta dan sebagainya yang memperkenalkan baja organik mereka. Terutama sekarang sedang diusahakan secara giat baja organik akan digunakan dalam penanaman padi untuk taburan baja sebagainya.

Ia telah dimulakan secara yang walaupun kecil tetapi ia mendatangkan hasil di antaranya di daerah Sekinchan, dan di beberapa buah tempat yang lain. Oleh itu promosi ini akan dibuat secara besar-besaran pada masa akan datang dengan kerjasama semua pihak.

Kita juga misalnya membuat pelbagai usaha pameran di Majlis Apresiasi Pensijilan *myGAP* dan *myOrganic* dibuat pada 29 Mac. Promosi produk *myGAP* dan *myOrganic* kepada ahli mesyuarat Jawatankuasa Sekuriti Makanan Negara.

Kita juga, misalnya pameran MAHA 2022, kesedaran hasil tanaman selamat dan berkualiti. Memang yang bertanya tadi Yang Berhormat Senator dari Terengganu itu memang terlibat dalam pertanian dan penanaman sayur. Saya pernah melawat tempat dia buat tanaman sayur dahulu.

Pameran di Program Aspirasi Keluarga Malaysia Selangor pada Ogos 2022. Pameran di Hari Organik, CETDEM, 27 Ogos 2022 ertinya kita sentiasa sekarang memberi galakan di samping pihak swasta yang terlibat dalam memperkenalkan baja organik ini dialu-alukan untuk bersama dengan kementerian, datang ke kementerian dan kita membuat pemeriksaan

sama ada ia memenuhi *myGAP* dan sebagainya. Maka boleh dipasarkan untuk menggantikan baja-baja *chemical* yang telah digunakan selama ini, bukan ia buruk tetapi berusaha supaya ia lebih baik pada masa yang akan datang. Terima kasih.

Datuk Dr. Dominic Lau Hoe Chai: Soalan tambahan.

Tuan Abun Sui Anyit: Soalan tambahan.

Timbalan Yang di-Pertua: Silakan.

Datuk Dr. Dominic Lau Hoe Chai: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Memang seperti Yang Berhormat Menteri katakan ada banyak promosi dan mengadakan, menggalakkan masyarakat makanan yang organik tetapi masalah yang kita hadapi ialah barang-barang yang telah mereka *claim*, dengan izin, iaitu organik tetapi kita tidak tahu betul-betul ia organik atau tidak. Adakah kementerian mengadakan satu sistem pengiktirafan *or certification* untuk memastikan apa-apa barang yang kita beli itu memang betul-betul organik? Terima kasih.

Datuk Seri Haji Mohamad bin Sabu: Kalau dengar jawapan saya tadi betul-betul sebab itulah kita ada *myGAP* dan di situ ada pihak yang akan meluluskan iaitu apabila *myGAP* dan yang disebut tadi, setelah membuat kajian mereka yang meluluskan. Oleh sebab apabila dapat kelulusan daripada *myGAP* iaitu pihak kementerian ini maka ia bolehlah diiktiraf sebagai bahan organik. Memang kalau kita pergi ke kedai-kedai, pasar raya, semua mengaku bahan organik, ada juga telur ayam organik, ada sayur organik.

Kita tidak pasti tetapi kalau dia kata dia dapat kelulusan *myGAP* maka itu adalah betul-betul organik. Memang cara iklan untuk dia naikkan harga kadang-kadang dia menambahkan untuk kononnya *value* akan meningkat apabila dia sebut organik.

■1150

Akan tetapi, perkara ini kita akan pantau dan kalau ada keraguan misalnya, boleh bawa bahan yang diiktiraf organik, yang disebut organik itu ke kementerian dan ada pegawai kita akan buat pemeriksaan sama ada ia betul-betul bersifat organik ataupun dinamakan organik sahaja tetapi bahan-bahannya tidak bersifat organik, terima kasih.

Tuan Abun Sui Anyit: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua: Soalan. Silakan.

Datuk Wira Dr. Mohd Hatta bin Md Ramli: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Buat masa ini, bahan-bahan makanan yang organik ini banyak ditemukan di *shelves* di *malls* ataupun pasar-pasar dengan harga yang mahal. Ertinya, mereka tergolong dalam makanan “kayangan”, Tuan Yang di-Pertua. Orang awam payah untuk mendapatkan- bukan kerana tidak ada tetapi tidak mampu. Jadi, ironinya katanya organik ini tidak pakai kimia, tidak pakai macam-macam ya. Jadi, sepatutnya lebih murah, tetapi tidak sedemikian.

Jadi, bagaimanakah peranan kementerian untuk memastikan petani-petani yang lain ini dapat masuk ke bidang organik ini dengan modal yang munasabah? Adakah kementerian

bersedia untuk menyediakan laluan bantuan supaya mereka dapat terlibat dan dapat manfaat daripada makanan organik ini? Terima kasih.

Datuk Seri Haji Mohamad bin Sabu: Memang, misalnya saya sebut tadi penggunaan “organik” ini baru di peringkat satu *per cent*. Akan tetapi, kita pergi ke pasar-pasar, kita lihat sayur organik, buah organik, dan sebagainya terlalu banyak. Sebab itu mereka boleh *claim* sebegitu rupa. Akan tetapi, saya kata tadi mesti mendapat kelulusan myGAP dan myOrganic daripada kementerian, ataupun kalau ada suatu hari badan kementerian beri kuasa kepada satu pihak.

Akan tetapi, buat masa sekarang kalau kita lihat orang kampung memang mereka selalunya terlibat dalam organik. Misalnya kalau dia tanam cili, dia meletakkan baja tahi ayam, tahi lembu, atau bakaran daripada sampah, baja-baja yang longgok daripada bakar sampah misalnya, diambil untuk dibuat baja. Di situ sebenarnya orang-orang desa, orang kampung lebih banyak makan bahan-bahan organik. Akan tetapi, ia tidak dibuat bancian terperinci bagaimana kita lihat peratus yang makan bahan organik, dibandingkan bandar dengan luar bandar. Akan tetapi, kita lihat usaha ke arah itu semua orang bercakap soal kembali kepada *nature*, kembali kepada asal. Ini yang sedang kita buat.

Misalnya, di Sarawak dibuat campuran tahi ayam, tahi kambing, dedak, sekam padi, dan akhirnya mereka melahirkan satu- baja yang cukup baik yang diusahakan di Sarawak sekarang ini. Walaupun Jabatan Pertanian Sarawak ia berasingan, tetapi pihak kementerian kita akan bekerjasama dengan mana-mana pihak yang dapat memperkenalkan baja organik untuk kita usahakan secara besar-besaran.

Saya yakin ia lebih murah kerana ia dapat daripada bahan-bahan asal termasuklah kalau kita usahakan akan datang, *green corn*, batang jagung dan sebagainya itu boleh diusahakan sebagai satu- sumber makanan pada masa yang akan datang. Kelapa sawit sekarang ini sedang diusahakan juga untuk dijadikan bahan organik makanan, sama ada ternakan ataupun ikan. Itu yang sedang diusahakan secara besar-besaran, secara agresif sekarang ini untuk ke arah organik pada masa akan datang. Terima kasih.

Tuan Abun Sui Anyit: Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih kepada Yang Berhormat Datuk Seri Haji Mohamad bin Sabu, Menteri Pertanian dan Keterjaminan Makanan atas jawapan-jawapan yang telah diberikan.

[Masa Pertanyaan-pertanyaan bagi Jawab Lisan tamat]

RANG UNDANG-UNDANG**RANG UNDANG-UNDANG PERBEKALAN 2023****Bacaan Kali Yang Kedua**

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula pertimbangan yang ditangguhkan atas masalah, “Bahawa rang undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.” **[29 Mac 2023]**

Timbalan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, pada hari ini merupakan hari kedua perbincangan bagi Rang Undang-undang Perbekalan 2023. Di hadapan saya ada seramai empat belas Ahli lagi yang hendak berbahas. Oleh itu, saya membuat ketetapan bahawa masa perbincangan yang diberikan adalah selama 20 minit seorang.

Dipersilakan, Yang Berhormat Senator Dato’ Ahmad bin Dato’ Sri Haji Ibrahim.

11.55 pg

Dato’ Ahmad bin Dato’ Sri Haji Ibrahim: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. *Assalamualaikum*, salam sejahtera, salam Malaysia MADANI.

Terlebih dahulu, saya ingin mengucapkan terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua atas ruang dan peluang yang diberikan kepada saya untuk mengambil bahagian dalam perbincangan Belanjawan 2023 ini. Ini merupakan kali pertama. Saya mohon maaf makan masa yang lama untuk saya bahas, dan memilih topik, dengan izin.

Dalam Belanjawan 2023 kali ini, satu peruntukan berjumlah RM388.1 bilion, telah diperuntukkan daripada jumlah itu RM289.1 bilion ialah perbelanjaan mengurus dan perbelanjaan pembangunan pula ialah RM99 bilion dan termasuk RM2 bilion simpanan luar jangka.

*[Tuan Yang di-Pertua **mempengerusikan Mesyuarat**]*

Diharap dengan jumlah ini akan dapat menjanakan kembali kegiatan ekonomi negara kita pasca endemik COVID-19 dan seterusnya menyumbang kepada pertumbuhan ekonomi negara dalam suasana ekonomi dunia yang amat mencabar. Bagaimanapun, ada beberapa perkara yang menarik perhatian saya tentang belanjawan kali ini, lebih-lebih lagi dengan pelepasan cukai kepada golongan M40 dan T20 seperti yang dibentangkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri ke-10 pada 24 Februari yang lalu.

Seperti yang diketahui, kadar pengurangan sebanyak 2 *percent* dengan anggaran banjaran pendapatan lebih RM35,000 hingga RM100,000. Ini bermakna ada penjimatan

sekitar RM1500 kepada 2.4 juta- individu pembayar cukai. Saya menyambut baik akan cadangan ini. Akan tetapi, untuk golongan berpendapatan tinggi yang melebihi RM100,000 hingga RM1 juta mengalami peningkatan sebanyak 0.5 *percent* sehingga 2 *percent*. Kalau dibandingkan dengan golongan berpendapatan tinggi melebihi RM2 juta, kadar cukai dikenakan masih 30 *percent*, Tiada perubahan. Hanya beza 2 *percent* daripada golongan pendapatan RM1 juta ke RM2 juta.

Seharusnya, kerajaan perlu menaikkan kadar cukai kepada golongan berpendapatan tinggi T1 yang meraih pendapatan melebihi RM2 juta ke atas, sekurang-kurangnya daripada 30 *percent* kepada 35 *per cent* ataupun 38 *percent*. Di Taiwan, pendapatan tinggi diberikan 40 *percent*. South Korea, 45 *percent*. Di Singapura, walaupun kadarnya rendah iaitu 22 *per cent* untuk 2023 tetapi untuk 2024 mereka akan menaikkan kepada 24 *percent* kerana di sana ada lapan jenis *tax*, cukai di Singapura. Semua negara ini; Korea, Taiwan dan Singapura ada GST.

Jurang yang ada masa kini terlalu kecil; hanya perbezaan sebanyak 2 *percent* antara golongan berpendapatan RM1 juta dan golongan berpendapatan lebih daripada RM2 juta. Sepatutnya ada imbalan daripada pihak kerajaan untuk melaksanakan perkara ini. Pengurangan cukai untuk M40 dan kenaikan cukai kepada T20 mahupun T1 dan peningkatan hasil cukai bersih kerajaan sedikit sebanyak dapat menampung segala kos yang ada seperti membaik sekolah daif dan hospital. Saban tahun kita melihat golongan berpendapatan tinggi ini, jurang peningkatan mereka terlalu tinggi.

Jika dibandingkan dengan golongan B40 dan M40, lebihan itu terlalu ketara jika dibandingkan. Kerajaan mesti ada “*will*”, dengan izin Tuan Yang di-Pertua. Apabila *will* itu dapat dilakukan, maka dapatlah kita melihat aliran hasil itu dan boleh disalurkan kepada beberapa segmen pembangunan dan kemudahan kepada rakyat.

■1200

Tuan Yang di-Pertua: Ada perkataan mudah itu- “*azam*.”

Dato’ Ahmad bin Dato’ Sri Haji Ibrahim: Azam?

Tuan Yang di-Pertua: Ya.

Dato’ Ahmad bin Dato’ Sri Haji Ibrahim: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Ya, bolehlah.

Dato’ Ahmad bin Dato’ Sri Haji Ibrahim: Azam. Kerajaan mestilah berani untuk menaikkan kadar cukai kepada golongan T20 dan T1, seterusnya dapat meningkatkan semula hasil pendapatan negara dan tidak hanya tertumpu kepada golongan M40 yang semakin hari semakin dihipit dengan suasana kelembapan ekonomi terlalu mencabar dan merencatkan ekonomi yang sedia ada.

Tuan Yang di-Pertua, saya berharap agar kerajaan mencari mekanisme dalam membendung permasalahan perangkap pendapatan sederhana, dengan izin, *middle-income*

trap, Tuan Yang di-Pertua, yang sedikit sebanyak menjejaskan keadaan ekonomi golongan pertengahan M40. Hampir setiap tahun golongan M40 selalu dipinggirkan. Saya menyeru agar kerajaan memikirkan cara, seperti mana manfaat golongan B40 nikmati, dapat juga diteruskan kepada golongan M40 yang terjejas teruk, lebih-lebih lagi pasca COVID-19 dan juga fasa endemik ini.

Saya mengalu-alukan program rakyat sentrik yang diketengahkan oleh Kementerian Ekonomi seperti Inisiatif Pendapatan Rakyat (IPR) dengan diperuntukkan sebanyak RM750 juta. Perluasan IPR harus disegerakan dengan kadar yang cepat, tidak hanya tertumpu kepada kawasan tertentu tetapi boleh mengguna pakai kaedah Jualan Rahmah di setiap kawasan parlimen dan harus dipromosikan agenda-agenda sebegini kerana ini merupakan inisiatif Kerajaan Persekutuan untuk menyelami denyut nadi rakyat.

Tuan Yang di-Pertua, saya mengesyorkan kepada pihak Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup supaya menjadikan Menu dan Jualan Rahmah sebagai satu- kerangka, dengan izin, *framework* untuk menangani masalah kos kenaikan harga barang dengan pemantauan kepadanya. Ini sekurang-kurangnya sedikit sebanyak mengawal kos harga siling atau dapat memecah tembok kartel yang selama ini mengganggu harga.

Selain itu, perluas dan perembangkan Jualan Rahmah ini dari semua sudut atau variasi barangan. Tidak terkecuali kepada makanan dan barang keperluan harian seperti barang basah dan kering. Baru-baru ini, disebut baju Melayu dan baju kurung juga dikurangkan di bawah pasaran Rahmah ini. Akan tetapi, mencakupi semua barangan termasuklah kasut, telefon bimbit, televisyen, *WiFi* dan sebagainya.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyentuh sedikit mengenai insentif Pas Bulanan Tanpa Had My50. Saya amat berharap supaya apabila fasa dua pelaksanaan Program Transformasi Perkhidmatan Bas Berhenti-henti (SBST) yang akan diperluaskan termasuk kawasan di Kuching, mungkin boleh diperluaskan sampai ke Serian dan Lundu. Di bandar-bandar yang di luar bandar besar harus menggunakan pakai kaedah yang sama di Kuala Lumpur walaupun kita mengetahui keadaan tidak sama antara Kuching dan Kuala Lumpur. Sekurang-kurangnya, kaedah *Bus Rapid Transportation* (BRT) dapat dirasai dengan lebih ramai rakyat kita.

Tuan Yang di-Pertua, pengenalan cukai barang mewah seperti yang dibentangkan dalam Belanjawan 2023 yang lalu seharusnya dijadikan sebagai sempadan kerana sebelum kita mempunyai satu kaedah cukai yang sistematik dan diakui diguna oleh semua negara maju, dengan lambakan cukai-cukai baharu ini, perlu dilihat daripada aspek jangka panjang dan jangka pendek.

Saya mengalu-alukan pengenalan cukai barang mewah. Cumanya, saya tidak mahu cukai barangan mewah itu sebagai alternatif kepada GST. Dengan izin, Tuan Yang di-Pertua,

saya melihat dari sudut yang positif dengan pengenalan cukai 'bawang' mewah- barang mewah. Mungkin ini sebahagian daripada usaha kerajaan untuk mengembalikan lagi...

Tuan Yang di-Pertua: Itu bukan 'bawang', Yang Berhormat, ya.

Dato' Ahmad bin Dato' Sri Haji Ibrahim: Maaf, Tuan Yang di-Pertua. Tersasul.

Tuan Yang di-Pertua: Tak apalah. Bulan puasa.

Dato' Ahmad bin Dato' Sri Haji Ibrahim: Bulan puasa, ya. Terima kasih. Saya ulangi. Mungkin ini sebahagian daripada usaha kerajaan untuk mengembalikan lagi GST dengan kadar yang berpatutan, mungkin dua persen atau tiga persen untuk permulaannya.

Kita tidak boleh menidakkan GST secara bulat-bulat, kerana GST merupakan sistem percukaian yang paling efisien dan sistematik. Cuma, yang menjadi masalah kepada kita ialah pelaksanaannya. Sekiranya GST diperkenalkan semula, nescaya hasil pendapatan negara akan terus meningkat. *Insyah-Allah*, ini merupakan satu cara atau kaedah kerajaan untuk mendapatkan hasil bersih negara.

Tuan Yang di-Pertua- kering lidah, maaf. Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya menyentuh sedikit...

Datuk Razali bin Idris: Tuan Yang di-Pertua, saya boleh hendak mencelah?

Tuan Yang di-Pertua: Mencelah?

Datuk Razali bin Idris: Mencelah sedikit.

Tuan Yang di-Pertua: Boleh.

Datuk Razali bin Idris: Fasal GST. Saya sangat bersetuju kalau GST kalau dikembalikan. Akan tetapi, Yang Berhormat Senator tidak menetapkan- berapakah peratus jumlah yang perlu diperkenalkan oleh pihak kerajaan? Kalau dulu, enam peratus. Jadi, saya hendak minta, setuju ataupun tidak, kita cadang supaya bermulanya GST dengan 3 peratus?

Dato' Ahmad bin Dato' Sri Haji Ibrahim: Saya setuju. Apa yang saya cadangkan ialah dua ataupun 3 persen.

Datuk Razali bin Idris: Dua atau tiga?

Dato' Ahmad bin Dato' Sri Haji Ibrahim: Dua atau tiga. Tigalah.

Datuk Razali bin Idris: Tiga terus?

Dato' Ahmad bin Dato' Sri Haji Ibrahim: Tiga terus. Terima kasih Yang Berhormat Senator. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Sila.

Dato' Ahmad bin Dato' Sri Haji Ibrahim: Izinkan saya menyentuh sedikit isu mengenai pesara yang menerima pencen. Saya ingin bertanya dengan pihak kerajaan atau kementerian, adakah kerajaan berhasrat untuk menaikkan peratus pelarasan pencen dari 2 persen kepada 3 atau 4 persen? Ini memandangkan kadar pencen yang diterima oleh pesara tidaklah besar, lebih-lebih lagi dengan keadaan harga barang di pasaran semakin hari

semakin naik. Kita tidak mahu pesara terbeban dengan keadaan ekonomi sekarang. Perlu ada perubahan selaras dengan keadaan semasa.

Tuan Yang di-Pertua, melalui belanjawan kali ini, kita melihat sektor pendidikan tinggi terus diperkasakan dengan peruntukan sebanyak RM15.3 bilion. Dengan adanya peruntukan sebesar ini, boleh disimpulkan pemeraksanaan institusi pengajian tinggi, kebolehpasaran graduan seharusnya dilihat dengan lebih teliti lagi dengan kualiti kursus yang ditawarkan supaya ada padanan kerja kepada graduan sejurus sahaja mereka menamatkan pengajian.

Ini kerana kita tidak mahu jurusan atau kursus yang diambil oleh graduan tidak kena mengena dengan bidang yang diceburi oleh mereka. Sebagai contoh, belajar kursus kejuruteraan, apabila tamat belajar terus bekerja di bahagian pengurusan yang tidak ada kena mengena dengan kejuruteraan. Begitu juga sebaliknya. Sehinggalah graduan bidang lain terpaksa mengisi kekosongan yang ditinggalkan oleh graduan kejuruteraan. Apakah lagi keadaan sekarang, kawasan bandar senang dinaiki air. Seharusnya kita memerlukan kepakaran dan graduan kejuruteraan ataupun bidang saliran untuk memastikan masalah tersebut dapat diatasi.

Kementerian Pendidikan Tinggi boleh meneliti semula atau membuat semakan bidang atau kursus pengajian yang sedia ada di kesemua universiti awam, swasta, politeknik dan kolej universiti.

■1210

Saya mencadangkan, dengan izin Tuan Yang di-Pertua, *Malaysian Qualifications Agency* (MQA) selaku *lead agency* melakukan perkara ini secara proaktif. Pihak industri juga harus memainkan peranan dalam memasarkan graduan dalam pasaran modal. Kita tidak mahu kualiti graduan atau kursus terus menjadi punca susah mencari kerja. Kadar pengangguran terus mencanak naik disebabkan perkara sebegini dibenarkan berlaku.

Mengenai peranti siswa, adakah Kementerian Pendidikan dan Kementerian Komunikasi dan Digital mempunyai perancangan pada masa hadapan supaya ada penambahbaikan program yang terdahulu kerana banyak kelompangan daripada segi spesifikasi peranti siswa yang hanya menggunakan tablet jenis *Samsung Galaxy Tab A8 LTE*. Sepatutnya *laptop* ini bukan tablet *specs* yang rendah. Dengan ini, saya menyokong belanjawan ini. Sekian, terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih kembali Yang Berhormat Senator Dato' Ahmad bin Dato' Sri Haji Ibrahim.

Pengucap kedua, Yang Berhormat Tuan Haji Hussin bin Ismail.

12.12 tgh.

Tuan Haji Hussin bin Ismail: *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh...*
[Membaca sepotong doa]

Tuan Yang di-Pertua, pertamanya saya ingin merakamkan ucapan terima kasih atas peluang yang diberikan kepada saya untuk turut sama dalam membahaskan Rang Undang-undang Perbekalan 2023. Saya ingin merakamkan ucapan tahniah kepada Kementerian Kewangan yang telah mengemukakan dan menyediakan pembentangan Bajet 2023 dan difahamkan telah pun mendapat kelulusan sebulat suara di Dewan Rakyat.

Saya sangat tertarik dengan gagasan yang sangat fokus kepada golongan termiskin apabila meletakkan sasaran 130,000 miskin tegar yang bakal dinokhtahkan maksud miskin tegarnya. Saya yakin ia bukan satu yang mustahil kerana zaman kepimpinan Khalifah Sayidina Umar Abd Aziz, tiga tahun pemerintahan Sayidina Umar Abd Aziz, tidak ada orang yang bakal menyambut untuk menjadi penerima zakat. Tertakluk sangat kepada bagaimana implementasinya dan juga kerjasama semua pihak dalam menjayakan program yang sangat istimewa ini.

Tuan Yang di-Pertua, cuma dalam sebutan-sebutan perbincangan, ulasan-ulasan, saya tengok ada sesuatu yang macam kurang selesa kepada sebahagian pihak. Dalam Islam, Islam sangat meraikan kepelbagaian. Orang kaya, orang miskin, yang rendah, yang tinggi, yang berkelebihan, yang berkurangan, diraikan oleh Baginda Rasulullah SAW. Sindiran-sindiran kepada 'maha kaya' misalnya, saya fikir tidak begitu sesuai. Tentu yang nanti akan ada yang 'maha miskin'. Ungkapan 'maha' ini, yang tinggi maha kaya hanya milik Allah SWT. Saya ingin sekadar menegur, mudah-mudahan tidak berulang ungkapan yang tentu menghiris sebahagian pihak yang banyak memberi sumbangan dalam pembangunan negara sendiri.

Sebutan nama Tan Sri Syed Mokhtar Al-Bukhary yang banyak dikaitkan dan akhirnya berkali-kali menyebut tentang sumbangan Tan Sri Syed Mokhtar kepada pesawah padi. Kenapakah kita tidak menyebut taiko-taiko lain seperti Robert Kuok yang apakah mungkin mampu bersama menurunkan harga gula? Kenapa kita tidak menyebutkan misalnya, Top Glove untuk turut membantu penanam getah? Kenapakah kita tidak menyebutkan Lever Brothers untuk turut mengangkat martabat penanam sawit dan pekebun kecil?

Saya menyebutkan nama ini Tuan Yang di-Pertua, bukan untuk mempertikai, memperlekeh...

Tuan Yang di-Pertua: Tak nak masuk YTL?

Tuan Haji Hussin bin Ismail: Belum masuk lagi Tuan Yang di-Pertua... *[Ketawa]* Masuk lagi, mudah-mudahan dapat turunkan harga air, harga simen, harga macam-macam.

Jadi Ahli-ahli Yang Berhormat Senator yang saya hormati sekalian, kami sangat memahami peranan taiko-taiko ini dalam turut membangunkan negara. Akan tetapi yang dalam konteks taiko-taiko yang beragama Islam, ia bukan sekadar sahaja cukai yang diperturunkan. Mereka ada istilah lain iaitu zakat. Dua setengah persen, tidak kecil. Mereka ada istilah wakaf yang tidak kecil.

Rasulullah SAW menyebut dalam hadis Riwayat Muslim Tuan Yang di-Pertua, “Tidak akan berkurang harta orang yang bersedekah. Dimuliakan seseorang yang bersifat pemaaf. Diangkat darjatnya seseorang yang merendahkan diri.” Orang-orang kaya Muslim bukan sekadar cukai, tetapi banyak sumbangan lain yang dituntut dan saya yakin mereka menyumbang. Ini juga menjadi satu- dana pembangunan ummah khususnya di negara kita yang tercinta ini.

Tuan Yang di-Pertua, cukai adalah rukun kepada negara. Zakat adalah rukun beragama dan sebab itu saya fikir keseimbangan dalam membuat ungkapan-ungkapan kepada mereka ini, saya fikir perlu diambil timbang rasa yang lebih munasabah. Bila saya sebut tentang zakat Tuan Yang di-Pertua, ada satu perkara yang saya sedikit rasa bimbang untuk sebut. Dalam negara kita ini, antara sumber besar yang tidak masuk dalam bajet daripada Kementerian Kewangan iaitu zakat. Memang zakat milik Majlis Agama Islam Negeri dan juga di bawah naungan Duli-duli Yang Maha Mulia Tuanku Raja-raja di negeri-negeri.

Namun, nilai zakat tidak kecil. Tahun 2021, saya kira-kirakan daripada data yang dilihat, sekitar lebih RM3 bilion. Izinkan patik mencadangkan kepada Duli-duli Yang Maha Mulia Tuanku, adakah mungkin dibuat suatu persefahaman agar konsep pengagihan lapan asnaf dalam zakat itu diwujudkan suatu penyelarasan agar dibuat atau digerakkan pengagihan dalam bentuk yang benar-benar mempunyai kesan tertinggi- *high impact* kepada kaedah pengagihan supaya golongan-golongan khususnya yang asnaf fakir dan miskin, dua daripada lapan dapat dimanfaatkan semaksimum tanpa saya mempersoalkan apa yang sudah berlaku. Yang saya maksud untuk di perkasa atau ditingkatkan daripada segi *high impact*-nya.

Datuk Razali bin Idris: Tuan Yang di-Pertua, saya mencelah sedikit.

Tuan Yang di-Pertua: Hendak mencelah? Baik.

Datuk Razali bin Idris: Tengah hari ini eloklah Tuan Yang di-Pertua, hilang mengantuk.

Tuan Yang di-Pertua: Ya.

Datuk Razali bin Idris: Okey, berkenaan dengan Yang Berhormat ada menyebut nokhtahkan miskin. Yang Amat Berhormat Perdana Menteri berjanji untuk menyelesaikan golongan asnaf di negara kita. Jadi, adakah Yang Berhormat bersetuju 1 Januari 2024, maka asnaf yang menerima zakat daripada lapan menjadi enam? Tolak dua. Fakir, miskin, bakinya ada enam lagi. Apakah itu akan berlaku pada tahun 2024?

■1220

Tuan Haji Hussin bin Ismail: Terima kasih, Yang Berhormat Datuk Razali. Terima kasih.

Bagi saya, kalau hendak tengok banyaknya janji, memang banyak janjinya, Yang Berhormat. Dalam 24 jam hendak sempurnakan minyak, pun sudah janji tetapi, kita belum

lagi lihat hasilnya. Namun, boleh tidak kita ambil sedikit positif untuk kita nilai, *insya-Allah*, bulan Mac tahun depan, sekurang-kurangnya satu asnaf fakir, walaupun tidak miskin.

Yang *extremely* miskin ini fakir. Jadi, kalau kita tunggu, *insya-Allah* dengan gagasan itu dengan tanggapan positifnya, mudah-mudahan berjaya. Andai tidak berjaya, nanti kita bincang selepas Mac 2024.

Datuk Razali bin Idris: Sikit lagi. Maksudnya, tahun depan ini kita jadi tujuh lah?

Tuan Haji Hussin bin Ismail: Kita tunggu, kita tunggu.

Datuk Razali bin Idris: Tujuh?

Tuan Haji Hussin bin Ismail: Mudah-mudahan, Yang Berhormat. *Insya-Allah*.

Datuk Razali bin Idris: Baik. Terima kasih.

Tuan Haji Hussin bin Ismail: Saya ambil yang positif sahaja.

Okey, seterusnya, Tuan Yang di-Pertua, saya mungkin hendak beralih sikit dalam sebahagian- tadi saya sebut tentang zakat dan saya harap, apa yang saya sebut itu tidak menyentuh kedaulatan Duli-duli Yang Maha Mulia, tetapi sekadar mencadangkan. Mana tahu, akan ada suatu proses persefahaman yang mampu memberi impak yang lebih perkasa dalam pelaksanaan pengagihan zakat, khususnya kepada fakir dan miskin.

Tuan Yang di-Pertua, saya pergi sikit kepada isu semalam tentang jawapan— bukan semalam. Jawapan daripada Menteri Kewangan, sebelumnya daripada Timbalan Menteri Kewangan yang menyentuh tentang isu royalti atau pun apa namanya.

Rundingan sedang berlangsung antara kerajaan negeri dan Perdana Menteri. Bagi kami, harap-harap istilah Malaysia Madani, istilah Malaysia bertamadun yang asasnya daripada perkataan ‘Madinah’ pertukaran namanya dari “Yathrib” ke “Madinah”, ungkapan itu dijadikan sekarang sebagai Madani. Ungkapan ‘Madani’ ini bakal membuahkan hasil dan kami rakyat Terengganu menanti dan menunggu dengan penuh minat.

Tuan Yang di-Pertua: Dalam Madani itu ada budi.

Tuan Haji Hussin bin Ismail: Ya, tentu dan saya harap ungkapan keseluruhan maksud itu, Tuan Yang di-Pertua, perbincangan yang sedang berlangsung akan menterjemahkan Madani itu.

Keduanya, saya juga ingin menyebut sedikit tentang ungkapan yang disebut oleh Timbalan Menteri Kewangan, mungkin akan melibatkan GPP. Saya suka juga menyebut bahawa Terengganu ini, Tuan Yang di-Pertua dan sahabat-sahabat Yang Berhormat Ahli Dewan Negara, Terengganu pernah diisytiharkan sebagai negeri yang paling telus pada 27 Julai- oleh sebuah badan- Institut Demokrasi dan Hal Ehwal Ekonomi (IDEAS), Puan Tricia Yeoh yang menepati maksud *Malaysia's Open Budget Index* (MyOBI) dan juga menurut perkiraan PAC, dan penilaian antarabangsa.

Kalau itulah keadaannya, Tuan Yang di-Pertua, saya fikir usah dirisaukan sangat tentang kononnya, *kot* tidak sampai kepada sasaran. Saya suka hendak sebut, dalam tempoh

beberapa tahun mutakhir selepas kepimpinan baru memerintah Terengganu. Selama ini, saya sebenarnya selalu bila apa-apa bentuk bantuan kerajaan jarang diisytiharkan *openly* di masjid, semua bentuk bantuan. Ke macam mana itu, Yang Berhormat Datuk Razali?

Semua bentuk bantuan di-*open*, diisytiharkan di masjid, bukan di balai raya. Di masjid ini untuk semua. Tidak ada seorang pun yang terlepas untuk menerima sebarang bentuk sumbangan yang disumbangkan oleh pihak kerajaan tanpa mengira siapa partinya, siapa statusnya. Asal cukup syarat, mereka pasti dapat.

Jadi, saya fikir ini perkara yang sedang berlaku dalam pemerintahan Terengganu dan saya harap Menteri Kewangan usah risau banyak sangat tentang cerita *kot* tak sampai dan lain-lain. Sampai melalui saluran negeri seperti yang menurut Akta Petroleum 1975, saya fikir itu yang paling tepat untuk kita. Saya fikir, Yang Berhormat Datuk Razali tentu bersetuju dengan maksud saya.

Ketiganya, saya ingin juga menyampaikan sedikit hasrat daripada pihak rakyat Terengganu. Apa mungkin Lapangan Terbang Sultan Mahmud, sekarang pun, dari sudut persiapannya adalah juga lapangan terbang antarabangsa. Hari ini, ia hanya menjadi lapangan terbang antarabangsa untuk haji. Lain-lainnya tidak berlaku, Tuan Yang di-Pertua.

Apa mungkin, pihak Kementerian Pengangkutan untuk menilai supaya di-*upgrade*-kan Lapangan Terbang Sultan Mahmud, bukan sekadar menjadi lapangan terbang antarabangsa haji, tetapi juga untuk menjadi sasaran Pantai Timur pelancong pelbagai negara, khususnya dari Asia Barat mahupun dari Asia Timur untuk berfokus ke negeri orang cantik, budaya menarik, pantai indah, pulaunya hebat, pelbagai bentuk premis pelancongan yang ada. Hari ini, ia tidak begitu kondusif, lantaran persiapsiagaan rangkaian pengangkutan. Namun begitu juga, saya juga hendak sebut bahawa, Tuan Yang di-Pertua...

Tuan Yang di-Pertua: Dia, Yang di-Pertua, belum Tuan Pengerusi.

Tuan Haji Hussin bin Ismail: Tuan Yang di-Pertua, mohon maaf seribu maaf.

Tuan Yang di-Pertua: Kalau Tuan Pengerusi, dia di peringkat Jawatankuasa.

Tuan Haji Hussin bin Ismail: Jawatankuasa, betul. Saya kadang-kadang di luar ini kali yang pertama, Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Tidak apalah, bulan puasa.

Tuan Haji Hussin bin Ismail: Maaf, maaf. Puasalah itu. Okey. Sekarang ini juga, program ECRL bakal disempurnakan di Terengganu mahupun sampai ke Kelantan, *insya-Allah*. Mudah-mudahan, dengan meng-*upgrade*-kan, mempertingkatkan bidang peranan Lapangan Terbang Sultan Mahmud ini- Apa dipanggil? Memperlengkapkan, jadi *complimentary*. Memperlengkapkan kemudahan ECRL yang sudah pun sedang giat dilaksanakan.

Keempat, saya ingin menyebutkan tentang berkaitan dengan Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup, juga terkait dengan Kementerian Pertanian mahupun Kementerian Ekonomi. Tuan Yang di-Pertua,

*Anak puyu anak berudu,
Anak haruan tertelan batu;
Banyak isu antara isu,
Kenaikan harga barang keperluan saya fikir itu hok nombor satu.*

Tuan Yang di-Pertua, isu lain memang besar tetapi isu kenaikan harga barang tanpa henti adalah isu yang paling meresahkan rakyat seluruh negara, sama ada dari Sabah mahupun ke Perlis. Kalau kita lihat, hari ini juga, malam tadi, Yang Berhormat Menteri Perdagangan Dalam Negeri menyebut dalam sidang media dalam siaran televisyen, harga ayam bakal naik sehingga RM11.50. Maknanya, bukan sekadar harga ayam, harga lain-lain juga bakal terus naik, naik, naik, naik dan bila hendak berhenti?

Rakyat pernah dijanjikan dengan seribu janji sebelum pembentukan Kerajaan Harapan. Pemerintahan Harapan yang janji sebelum daripada keputusan pilihan raya, ada benda yang hendak diselesaikan dalam masa 24 jam. Ada yang dijanjikan hendak selesai dalam masa satu minggu. Ribuan janji, cuma hari ini saya rasa kita masih boleh menyenaraikan apa yang sudah pun terjanji.

■1230

Itu yang menyebabkan barangkali Yang Berhormat Senator Datuk Razali bin Idris persoalkan untuk melihat Mac 2024, adakah bakal mampu terhasilnya penoktahan golongan ekstrem miskin dalam negara? Akan tetapi saya ulang kita masih mengharapkan. Seperti juga kita mengharapkan janji-janji yang lepas dapat dilaksanakan dalam tempoh yang segera.

Tuan Yang di-Pertua: Mungkin Yang Berhormat boleh senaraikan semua janji.

Tuan Haji Hussin bin Ismail: Saya senaraikan lepas ini Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Selepas ini.

Tuan Haji Hussin bin Ismail: Nanti tidak cukup masa, sudah tinggal dua minit. Saya ingin menyebut sedikit, sepintas...

Tuan Yang di-Pertua: Kalau hendak senarai janji itu mungkin tambah dua minit.

Tuan Haji Hussin bin Ismail: Boleh tambah dua minit, *insya-Allah*.

Saya hendak sebut contoh-contoh, harga sekarang *compared* dengan tujuh tahun lepas, susu RM95 per peti (satu peti 24). Sekarang harga RM195 satu kotak, satu kotak 24. Cuba bayang- berapa kenaikan...? Bihun dulu RM19 satu *bundle*. Sekarang harga RM28 satu *bundle*. Telur masin dulu RM23 untuk 50 biji. Sekarang RM65. Naik- berapa peratus...? Naik 300 peratus. Keledak, ini untuk membuat Cek Mek Molek, dulu RM12 untuk 10 kilo. Sekarang RM48, Tuan Yang di-Pertua.

Saya tidak mampu hendak sebutkan semuanya. Saya ada senarai di sini. Akan tetapi, kalau hendak sebut sayur juga, bendi dulu RM35 untuk lima kilo, ini harga borong. Sekarang sampai RM50 lebih. Dua, tiga minggu yang lepas di Terengganu, sawi hijau sampai RM90 satu *bundle*. Ini bukan hujah yang *qat'ie* lah, ini pernah berlaku dalam kos yang paling tinggi.

Saya mohon supaya dipertimbangkan beberapa penegakan. Semasa pemerintahan Sayidina Umar apabila harga barang melonjak naik. Sayidina Umar pernah mengemukakan satu cadangan yang sangat praktikal Tuan Yang di-Pertua. Apabila Sayidina Umar mencadangkan supaya dihapuskan sementara cukai import untuk membolehkan harga barang atau barang yang dibawa masuk tanpa nilai cukai import.

Akhirnya lambakan harga barang masuk ke dalam negara dan harga turun. Sampai satu ketika bila sudah pulih dinilai semula dan dibaiki semula. Apakah kita tidak boleh menilai ataupun meninjau *possibility* ini?

Keduanya, ini sudah habis, saya hendak cadangkan beberapa perkara. Pertama Tuan Yang di-Pertua, dalam kerenah isu harga barang turun naik. Kita bincang dalam perbincangan, kita dengar jawapan-jawapan daripada para Menteri semacam jawapan berjangka pendek tidak berapa jelas.

Akan tetapi, saya fikir kita lebih bijak kalau kita mengajak walaupun semalam PM selalu menyebut kebijaksanaan pertama, kedua dan ketiga. Banyak kali kebijaksanaan. Akan tetapi, adakah mungkin kita ajak rakyat melalui pendidikan masyarakat. *Educate* rakyat kita, dengan izin, melalui program televisyen dan lain-lain.

Langkah pertama misalnya untuk mengadakan laman dapur Tuan Yang di-Pertua. Saya boleh kongsi sedikitlah, ini di kampung hendak beli kangkung pun pergi ke pasar. Kangkung ini tercampak biji pun tumbuh, Tuan Yang di-Pertua. Akan tetapi, kenapa sikap orang kita, *mindset* orang kita sudah jadi begitu?

Kalaulah kita misalnya boleh *promote* satu pendekatan laman dapur misalnya. Tidak perlu banyak, untuk guna sendiri. Kangkung boleh kita tanam...

Dr. Hajah Wan Martina binti Wan Yusoff: Tuan Yang di-Pertua, boleh saya mencelah?

Tuan Yang di-Pertua: Sudah habis ini pun hendak mencelah juga?

Tuan Haji Hussin bin Ismail: Habis sudah ini tetapi...

Dr. Hajah Wan Martina binti Wan Yusoff: Tidak apa, sedikit sahaja sebab saya hendak sambung cadangan tadi. Kalau di Kelantan, kita telah buat Program Dapur Hijau kepada suri-suri rumah dan ia amat membantu.

Tuan Yang di-Pertua: *Alhamdulillah.*

Tuan Haji Hussin bin Ismail: Terima kasih Yang Berhormat, tahniah Kelantan. Sama juga, saya fikir banyak...

Tuan Yang di-Pertua: Sudah mula tanam sayur-mayur itu?

Dr. Hajah Wan Martina binti Wan Yusoff: Banyak tahun sudah.

Tuan Haji Hussin bin Ismail: Sudah banyak terima kasih. Ia banyak benda yang bukan kata negeri yang Pembangkang ini tidak boleh ambil contoh, boleh ambil contoh.

Isu cuti bersalin sudah lama. Isu cuti dua hari seminggu pun sudah berlangsung. Banyak lagi yang boleh kita manfaatkan. Malah yang di Afrika pun kita boleh pakai Yang Berhormat Senator.

Kalau saya sebutkan tadi contoh Tuan Yang di-Pertua, untuk projek misalnya laman dapur, kalau kita tanam kangkung bukan ambil masa lama, dua minggu sahaja. Dua minggu boleh potong. Selepas potong siram lagi, bubuh baja, naik lagi. Seminggu boleh ambil lagi. Ertinya boleh *cut cost* yang banyak dalam kehidupan.

Boleh tanam sawi hijau, tiga minggu. Saya ini petani juga dulu Tuan Yang di-Pertua. Boleh tanam kacang, empat minggu. Kacang lama sedikit. Kalau timun, empat minggu. Banyak tanaman yang cepat untuk dapat dihasilkan tetapi kalau ada *political will* daripada pemerintah untuk mendukung, mengajak rakyat bersama dengan program ini. Saya fikir ia akan mampu menurunkan dengan cepat keperluan bahan dapur yang mendesak. Bukan sekadar murah tetapi percuma di setiap dapur di rumah masing-masing.

Saya sangat berhasrat sebenarnya untuk menyebut satu poin lagi iaitu program-sekarang ini sedang digerakkan dua jenis pertanian. Satu dipanggil *precision agriculture*, dengan izin. Ini untuk teknologi tinggi, tenaga kurang, modalnya besar tetapi mampu akan mempercepatkan capaian pengeluaran bahan komoditi pertanian khususnya bahan-bahan yang berbentuk keperluan asas.

Akan tetapi, ada satu perkara lain yang saya fikir, tadi Yang Berhormat Menteri Pertanian dan Keterjaminan Makanan menyebut pertanian organik. Saya fikir, saya ingin mencadangkan supaya satu program R&D yang lebih besar. Bajet diperuntukkan. Saya tidak nampak semalam, mungkin saya tidak teliti. Bajet untuk R&D.

Companies besar memperuntukkan sekurang-kurangnya 30 *percent* daripada bajet mereka untuk R&D. Saya fikir negara sampai waktunya untuk meletakkan *certain amount* yang munasabah untuk R&D. Contoh, pertanian organik. Pertanian organik bukan sekadar hanya menggunakan bahan-bahan bukan kimia tetapi pertanian organik lebih kepada *natural agriculture*. Me-recycle-kan bahan-bahan produk yang tidak diguna lagi atau *waste product*, dengan izin, daripada bahan *agriculture* kepada bahan guna penuh.

Tidak ada satu ranting daun dan lain-lain melainkan di proses semula. Buah yang tidak terpakai boleh dibuat *booster*. Bayangkan hutan belantara tidak pernah hilang kesuburan tetapi tanah pertanian di seluruh dunia hari demi hari kesuburannya berkurang dan hilang kesuburan.

Jadi perkara ini saya harap dengan masa yang tidak mengizinkan perlu dibuat kajian yang lebih menyeluruh, fungsi *organic farming* ini supaya orang kampung semua boleh

terlibat. Tidak bergantung kepada *chemical* yang dipelopori ataupun baja-baja atau bahan *chemical* yang diiklankan oleh industri-industri, dalam isu *organic agriculture* ini Yang Berhormat Menteri menyebut sekarang sudah mula syarikat-syarikat besar datang untuk menawarkan diri.

Sebenarnya projek pembuatan produk untuk menggerakkan *organic farming* boleh dibuat dengan cara lebih murah. Oleh sebab itu saya sangat tidak bersetuju kalau kita melihat bila nama *organic farming*, mahal. Sepatutnya *organic farming* lagi murah tetapi kerana jenamanya dijenamakan oleh golongan komersial akhirnya ia jadi mahal. Baja yang sangat bagus, baja rumput. Konsep berkawan dengan rumput, bukan berlawan dengan rumput mungkin menjadi suatu pendekatan yang lebih bagus.

Sebagai penutup Tuan Yang di-Pertua, saya ungkapkan satu firman Allah SWT, hasil yang berlaku di hadapan kita sekarang. Saya tidak sempat hendak menyentuh tentang kebejatan sosial anak-anak muda terkait dengan *gadget*. Isu porno yang sangat melampau sekarang ini. Akan tetapi untuk penutup ini cukup saya menyebutkan tentang satu firman Allah dalam surah Ar-Rum ayat 41... *[Membaca sepotong ayat Al-Quran]*.

■1240

Ini selalu diulang oleh Yang Berhormat Tuan Balasubramaniam a/l Nachiappan, maknanya, *"Telah timbul berbagai-bagai kerosakan dan bala bencana di darat dan di laut disebabkan apa yang telah dilakukan oleh tangan-tangan manusia sendiri kerana Allah hendak merasakan mereka sebahagian daripada balasan perbuatan buruk yang mereka lakukan supaya mereka kembali insaf dan bertaubat dan bertakwa kepada Allah SWT."*

Akhirnya, satu firman Allah SWT yang menyebut dalam Surah al-A'raf, ayat ke-96, *[Membaca sepotong ayat al-Quran]* *"Sekiranya penduduk (sesuatu atau sesebuah negeri atau sesebuah kampung) itu beriman dan bertakwa kepada Allah, tentu Allah akan membukakan kepada mereka pintu pengurniaan yang melimpah-limpah keberkatannya dari langit dan bumi, tetapi mereka mendustakan Rasul kami, lalu kami timpakan dengan azab seksa disebabkan apa yang telah mereka usahakan."* Saya bimbang apa yang kita lalui hari ini, akibat daripada ini dan waktunya untuk kita kembali kepada Allah dan mengikuti syariat Allah dan menyempurnakan tuntutan sebagai mana yang disebutkan dalam al-Quran

Akhirnya, saya ingin menyatakan persetujuan menyokong terhadap bajet ini. Mudah-mudahan *insya-Allah*, apa yang saya sebut ada manfaatnya walaupun sedikit kepada ummah mahupun negara. *Insya-Allah. Wabillahaufik walhidayah, wassalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.*

Tuan Yang di-Pertua: *Waalaikumussalam.* Terima kasih, Yang Berhormat Tuan Haji Hussin bin Ismail.

Yang Berhormat Senator Datuk Mohd Hisamudin bin Yahaya.

12.42 tgh.

Datuk Mohd Hisamudin bin Yahaya: *Bismillahi Rahmani Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh* dan salam sejahtera.

Tuan Yang di-Pertua, Belanjawan 2023 yang dibentangkan oleh Yang Amat Berhormat Dato' Seri Anwar bin Ibrahim, Perdana Menteri Malaysia pada 24 Februari 2023 yang lalu telah membawa harapan pembangunan Malaysia MADANI yang dinantikan oleh seluruh rakyat Malaysia. Belanjawan kerajaan perpaduan yang menumpukan kepada 12 ikhtiar utama berlandaskan tiga tekad, iaitu:

- (i) pemacu ekonomi yang terangkum dan mampan;
- (ii) reformasi institusi dan tata kelola bagi memulihkan keyakinan; dan
- (iii) keadilan sosial untuk merapatkan jurang masyarakat.

Saya percaya Belanjawan 2023 yang memperuntukkan RM388.1 bilion dengan RM289.1 bilion untuk belanja mengurus, RM99 bilion bagi belanja pembangunan dan termasuk RM2 bilion simpanan luar jangka dapat dimanfaatkan demi pembangunan negara dan kesejahteraan rakyat.

Saya juga ingin mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan ribuan terima kasih atas keprihatinan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri memberikan Bantuan Khas Kewangan Aidilfitri (BKKA) sebanyak RM700 kepada semua penjawat awam Gred 54 ke bawah termasuk lantikan 87 kontrak. Untuk pesara perkhidmatan awam pula, akan mendapat BKKA RM350.

Saya juga sedar dalam keterhadan ekonomi yang semakin membangun, ada pengorbanan yang perlu kita lakukan. Akan tetapi, besarlah harapan saya sekiranya ekonomi Malaysia sudah pulih dan stabil nanti, kerajaan harus menimbangkan semula cadangan CUEPACS untuk kenaikan gaji penjawat awam di Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua, pada kesempatan ini, saya ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan atas kejayaan perkhidmatan transit aliran massa (MRT) laluan Putrajaya yang telah mula beroperasi sepenuhnya pada 16 Mac 2023. Terima kasih jua saya ucapkan buat Yang Amat Berhormat Perdana Menteri yang telah mengumumkan perkhidmatan percuma bagi MRT laluan Putrajaya kepada rakyat sehingga 31 Mac 2023.

Menurut statistik anggaran penduduk semasa Malaysia 2022 yang dikeluarkan oleh Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM), Wilayah Persekutuan Putrajaya mempunyai kepadatan penduduk kedua tertinggi di Malaysia dengan jumlah 2,418 orang per satu kilometer. Kepadatan penduduk yang tinggi ini menjadikan Putrajaya sebagai sebuah wilayah yang sesak dengan kenderaan, ditambah dengan fungsi utama Putrajaya sebagai pusat pentadbiran dan juga pusat pelancongan di dalam dan luar negara.

Kegagalan konsep *Park & Ride*, dengan izin, di Putrajaya adalah disebabkan oleh lokasi kemudahan *Park & Ride* tersebut yang terletak di dalam Putrajaya itu sendiri iaitu di Putrajaya Sentral dan Presint 14. Padahal, konsep *Park & Ride* yang sepatutnya adalah di mana seorang pengguna dapat meletakkan kenderaan bermotornya di tempat parkir yang terletak di luar kota atau di pinggiran kota. Kemudiannya, menaiki pengangkutan awam seperti LRT, MRT atau bas penyambung ke pusat bandar. Faktor ini menyebabkan *Park & Ride* di Putrajaya gagal mendapat sambutan dan seterusnya tidak dapat menyelesaikan masalah kesesakan lalu lintas di Putrajaya.

Maka, saya ingin mencadangkan supaya kerajaan yang ada sekarang ini membetulkan konsep *Park & Ride* ini dengan memberikan peruntukan untuk membina kemudahan *Park & Ride* di kawasan Dengkil atau Kampung Dato' Abu Bakar Baginda. Ia akan dapat memanfaatkan pengunjung yang hendak memasuki pusat pentadbiran dengan kemudahan pengangkutan awam yang disediakan oleh pihak kerajaan.

Tuan Yang di-Pertua, baru-baru ini tular mengenai satu kesesakan yang berlaku di Hospital Putrajaya di media sosial. Menurut Pengarah Hospital Putrajaya, Datuk Dr. Nora'i Binti Mohd Said, kejadian berlaku adalah kerana jumlah keseluruhan pegawai perubatan hanya 13 orang sahaja dan mereka ditempatkan di zon rawatan yang tertentu. Hospital Putrajaya bukan sahaja menerima pesakit-pesakit dari Putrajaya, tetapi juga pesakit-pesakit dari kawasan-kawasan sekitar Bangi, Sepang, Dengkil malahan ada yang datang dari Seremban.

Atas dasar itu, saya ingin bertanya kepada Kementerian Kesihatan Malaysia, adakah kerajaan mempunyai perancangan untuk membina sebuah lagi hospital baharu di Putrajaya bagi menampung jumlah pesakit-pesakit yang semakin sesak? Sekali gus dapat menjaga kebajikan penduduk di Putrajaya.

Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Dewan, Jualan Terus Dari Ladang (JTDL) ialah program yang diperkenalkan oleh FAMA untuk mempelbagaikan *outlet* pasaran kepada peserta ladang kontrak dan menyediakan harga sayur-sayuran dan buah-buahan yang lebih berpatutan kepada pengguna. Program ini juga bertujuan untuk mengatasi masalah bekalan sayur di kawasan pedalaman dan meningkatkan ekonomi dalam rantai nilai lebih tinggi. Kini FAMA telah memperbanyak Jualan Terus Dari Ladang membabitkan penyertaan 1,793 buah premis jualan di seluruh negara pada tahun ini.

Bagi Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Putrajaya pula, Jualan Terus Dari Ladang hanya diadakan sebanyak 20 kali setahun sahaja. Ia tidak mencukupi untuk kita membantu para petani, peniaga kecil dan sederhana untuk meningkatkan jualan mereka. Oleh itu, saya mencadangkan kepada Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan supaya dapat menambah peruntukan jualan terus dari ladang kepada FAMA agar FAMA boleh membantu petani-petani yang terlibat untuk mengadakan sekurang-kurangnya sekali

seminggu ataupun 52 kali setahun Jualan Terus Dari Ladang di Kuala Lumpur dan di Putrajaya.

Maknanya di sini, Tuan Yang di-Pertua, tiap-tiap minggu itu sekali di Putrajaya dan juga di Kuala Lumpur. Ia secara langsung rakyat akan dapat manfaat daripada jualan terus dari ladang yang diadakan memandangkan harga jualan sayur-sayuran dan buah-buahan adalah lebih rendah daripada harga jualan di pasar raya.

■1250

Tuan Yang di-Pertua, tahun ini bakal menjadi satu garis masa yang penting bagi Persatuan Bola Sepak Malaysia (FAM) kerana pasukan kebangsaan Harimau Malaya telah berjaya layak secara merit ke Piala Asia yang bakal berlangsung di Qatar pada tahun 2024.

Untuk makluman semua, ibu pejabat FAM yang baharu juga akan dibina dan dijangka siap dibina di Presint 5 menjelang tahun 2025. Pada tahun lepas, kerajaan dengan kerjasama FAM sepatutnya telah memulakan pembinaan sebuah Pusat Latihan Kebangsaan (*National Training Centre*) di Putrajaya. Saya ingin bertanya kepada Kementerian Belia dan Sukan, apakah status pembinaan Pusat Latihan Kebangsaan ini yang sangat penting untuk FAM untuk menjalankan latihan-latihan bagi pasukan kebangsaan kita?

Selain itu, FAM juga perlu menanggung kos-kos latihan dan persiapan untuk- skuad lelaki, kita ada pasukan kebangsaan, pasukan bawah 23 tahun, pasukan 19 tahun dan pasukan 16 tahun, pasukan futsal lelaki, pasukan futsal lelaki bawah 20 tahun, pasukan bola sepak pantai, *e-sport* Rimau atau *e-sukan*. Manakala skuad wanita pula, pasukan kebangsaan, pasukan bawah 20 tahun, pasukan bawah 16 tahun, pasukan futsal wanita, pasukan futsal wanita bawah 20 tahun.

Bagi memastikan pasukan kebangsaan kita mampu berdaya saing di peringkat Asia, FAM masih memerlukan dana sokongan sebanyak RM10 juta setiap tahun daripada Kementerian Belia dan Sukan atau Kementerian Kewangan sebagai dana tambahan dalam pembangunan sukan bola sepak negara.

Tuan Yang di-Pertua, mengambil kesempatan keberkatan bulan Ramadan yang mulia ini, saya dengan ikhlas hati ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan atas peluang bagi menyampaikan saranan dan ruang penambahbaikan terhadap Belanjawan Kerajaan Perpaduan ini. Saya berharap setiap daripada kita dapat meneruskan tekad dan semangat baharu dalam mengekalkan prestasi kerja yang produktif dan progresif. Semoga apa yang dilakukan akan sentiasa mendapat keberkatan daripada Allah SWT. Sekian, terima kasih. Saya mohon menyokong... [*Tepuk*]

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih kembali kepada Yang Berhormat Datuk Mohd Hisamudin bin Yahaya.

Yang Berhormat Senator Tuan Manolan bin Mohamad, giliran berikut.

12.53 tgh.

Tuan Manolan bin Mohamad: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana memberi peluang kepada saya untuk mengikuti perbahasan Bajet Madani 2023 yang bertemakan “Membangun Malaysia Madani.”

Saya juga ingin merakamkan terima kasih kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kerana telah memperuntukkan iaitu menawarkan jawatan seramai 1,500 orang kepada renjer hutan khususnya kepada Orang Asli dan juga bekas-bekas tentera di mana sekurang-kurangnya mereka ada pekerjaan di kampung-kampung di pedalaman ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyentuh Kementerian Kemajuan Desa dan Wilayah. Perkara ini saya sudah bawa agak sekian lama daripada penggal yang lepas dan bukan sahaja saya, saya yakin, Tuan Yang di-Pertua, tetapi Senator-Senator yang mewakili Orang Asli juga berbicara berkenaan dengan pewartaan tanah Orang Asli. Di mana pewartaan tanah Orang Asli ini kalau kita melawat perkampungan Orang Asli, inilah perkara isu utama yang menjadi perbualan mereka, yang menjadi perbincangan di kalangan mereka di mana tanah yang mereka menduduki ini tidak ada pengiktirafan, di mana tanah tersebut tidak diwartakan sebagai rizab Orang Asli.

Jadi, pencerobohan tanah Orang Asli ini, saya cadangkan- bagaimana kita hendak mengatasi perkara ini, Tuan Yang di-Pertua? Langkah yang pertama iaitu pihak kerajaan wajib dan mestiewartakan tanah-tanah yang mereka menduduki, yang mereka diami, yang mereka usahakan itu. Bagi saya, tidak ada langkah-langkah lain. Ini sahaja cara dia. Wartakan dan tanah itu selamat di mana tidak ada pencerobohan tanah terhadap tanah yang mereka menduduki.

Ada juga yang berpandangan bahawa Orang Asli ini tidak ada tanah adat. Ada segolongan yang mengatakan tidak ada tanah adat. Tanah adat ini hanya ada di Sabah dan Sarawak sahaja tetapi...

Tuan Yang di-Pertua: Di Negeri Sembilan pun ada.

Tuan Manolan bin Mohamad: Di Negeri Sembilan ada? Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Akan tetapi, ada golongan yang berpandangan bahawa tidak ada. Akan tetapi, untuk makluman rakan-rakan Yang Berhormat di dalam Dewan yang mulia ini, tanah adat Orang Asli itu ada sebenarnya.

Di sini saya boleh nyatakan. Sebab, ada tiga contoh di sini di mana Orang Asli telah saman kerajaan negeri dan juga pihak-pihak tertentu kerana telah mengambil tanah mereka, tanah yang mereka menduduki, yang mereka usahakan ini. Walaupun tanah tersebut tidak ada geran, belum diwartakan sebagai rizab Orang Asli tetapi Orang Asli menang di mahkamah di mana mahkamah telah mengiktiraf bahawa tanah itu adalah tanah yang diduduki oleh Orang Asli dan mereka ada hak di atas tanah tersebut.

Tuan Yang di-Pertua: Tiga kes. Satu di Kelantan, satu di Selangor, satu di Johor.

Tuan Manolan bin Mohamad: Ya. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana memberi fakta. Boleh masuk dalam sebahagian daripada ucapan saya, Tuan Yang di-Pertua.

Di sini saya khususkan, Tuan Yang di-Pertua. Yang pertama kes Adong bin Kuwau melawan Kerajaan Negeri Johor. Kes ini berlaku pada tahun 1996. Tanah mereka telah diambil untuk membina empangan- *dam*, dan mereka tidak dibayar pampasan yang setimpal dan mereka membawa ke mahkamah dan mereka menang. Sehingga ke Mahkamah Persekutuan.

Untuk makluman Tuan Yang di-Pertua yang arif dalam perundangan, bahawa keputusan mahkamah itu adalah sebahagian daripada undang-undang. Betul, Tuan Yang di-Pertua?

Tuan Yang di-Pertua: Ya.

Tuan Manolan bin Mohamad: Maka itu, tanah adat itu ada walaupun ada sebilangan yang cuba menafikan dan cuba tidak mengiktiraf tentang tanah adat Orang Asli ini.

Kedua, kes Sagong Tasi di mana kes ini berlaku pada tahun 2002. Orang Asli telah melawan Kerajaan Negeri Selangor pada masa itu, dan akhirnya mereka menang. Tuan Yang di-Pertua, tanah tersebut iaitu tanah jalan yang kita lalu ke KLIA. Maksudnya, jalan yang kita lalu ke KLIA ini kampung Orang Asli pada masa itu. Ada tiga buah kampung Orang Asli pada masa itu dan itulah laluan kita hendak pergi ke luar negara, Tuan Yang di-Pertua.

Ketiga adalah- ini agak baru sedikit, tahun 2007. Iaitu “Mohamad bin Nohing melawan Kerajaan Negeri Pahang” di mana tanah mereka telah diambil oleh FELCRA untuk dimajukan oleh FELCRA dan ditanam kelapa sawit dan pemiliknya bukan Orang Asli tersebut tetapi orang lain. Maka mereka membawa ke mahkamah dan mereka menang.

Ini tiga contoh yang saya beri dan ada lagi beberapa contoh yang menunjukkan bahawa tanah adat itu ada. Walaupun tanah tersebut tidak ada geran, belum diwartakan tetapi mereka menang di Mahkamah Persekutuan dan Mahkamah Rayuan.

Tuan Yang di-Pertua, Orang Asli ini tidak ada harta, tidak ada aset seperti orang lain ada kereta besar, rumah besar, tanah luas. Orang Asli ini tidak ada. Mereka hanya ada tanah yang mereka menduduki itu sahaja. Tidak ada aset lain. Maka itu, pengiktirafan tanah itu melalui pewartaan sangat penting bagi mereka untuk meneruskan kehidupan mereka, untuk mendapat pendapatan, untuk meneruskan kelangsungan hidup mereka untuk generasi-generasi yang akan datang.

■1300

Apabila tanah tersebut diwartakan, tidak ada pencerobohan sebab itu tanah mereka. Tanah tersebut boleh diusahakan untuk pertanian, untuk bercucuk tanam dan mereka akan mendapat hasil daripada tanah tersebut. Apabila ekonomi mereka itu lebih baik, saya yakin Orang Asli juga mampu untuk menghantar anak mereka ke sekolah. Mampu untuk memberi sedikit duit poket kepada anak mereka. Mereka tidak perlu untuk membawa anak mereka ini

bekerja masuk dalam hutan atau bekerja untuk membantu mereka. Apabila sakit juga, mereka boleh membawa pergi hospital ataupun klinik kerana mereka ada kewangan sedikit dengan tanah yang mereka menduduki itu, yang telah diiktiraf oleh kerajaan.

Maka itu, saya ingin bertanya kepada Kementerian KKDW khususnya yang menjaga Hal Ehwal Orang Asli ini khususnya JAKOA, supaya di dalam Kerajaan Perpaduan ini di Kerajaan Malaysia Madani ini, di mana Yang Amat Berhormat Perdana Menteri telah selalu mengungkapkan bahawa rakyat yang termiskin itu Orang Asli dan juga masyarakat India. Maka itu, kita cuba untuk menoktahkan kemiskinan Orang Asli ini melalui pewartaan tanah mereka. Sekiranya kerajaan berusaha dengan keinginan politik yang serius, saya yakin pihak kerajaan negeri boleh bekerjasama dengan Kerajaan Persekutuan untuk mewartakan tanah-tanah Orang Asli ini.

Ini sebab Tuan Yang di-Pertua, kalau kita tengok di Selangor, saya memberi ucapan penghargaan kepada Kerajaan Negeri Selangor kerana di Selangor banyak perkampungan dan tanah-tanah Orang Asli ini yang telah diwartakan khususnya selepas tahun 2008. Jadi, saya mahu juga kerajaan-kerajaan negeri lain boleh belajar dengan Kerajaan Negeri Selangor ini, di mana mereka melihat Orang Asli ini bukan bebanan kepada kerajaan negeri, tetapi Orang Asli, penduduk rakyat di negeri Selangor ini boleh memberi nilai tambah kepada ekonomi untuk pembangunan di negeri Selangor. Jadi saya ingin bertanya kepada Kementerian KKDW, apakah perancangan mereka untuk mengatasi pewartaan tanah Orang-orang Asli ini?

Tuan Yang di-Pertua, seterusnya kepada Kementerian Kewangan di mana saya mencadangkan supaya Kementerian Kewangan menyediakan peruntukan khusus untuk kos pengukuran tanah adat Orang Asli ini. Bukan sahaja kos pengukuran kasar, tetapi kos pengukuran halus di mana kos pengukuran halus ini mesti dilakukan untuk melayakkan ataupun membolehkan tanah-tanah tersebut untuk diwartakan. Hal ini sebab ada juga kerajaan negeri yang berpandangan bahawa mereka tidak ada keupayaan. Kita akui yang itu, tidak ada keupayaan untuk mengeluarkan kos pengukuran tersebut, maka itu saya ingin bertanya kepada Kementerian Kewangan khususnya kepada Yang Amat Berhormat Menteri Kewangan, untuk menyediakan dana khas untuk kos-kos pengukuran ini.

Seterusnya adalah di bawah KKDW juga, berkenaan dengan tanah-tanah yang diusahakan oleh RISDA dan juga FELCRA di penempatan Orang Asli ini. Jumlah tanah yang diusahakan oleh RISDA adalah seluas 14,096 hektar dan FELCRA seluas 6,157.7 hektar. Keluasan ini sebenarnya memadai dan cukup kalau digunakan secara optimum untuk mengeluarkan daripada garis kemiskinan tegar Orang Asli ini. Akan tetapi kita tengok sekarang ini Tuan Yang di-Pertua, tanah yang luas ini tetapi tidak digunakan secara optimum, di mana hasilnya tidak memberi hasil kepada Orang Asli. Dividen yang mereka menerima

sangat rendah, kadang-kadang bawah RM100 sebulan. Kadang-kadang tiga bulan sekali, empat bulan sekali, tetapi tanah mereka ada di situ.

Jadi, saya cadangkan kepada KKDW ini dan saya ingin bertanya juga, berapakah kos-kos untuk memajukan ladang tersebut dan berapakah jumlah hasil yang dikeluarkan oleh ladang tersebut? Ini kena ada ketelusan sebab Orang Asli tidak tahu, para peserta juga tidak tahu berapakah jumlah kos meracun, kos membaja dan berapakah jumlah hasil yang dikeluarkan? Ini kena *transparent* Tuan Yang di-Pertua, supaya Orang Asli tahu berapakah dividen yang mereka dapat akhirnya. Ini mereka tidak tahu. Maka itu, saya mencadangkan supaya tanah-tanah yang tidak produktif ini supaya ditanam dengan tanaman lain. Sekarang ini ada tanaman yang lebih menguntungkan, sebagai contoh durian. Satu kilo Musang King RM60 hingga RM70 sekilo Tuan Yang di-Pertua, dan tidak memerlukan jumlah kawasan yang besar. Satu ekar, dua ekar pun sudah memadai.

Maka itu, KKDW kena melihat perkara ini dan adakah mereka bercadang juga untuk menyerahkan tanah-tanah tersebut kepada Orang Asli yang berkeelayakan? Ini sebab ada yang saya dapat tahu, Orang Asli yang memang mereka ingin mengambil semula tanah tersebut. Ini sebab mereka ada keupayaan, ada kemampuan, tetapi tidak dibenarkan oleh JAKOA dan juga RISDA. Oleh sebab mereka masih berhutang antara RISDA dan FELCRA ini, tetapi yang menjadi mangsa Orang Asli tersebut, Tuan Yang di-Pertua.

Kedua, Kementerian Pendidikan Tuan Yang di-Pertua, berkenaan bantuan persekolahan ini. Masa saya sekolah dahulu ada bantuan pakaian sekolah, tetapi sekarang ini sudah tidak ada, sudah tidak diberikan sejak mungkin 10 tahun yang dahulu, yang lepas. Jadi sekarang ini, ramai Orang Asli ini yang hendak pergi sekolah ini Tuan Yang di-Pertua, tetapi tidak cukup untuk hendak beli pakaian sekolah. Maka itu, mereka tidak dapat pergi ke sekolah. Kerajaan hanya membiayai yuran persekolahan sahaja dan alat tulis pun mereka terpaksa beli sendiri. Maka itu, saya minta Kementerian Pendidikan mungkin boleh bekerjasama dengan JAKOA untuk melihat perkara ini.

Seterusnya berkenaan dengan Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan Tuan Yang di-Pertua. Berkenaan Jualan Rahmah, saya memang amat menghargai dan memberi penghargaan kepada Kerajaan Madani, khususnya kepada Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan ini kerana telah mengadakan satu langkah jangka pendek dan sederhana di mana mengadakan Jualan Rahmah dan juga Menu Rahmah ini. Akan tetapi, menu Rahmah ini mungkin tidak sesuai di luar bandar, tetapi Jualan Rahmah ini Tuan Yang di-Pertua, saya cadangkan kepada kementerian supaya diperluaskan di kawasan-kawasan pedalaman khususnya di pos-pos ataupun beri perkampungan Orang Asli di pedalaman sana.

Ini kerana barangan makanan kering di luar bandar ini mahal kalau dibandingkan dengan bandar. Sebagai contoh, tong gas dan juga susu lebih mahal di luar bandar. Akan tetapi, barangan hasil yang dijual pula lebih rendah dibandingkan dengan di bandar. Maka itu,

saya cadangkan kepada Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan ini dan juga kepada Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup untuk membawa Jualan Rahmah ini ke kawasan pedalaman dengan menjual dengan harga yang lebih murah.

Juga, Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan boleh membeli terus barang-barang hasil jualan di kawasan luar bandar ini melalui FAMA supaya orang tengah ini tidak mengambil kesempatan Tuan Yang di-Pertua. Sekarang ini orang tengah memang mengambil kesempatan. Harga yang mereka membeli di luar bandar ini jauh lebih rendah daripada harga pasaran.

■1310

Sebagai contoh sekarang ini, harga getah Tuan Yang di-Pertua. Satu kilo RM3 tetapi di kawasan pedalaman RM1.80, mereka menjual sekilo harga getah ini. Jadi ini memang sangat jauh dibandingkan dengan harga di bandar. Maka itu saya minta supaya kementerian melihat perkara ini supaya saranan kerajaan untuk menoktahkan kemiskinan ini akan berjaya.

Seterusnya, Kementerian Sumber Asli, Alam Sekitar dan Perubahan Iklim. Seperti mana yang kita sedia maklum di kawasan Pantai Timur ini memang selalu banjir setiap tahun di Kelantan, Terengganu dan Pahang ini. Memang setiap tahun, Monsun Timur Laut ini biasanya banjir. Jadi kerajaan bila berlaku banjir, mereka pindahkan penduduk ke pusat penempatan sementara. Setiap tahun seperti itu.

*[Dato' Kesavadas a/l A. Achyuthan Nair **mempengerusikan Mesyuarat**]*

Akan tetapi saya tengok masalah banjir ini ada di sesetengah tempat, bukan semua Tuan Yang di-Pertua. Akan tetapi yang pertama, anak-anak sungai ini mesti kita kena dalamkan Tuan Yang di-Pertua dan mesti diselenggarakan supaya aliran sungai itu apabila hujan lebat berlaku, aliran sungai pada anak-anak sungai ke sungai utama dan seterusnya ke laut itu akan lancar. Akan tetapi sesetengah anak sungai ini pokok-pokok ditebang dan tumbang ke dalam sungai, sungai menjadi cetek dan penebangan hutan ini juga yang tidak terkawal menyebabkan sungai menjadi cetek. Maka bila berlaku hujan sahaja, dua hingga tiga jam sudah banjir dan akhirnya, penduduk yang menjadi mangsa.

Maka itu, saya cadangkan kepada kementerian, apakah langkah-langkah jangka pendek yang boleh kita buat untuk mengatasi masalah banjir ini? Oleh sebab kita tahu apabila banjir berlaku, memang ia memberi kesan ekonomi kepada kita, negara dan penduduk setempat. Mereka yang tidak berniaga, tidak boleh pergi ke kebun, yang peniaga kedai mereka habis tenggelam dan yang bekerja tidak boleh pergi ke pejabat dan tidak dapat bayaran yang mengambil upah harian ini.

Jadi, apakah sebenarnya langkah-langkah yang boleh diambil oleh kementerian dalam jangka masa pendek ini? Kita tengok juga tidak ada zon penampakan- *buffer zone* di sungai-

sungai ini. Sepatutnya mesti kena ada jarak. Kalau ada pembersihan hutan atau kawasan, ia mesti ada jarak di antara sungai tersebut dan mendalamkan sungai itu juga lebih baik.

Tuan Yang di-Pertua, seterusnya berkenaan Kementerian Ekonomi. Kementerian Ekonomi telah melancarkan Inisiatif Pendapatan Rakyat. Saya tengok inisiatif ini sangat baik dan ini satu langkah jangka pendek yang memberi kesan ekonomi kepada pendapatan rakyat khususnya golongan B40. Kita tengok di dalam Inisiatif Usahawan Tani (INTAN) di mana pertanian difokuskan oleh Kementerian Ekonomi ini di mana tanah-tanah kerajaan yang terbiar dan tidak digunakan ini boleh dimajukan oleh penduduk yang berdekatan untuk mengusahakan pertanian.

Kalau kita tengok seperti yang saya sebutkan tadi, banyak tanah Orang Asli ini yang belum ataupun yang tidak produktif ini. Apakah kerjasama di antara Kementerian Ekonomi dan juga KKDW ini untuk menggunakan tanah-tanah Orang Asli tersebut untuk diusahakan dan juga menyertai pakej IPR ini tadi? Jadi masa pun sudah tamat.

Akhir sekali Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Dalam Negeri iaitu berkenaan dengan kad pengenalan. Baru-baru ini saya pergi ke sempadan Rompin dan Bera. Saya masuk ke kampung ini, rupanya ada ramai Orang Asli yang tidak ada kad pengenalan di mana anak-anak mereka tidak boleh pergi sekolah kerana tidak ada kad pengenalan. Bukan sahaja anak tetapi ayah dan ibu mereka pun tidak ada kad pengenalan. Jadi, perkara ini sebenarnya sudah lama berlaku dan terus berlaku dan bukan di pedalaman sangat pun.

Jadi saya ingin bertanya kepada Kementerian Dalam Negeri, JPN dan juga JAKOA. Apakah langkah mereka untuk mengatasi masalah Orang Asli yang tidak ada kad pengenalan ini? Di mana kita menafikan hak mereka untuk bersekolah khususnya kepada anak mereka dan juga mereka tidak boleh pergi ke klinik kerana mereka dianggap sebagai hendak kata pendatang pun boleh, macam orang asing, bukan orang Malaysia. Jadi saya minta Kementerian Dalam Negeri untuk melihat perkara ini.

Dengan itu Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong usul Rang Undang-undang Perbekalan 2023 yang telah dibentangkan oleh Yang Amat Berhormat Menteri Kewangan pada 24 Februari 2023. Sekian, terima kasih.

Dato' Kesavadas a/l A. Achyuthan Nair: Terima kasih Yang Berhormat Tuan Manolan bin Mohamad atas perbahasan tadi.

Sekarang saya menjemput Yang Berhormat Senator Tuan Seruandi bin Saad.

1.16 ptg.

Tuan Seruandi bin Saad: *Bismillahi Rahmani Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.*

*Daun palas buah delima;
Saya pembahas nombor lima.*

Terima kasih atas ruang dan peluang yang diberikan kepada saya untuk sama-sama turut menyertai perbahasan Rang Undang-undang Perbekalan 2023. Terlebih dahulu izinkan saya merakamkan penghargaan kepada Yang Amat Berhormat Menteri Kewangan atas pembentangan Belanjawan 2023 yang pertamanya di bawah pemerintahan beliau dengan peruntukan terbesar daripada sebelum ini berjumlah RM388.1 bilion. Saya pasti Belanjawan 2023 ini merupakan sesuatu yang amat ditunggu oleh rakyat terutamanya bagi melihat apakah bentuk tawaran-tawaran baru daripada kerajaan di bawah Yang Amat Berhormat Tambun.

Tuan Yang di-Pertua, hutang negara yang mencecah RM1.5 trilion satu angka yang besar dan saya bertanya kepada Yang Berhormat Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan, angka trilion itu ada berapa kosong? Beliau menjawab 11 kosong... *[Ketawa]* Jadi ini untuk memudahkan saya menerangkan kepada masyarakat di bawah nanti. Trilion itu- berapakah angka kosongnya? Jadi kita mendapat maklum bahawa 11 angka kosong. Jadi itulah kepada wakil FAM, kalau main bola sampai 11 – 0 jenuh jugalah itu.

Oleh yang demikian, pada hari ini saya turut bersama-sama untuk membahaskan isu yang perlu diberi perhatian yang sepenuhnya agar perancangan dan pelaksanaan Belanjawan 2023 ini akan memanfaatkan semua golongan tidak kira di bandar mahupun luar bandar serta dari setiap golongan masyarakat yang memerlukan perhatian sewajarnya daripada pihak kerajaan. Saya amat bersetuju dengan saranan Yang Berhormat Dato' Ahmad bin Dato' Sri Haji Ibrahim tadi. Kita memerlukan satu *will*, dengan izin, atau satu kemahuan yang perlu disepadukan antara kerajaan dan rakyat.

Pertama, kita melihat dengan peruntukan yang besar ini, bagaimanakah ia dapat memanfaatkan rakyat Malaysia serta ke arah mana masa depan Malaysia yang kita cintai ini? Persoalan utama, bagaimana belanjawan terbesar daripada kerajaan ini mempunyai faktor penarik- '*Wow factor*' yang akan memberi keseimbangan kepada semua golongan terutama kepada mereka yang terkesan dengan ketidakstabilan ekonomi sejak pandemik COVID-19 melanda?

Dengan Bantuan Tunai Rahmah yang diteruskan dan insentif bagi membantu rakyat secara terus, ia hanya dapat membantu dalam jangka masa pendek. Justeru, apa perancangan bagi memastikan kestabilan ekonomi, isi rumah termasuklah dari sudut kecukupan daripada emolumen atau pendapatan isi rumah bagi membolehkan miskin tegar dapat dihapuskan sepenuhnya. Bagi kategori miskin di bawah B40 juga pendapatan yang mereka memperoleh bersesuaian dengan cabaran ekonomi pada masa kini.

■1320

Serta, apakah mekanisme bagi terus menghapuskan jurang kemiskinan di luar bandar yang sering kali tersepit apabila berlaku kenaikan harga barangan dan perkhidmatan? Malah, apakah rancangan jangka pertengahan dan jangka panjang untuk ditangani isu ekonomi ini kerana Malaysia sedang menghadapi isu besar dalam aspek pengagihan pendapatan kekayaan? Semestinya apabila kita melihat kerangka Malaysia Madani, ia adalah satu inklusif dan menyeluruh bagi memastikan kesejahteraan rakyat sentiasa didahulukan.

Beralih kepada isu alam sekitar yang semakin membelenggu dunia pada ketika ini. saya akui bukan hanya di Malaysia sahaja, namun pokoknya kita melihat bagaimana kerajaan mengambil langkah ke hadapan bagi mengatasi isu perubahan iklim yang mengakibatkan peralihan cuaca yang tidak menentu. Seterusnya membawa pada bencana alam seperti banjir yang bukan lagi acara tahunan, namun acara tanpa diduga pada masa kini.

Jika pada tahun 2022, dianggarkan kos sebanyak RM300 bilion diperlukan sebagai penyelesaian jangka panjang bagi mendepani cabaran perubahan iklim serta fenomena banjir di seluruh negara yang berlaku kepada pembangunan, yang berfokus kepada pembangunan infrastruktur air seperti tebatan banjir, pembinaan benteng, ban, pencegahan hakisan pantai dan sebagainya. Bagaimanakah pula dengan situasi terkini? Apakah perancangan yang lebih jitu oleh kerajaan baharu bagi menyelesaikan isu ini?

Malahan Kementerian Kerja Raya (KKR) menganggarkan kos baik pulih keseluruhan infrastruktur yang terjejas akibat bencana banjir yang melanda negara di Semenanjung baru-baru ini hampir mencecah RM230 juta. Pada tahun ini juga ia satu angka yang besar dan jika angka ini kita dapat mengatasinya dengan lebih awal, ia akan membawa satu manfaat untuk kita mengalihkan, membina infrastruktur-infrastruktur yang lain pula seperti sekolah dan sebagainya.

Saya juga ingin mendapatkan penjelasan daripada kaedah holistik yang dibuat oleh Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) dalam memastikan tidak berlaku lagi isu kenaikan barangan apabila musim banjir melanda negara kita. Isu bekalan makanan dan juga mobiliti merupakan perkara asas yang terjejas *dek* banjir. Pastinya banyak kebun sayur dan penternak yang terjejas. Oleh yang demikian, bagaimanakah langkah yang diambil antara KPDN dan Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan agar masalah bekalan makanan ini tidak terus membebankan poket golongan yang terkesan dengan bencana?

Beralih kepada melibatkan negeri Perlis, saya merujuk kepada muka surat 19 paparan 67 bagi menyokong perkembangan ataupun ucapan belanjawan masyarakat Madani. *“Bagi menyokong perdagangan antarabangsa, kerajaan mendukung cadangan pembangunan Pelabuhan antara...”*

Fasal 66, silap ya. “*Tumpuan juga diberikan untuk menyokong projek pembangunan Pelabuhan Sanglang di Perlis bagi mengendalikan kargo petroleum dan kargo pukal yang akan memberikan nilai tambah kepada ekonomi Perlis. Dalam masa yang sama, kerajaan akan membina struktur baharu hakisan pantai antara Kuala Sanglang, Perlis ke Kuala Jerlun, Kubang Pasu, Kedah.*” Ini satu suasana yang amat menarik jika insya-Allah kerajaan dapat melaksanakan janji yang terdapat dalam belanjawan ini.

Ini kerana kawasan tersebut, kita akan melihat suatu hari nanti, akan menjadi satu-kawasan yang mana di *Western Australia*, dengan izin, iaitu kita akan melihat ikan paus akan menghempas ekornya. Ini satu pelancongan yang menarik. Itu di Australia lah. Akan tetapi di kawasan ini, dengan izin, terdapat ikan lumba-lumba. Kita amat mengharapkanlah ikan lumba-lumba jika projek ini diwujudkan nanti, ia hadirilah... *[Ketawa]* Sebab ikan lumba-lumba ini adalah satu keunikan ataupun, dengan izin, *dolfin*, tarikan kepada kanak-kanak untuk melihat ikan lumba-lumba ini melompat antara satu- tempat ke satu- tempat.

Pada masa yang sama juga, di kawasan ini kita akan membangunkan kawasan *aqua tourism* iaitu dengan makanan *seafoods* nya, udang galah, kerang dan sebagainya. Ini merupakan satu usaha sama dua buah negeri iaitu antara negeri Perlis dan negeri Kedah.

Saya juga berharap agar Jeti Kuala Perlis dapat diteruskan dan dimajukan kerana ia berpotensi untuk menjadi hab perkapalan seperti di Pelabuhan Klang dan Pelabuhan Pulau Pinang. Sekiranya untuk masa depan, kita melihat Kerajaan Thailand akan meneruskan satu projek yang mega iaitu mereka akan mendirikan jambatan di Segenting Kra.

Ini satu potensi kepada kerajaan kami di negeri Perlis dan pada masa yang sama juga, kita akui jika projek ini diteruskan, masa akan disingkatkan daripada 10 hari ke 6 hari sahaja apabila kapal-kapal dari India akan merentasi Pelabuhan Kuala Perlis dan akan merentasi Segenting Kra untuk ke Jepun, Vietnam dan negara China. Malahan, Kerajaan Thailand juga mungkin akan merangka satu lagi inisiatif untuk merancakkan pembangunan di kawasan tersebut.

Saya amat mengharapkan jika ini dapat direalisasikan, marilah kita mendoakan semoga semua pembangunan ini memberikan manfaat kepada rakyat negeri Perlis dan Malaysia. Pada masa yang sama, kita juga meminta kerajaan di bawah pimpinan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri Kesepuluh ini membuktikan bahawa segala permasalahan yang wujud perlulah ditangani dengan sebijaknya.

Rakyat sudah merasa jemu melihat bagaimana negara kita masih lagi dianggap negara yang lemah daripada segi birokrasinya, lemah daripada rasuahnya dan seolah-olah Malaysia bukan lagi sebuah negara yang menjadi *Asian Tiger* seperti dahulu. Dengan itu, saya turut menyokong perbahasan, ucapan terima kasih. Sekian.

Dato' Kesavadas a/l A Achyuthan Nair: Okey, terima kasih Yang Berhormat Senator Tuan Seruandi bin Saad.

Dipersilakan Yang Berhormat Senator Datuk Wira Koh Nai Kwong.

1.27 tgh.

Datuk Wira Koh Nai Kwong: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana memberikan peluang kepada saya untuk turut mengambil bahagian dalam perbahasan Rang Undang-undang Perbekalan 2023 pada hari ini.

Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan Madani di bawah kepimpinan Yang Amat Berhormat Tambun telah membentangkan Belanjawan 2023 dengan bajet yang terbesar dalam sejarah. Sebanyak RM388.1 bilion telah diperuntukkan untuk tahun 2023 berbanding RM372.3 bilion yang telah dibentangkan oleh kerajaan Keluarga Malaysia sebelum ini.

Walau bagaimanapun, bukan optik semata-mata bahawa belanjawan ini adalah terbesar dalam sejarah yang ingin saya berikan penegasan. Apa yang penting setiap sen yang diperuntukkan itu mampu memberikan kesan yang baik untuk jangka masa sederhana dan panjang dan mampu menyelesaikan masalah tunjang dalam negara kita ini.

Walaupun Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) dijangka berkembang sekitar empat peratus, sejajar dengan unjuran yang dibuat oleh Bank Negara Malaysia, namun Malaysia masih tidak boleh lalui dengan jangkaan ekonomi dunia akan lebih mencabar pada tahun 2023. Kebanyakan pakar dan penganalisis ekonomi menjangkakan ekonomi dunia akan berhadapan dengan kemelesetan atas beberapa faktor seperti kadar inflasi yang tinggi, kadar faedah yang akan terus meningkat, perang dunia Ukraine-Rusia dan pelbagai lagi. Beberapa faktor yang saya nyatakan telah berlaku sejak tahun 2022 lagi.

■1330

Perkara ini banyak mengganggu aspek rantai bekalan dunia yang mengakibatkan peningkatan kepada kos input, kos pengangkutan, kos tenaga buruh dan pelbagai lagi.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin memetik satu kaji selidik yang dilakukan oleh Pusat Penyelidikan Undian UCSI. Menurut kajian tersebut, 9 daripada 10 atau 89 peratus rakyat Malaysia bimbang tentang kos sara hidup. Majoriti responden iaitu 60 peratus berkata mereka paling bimbang dengan harga barang dapur dan makanan. Diikuti dengan utiliti iaitu lebih kurang 45 peratus dan bahan api iaitu 43 peratus. Sebanyak 37 peratus berkata mereka terpaksa bekerja lebih daripada biasa.

Tuan Yang di-Pertua, jumlah responden yang sama juga mengatakan tidak dapat menambah simpanan mereka. Lagi 35 peratus berkata mereka kini lebih kerap bimbang, 34 peratus mengatakan kesihatan mental mereka merosot, 30 peratus berkata pemakanan mereka tidak seimbang, 27 peratus berkata ia menjejaskan kesejahteraan mereka. Manakala, 18 peratus berkata mereka terpaksa memilih pengangkutan lain untuk berjimat.

Tuan Yang di-Pertua, harga barang semakin meningkat berbanding sebelum ini dan masih tiada gambaran bila harga barang akan mula menurun. Pada masa yang sama,

pendapatan rakyat pula terjejas atau tidak banyak peningkatan akibat iklim ekonomi yang masih tidak stabil.

Niat kerajaan untuk menurunkan harga dan mengurangkan beban rakyat wajar diberikan kredit. Namun pada pendapat saya, masih tiada inisiatif yang menyeluruh dalam bajet yang telah dibentangkan baru-baru ini. Masih tiada keputusan Jemaah Menteri untuk mengatasi masalah kelemahan sistematik atau dengan izin, *systematic fault* yang menyebabkan harga barang terus naik.

Maksud saya di sini, masalah tunjang kepada peningkatan kos harga barang masih tidak diatasi dan menyebabkan kesan langsung daripada inisiatif kerajaan tidak memberikan kesan yang jelas. Sebagai contoh, adakah inisiatif Menu Rahmah bersifat mampan atau mampu bertahan untuk satu tempoh yang panjang? Apakah insentif yang diberikan kepada peniaga yang melaksanakan inisiatif Menu Rahmah?

Bagaimanakah pula dengan golongan kelas pekerja yang berpendapatan isi rumah di bawah RM5000? Mereka juga terkesan dengan harga barang dan juga servis seperti perkhidmatan bas sekolah, yuran, penjagaan anak dan taska, sewa rumah yang meningkat di kawasan bandar dan pelbagai lagi.

Tuan Yang di-Pertua, peningkatan Kadar Dasar Semalaman atau dengan izin, *Overnight Policy Rate* (OPR) walaupun secara teorinya bagus untuk mengurangkan permintaan dan membendung inflasi, namun kita tidak boleh menafikan ia menyebabkan komitmen hutang rakyat juga meningkat terutamanya kepada mereka yang mempunyai hutang asas seperti rumah dan juga kenderaan.

Ada yang mengatakan rakyat harus mempunyai literasi kewangan dan belajar menyimpan wang atau menabung. Saya setuju dengan perkara itu. Akan tetapi, kita tidak boleh memukul rata bahawa rakyat tidak mahu menabung. Bagaimana mereka mahu menyimpan jika gaji mereka rendah, harga barang makanan meningkat, kos sara hidup meningkat dan sebagainya? Apa yang ada lagi baki untuk mereka menyimpan.

Tuan Yang di-Pertua, terkini saya banyak terbaca di akhbar mengenai subsidi bersasar. Saya faham tujuan subsidi bersasar adalah untuk mengurangkan beban kerajaan terhadap rangkuman subsidi secara pukal dan menyalurkan atau mengagihkan subsidi secara bersasar kepada golongan yang memerlukan. Namun begitu, saya memohon agar kerajaan meneliti terlebih dahulu dengan sepenuh perhatian mengenai perkara ini. Lihat perkara ini dari sudut pandangan rakyat kebanyakan dan golongan kelas bekerja. Jangan melihat daripada lensa sebagai seorang pembuat dasar yang mungkin tidak terkesan dari dasar ini kerana pendapatan yang agak senang.

Tuan Yang di-Pertua, ada beberapa persoalan yang perlu kerajaan teliti terlebih dahulu sebelum memperkenalkan subsidi bersasar. Apa kesan jika kerajaan menarik balik subsidi minyak petrol, diesel, subsidi gas, subsidi elektrik, subsidi minyak masak dan pelbagai

lagi daripada pasaran dalam negara? Adakah ini akan menyebabkan lonjakan harga yang tidak terkawal? Jika kerajaan meletakkan harga siling, adakah ini akan menyebabkan masalah yang lain seperti catuan bekalan? Adakah ini akan menyelesaikan masalah kos harga barang atau akan menambahkan lagi kos kepada perniagaan? Jika kerajaan benar-benar yakin subsidi bersasar adalah jalan ke hadapan untuk penyelesaian masalah yang sedang kita hadapi, bagaimanakah mekanisme ini akan dijalankan dan bilakah waktu yang sesuai untuk melaksanakan dasar ini?

Saya melihat perkara ini bukan sahaja akan memberi kesan kepada golongan B40 sahaja. Malah, turut dirasai oleh golongan kelas pekerja di kawasan bandar. Golongan ini amatlah terjejas kerana kos sara hidup di kawasan bandar adalah tinggi pada masa ini. Golongan kelas bekerja ini bukan sahaja meliputi B40, malah M40 yang tersepit kerana tidak layak mendapat bantuan. Jika perkara ini berpanjangan, saya khuatir golongan miskin bandar akan semakin ramai.

Tuan Yang di-Pertua, mengakhiri ucapan saya berharap Kerajaan Madani dapat mengambil pandangan saya untuk kebaikan dan kesejahteraan rakyat. Terima kasih. Saya mohon menyokong.

Dato' Kesavadas a/l A Achyuthan Nair: Terima kasih Yang Berhormat Senator Datuk Wira Koh Nai Kwong atas perbincangan tadi.

Dipersilakan Yang Berhormat Senator Prof. Datuk Seri Dr. Awang bin Sariyan.

1.39 ptg.

Prof. Datuk Seri Dr. Awang bin Sariyan: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh* dan salam sejahtera. Saya memulakan wacana ini dengan merafakkan kesyukuran kepada Allah SWT, Tuhan Yang Maha Esa atas kurniaan nikmat-Nya yang melimpah ruah kepada negara kita. Mudah-mudahan kita sentiasa ingat akan pernyataan Allah sebanyak 30 kali dalam Surah Ar-Rahman, surah “Yang Maha Pemurah”... *[Membaca sepotong ayat al-Quran]* Berebih-lebih pula hendaknya kita terus bersyukur agar ditambahkan nikmat... *[Membaca sepotong ayat al-Quran]*

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin memulakan bicara dengan menyentuh premis ataupun landasan pembentangan Belanjawan 2023. Saya ingin menegaskan istilahnya ialah “belanjawan”, bukan “bajet”, secara rasminya. Dalam mukadimah Perkara Empat, ditegaskan soal amanah, kejujuran, ketelusan dalam menabung dan berbelanja. Juga, soal kepantasan berdasarkan kefahaman dan dirumuskan dalam mukadimah Perkara Lima, bahawa Belanjawan 2023 merupakan cerminan prinsip pertanggungjawaban dan sistem nilai luhur yang mampu mendepani tantangan semasa. Jadi, dua kata kunci yang saya kira sangat penting iaitu pertanggungjawaban dan juga sistem nilai yang luhur.

■1340

Demikian juga saya merujuk kepada tiga tekad yang disebut oleh Yang Berhormat Menteri Kewangan iaitu pentingnya pemacuan ekonomi; keduanya, reformasi institusi dan tata kelola; dan ketiga, keadilan sosial. Saya lebih menegaskan soal yang kedua dan ketiga iaitu reformasi institusi dan tata kelola serta keadilan sosial. Ini merupakan juga suatu kata kunci yang mendasari atau melandasi falsafah dan matlamat pembentangan anggaran Belanjawan 2023.

Saya hendak merumuskan mukadimah ini dengan menyatakan bahawa jika program dilaksanakan dengan ikhlas berdasarkan tata kelola yang baik, *insya-Allah*, kita akan dapat memenuhi konsep negara yang baik, yang makmur, yang diampuni Allah SWT... [*Membaca sepotong ayat Al-Quran*]

Saya memberikan seruan agar kerajaan benar-benar bersifat ikhlas dan jujur dalam melaksanakan program-program yang mengisi Belanjawan 2023. Andai kata kerajaan benar-benar bersifat rahmah, walaupun pemimpinnya tidak bernama Siti Rahmah, *insya-Allah*, akan menjadi kerajaan yang disayangi Allah dan sekali gus disayangi oleh rakyat, *insya-Allah*.

Tuan Yang di-Pertua dan rakan-rakan anggota Dewan Negara yang saya muliakan. Saya masuk ke bahagian kedua iaitu ulasan dan penghayatan tentang kandungan belanjawan dengan mengambil perhatian dan perhitungan lebih kepada aspek yang saya kategorikan sebagai aspek pembangunan dalaman bangsa dan negara.

Sebahagian besar rakan sebelum ini telah banyak mengulas dan memberikan pandangan penambahbaikan dalam konteks pembangunan fizikal yang sangat penting, soal ekonomi, prasarana dan sebagainya, tetapi saya memilih aspek ini berdasarkan asas yang lebih saya kuasai dan juga berdasarkan asas pemilihan sebagai profesional dalam bidang kebudayaan. Saya anggap sebagai mewakili juga konsep diri yang batin, diri yang hakiki pada individu manusia, hal-hal fizikal, pembangunan fizikal yang dianggotai badan tetapi soal-soal dalaman ini juga saya kira sangat mendasar untuk diberi perhatian oleh kerajaan dan pelaksanaannya.

Pertamanya, saya merujuk soal perpaduan pada halaman 46. Komen awal saya bahawa yang disebut dalam perkara itu lebih merupakan program-program operasional. Saya kurang melihat adanya kupasan ataupun asas yang lebih hakiki yang penting, juga pernah disebut oleh Yang Berhormat Senator Datuk Dr. Azhar sendiri, iaitu keperluan kita mendasarkan pembangunan negara dengan merujuk kepada pancang-pancang. Andai kata perpaduan tidak didasarkan pada pancang-pancang negara seperti Perlembagaan, Rukun Negara dan sebagainya, tidak akan tercapai perpaduan yang hakiki. Kita mungkin seperti tahun 60-an dan 70-an, saya masih ingat, perpaduan makan durian.

Akan tetapi, itu tidak salah. Akan tetapi yang hakiki, bagaimana kita dapat membelai jiwa warganegara kita agar dapat menghayati, menghormati dan melaksanakan asas-asas kenegaraan, Perlembagaan, Rukun Negara dan sebagainya.

Sebagai contoh, kalau mengambil prinsip yang kelima, kesopanan dan kesusilaan. Apabila tidak dikawal perkataan, nistaan, cercaan, umpatan, fitnah dan sebagainya, maka ini satu unsur yang dapat memecahbelahkan perpaduan. Bukan sahaja antara kaum, bahkan dalam keluarga, dalam masyarakat, dalam parti. Ini saya kira sangat penting diambil perhatian oleh kerajaan dan pelaksana program-program perpaduan.

Saya sangat mengimpikan perpaduan yang beberapa hari lepas disebut oleh Dato Bala yang berdasarkan Ayat 13 dalam Surah Al-Hujurat. Kita mengimpikan bagaimana *sunnahtullah*, ketetapan Allah menjadikan kita ini daripada lelaki dan wanita berbangsa-bangsa, berpuak-puak bukan untuk bermusuhan, bukan untuk berseteru tetapi untuk *lita'arafu*, saling berkenalan, saling menghormati, saling menyayangi, saling mempelajari kekuatan bangsa lain untuk kemajuan tamadun bangsa kita itu.

Akan tetapi, bagaimanakah ia dapat dicernakan kalau asas-asas tunjang itu tidak ditekankan dalam soal penghayatan belanjawan negara dan pelaksanaan program-programnya?

Akan tetapi dalam pada itu, dalam pada kita hendak memelihara keadilan supaya tidak ada kaum, seperti yang saya tegaskan juga dalam ucapan sulung, tidak ada bangsa yang ditetapkan miskin dan tidak ada bangsa yang ditetapkan kaya. Kaya, miskin merupakan ciri yang tetap ada pada semua bangsa. Maka itu, keadilan sosial hendaklah diberikan kepada semua rakyat tanpa mengira kaum.

Namun, dalam pada itu, jangan pula kita nafikan adanya dasar-dasar afirmatif untuk tujuan keadilan sosial juga bagi kaum-kaum yang masih lemah dalam soal tertentu bermain di padang yang tidak sama rata. Maka, hendaklah ada program-program khusus untuk membantu kaum itu agar dapat setara sekurang-kurangnya dengan kaum-kaum tertentu yang sudah mencapai kejayaan dalam soal ekonomi dan sebagainya.

Ini saya kira juga bertepatan dengan huraian sejarawan besar kita, Ibnu Khaldun dalam *Kitab Al-Muqaddimah* yang menegaskan bahawa soal kita memperjuangkan hak-hak bangsa kita itu suatu yang alami sifatnya, suatu yang fitrah asalkan tidak sampai menafikan hak kaum-kaum lain.

Maka, ini saya kira juga perlu sama-sama kita hayati supaya dasar-dasar afirmatif yang dilaksanakan seperti Dasar Ekonomi Baharu dan sebagainya itu tidak dipertikaikan dan tidak dipersoalkan.

Saya melihat bahawa penjelasan kupasan dalam anggaran belanjawan itu dalam perpaduan ini seakan-akan tidak begitu merujuk kepada buku yang telah dikerjakan dan dihasilkan dengan cukup jerih payah oleh para pakar dalam bidang sosiologi, sejarah dan

sebagainya iaitu buku *Perpaduan Negara* tahun 2021 yang menggariskan tantangan-tantangan- tantangan itu cabaran, bukan tentangan. Tantangan perpaduan seperti yang disebut defisit sosial, *ethnicity*, agama, kelas sosial, pendidikan, bahasa, jurang generasi, jurang gender, politik, *federalisme*, ruang bandar desa, media. Ini tidak sama sekali disentuh sebagai asas untuk perpaduan.

Jadi, saya kira perlu dirujuk semula buku yang terhasilkan dengan cukup baik tetapi seakan-akan tidak dirujuk. Saya hendak merujuk juga kepada saran dan cadangan Tuan Yang di-Pertua pada hari pertama supaya kita rajin membaca dan rajin merujuk sebelum membuat sesuatu kerja. Dalam buku itu juga sudah dicadangkan tiga- teras utama dengan enam strategi yang tidak payah saya baca di sini. Saya harap pegawai-pegawai ataupun pihak yang nanti melancarkan program-program perpaduan dapat merujuk kepada buku yang saya maksudkan.

Terakhir dalam soal perpaduan, Tuan Yang di-Pertua. Saya melihat perpaduan dalam kalangan anak muda, generasi muda. Satu daripada- mengapa, misalnya, soal program PLKN? Saya tidak mahu melibat soal jenama tetapi program ala-ala PLKN yang dapat menyatupadukan generasi muda. Dahulu PLKN berjaya memadukan, menimbulkan persefahaman, soal membina patriotisme dalam kalangan golongan muda.

Saya berharap bahawa kali ini harus kerajaan menimbang semula perwujudan program-program ala PLKN. Nama tidak penting, boleh apa sahaja nama tetapi seperti PLKN, dan barang kali itu penting untuk perpaduan generasi muda dan untuk patriotisme.

Dalam soal perpaduan, saya hendak rumuskan dengan beberapa- patah ungkapan. Seikat bak sirih, Serumpun bak serai. Demikian harusnya masyarakat Malaysia. Muafakat membawa berkat. *Insyallah*.

Kedua, Tuan Yang di-Pertua, kerana disentuh juga- saya ikut urutan- syiar Islam. Saya tidak akan banyak menyentuh tetapi saya melihat juga dalam teks itu lebih banyak tentang soal pentadbiran termasuk pengiktirafan seperti elaun imam, guru KAFA dan sebagainya. Itu pun penting juga tetapi seperti kata sahabat saya Yang Berhormat Senator Dr. Mohd Hatta, tidak mencapai tahap gaji minimum RM1,500, setakat RM1,300. Itu juga boleh ditimbang.

■1350

Akan tetapi saya melihat soal pengisian syiar Islam yang sepatutnya dirangkumkan dalam perancangan yang berbentuk reformasi atau transformasi institusi wakaf dan zakat. Ada disebut oleh Yang Berhormat Dato' Haji Husain iaitu bagaimana institusi wakaf dan zakat ini harus digerakkan walaupun ini kita tahu di bawah bidang kuasa Raja-Raja Melayu, tetapi kerajaan saya kira perlu mengadakan inisiatif untuk mendekati Istana bagi membincangkan bagaimana dapat digerakkan institusi zakat dan wakaf sebagai satu sumber penting bagi pembangunan ekonomi umat Islam dan bahkan juga ekonomi masyarakat seluruhnya.

Satu cadangan kecil berdasarkan pengalaman saya lima hingga, enam tahun bekerja di negara China, tiap-tiap masjid besar atau kecil ada melaksanakan Sistem Khalifah. Sistem Khalifah lebih kurang Program Imam Muda, sayangnya Iman Muda negara kita lebih dengan program realiti televisyen. Tidak apa, itu boleh teruskan.

Akan tetapi kalau bermula dengan masjid negeri yang dibiayai oleh Majlis Agama Islam Negeri atau Jabatan Agama Islam Negeri, adakan sedikit dana bagi melantik anak-anak muda bukan sahaja hendak menjadi imam supaya bersepadu ilmu akhlaknya dan dengan demikian, kita dapat menghindarkan anak muda yang terjebak dalam soal lepak, merempit, dadah dan sebagainya kerana ada usaha pihak masjid. Ini pada saya reformasi yang patut difikirkan oleh kerajaan kalau hendak bercakap soal syiar Islam.

Saya terus Tuan Yang di-Pertua, seni budaya, karya kreatif dan bahasa. Jadi tentang bahasa, saya kira perlu diperteguh pelaksanaan permulaan bagi mengisi Dasar Bahasa Kebangsaan dan satu lagi ialah keperluan badan bahasa sastera dan penerbitan negara kerana ada aktanya. Akta Dewan Bahasa Pustaka 1959 itu diperkasakan daripada segi legitimasi atau kesahihan undang-undangnya melalui akta baharu yang sedang disusun mudah-mudahan hendaklah disokong kuat kerana akta baharu ini sesuai dengan perkembangan zaman. Akta Dewan Bahasa dan Pustaka 1959 sekadar menentukan struktur peralihan daripada badan kerajaan, jabatan kerajaan menjadi badan berkanun. Itu sahaja kuasa lembaga, pengelola dan sebagainya.

Akan tetapi, arah hala tuju pengisiannya tidak cukup jelas. Disebabkan itu, saya menyarankan supaya ditimbangkan akta baharu Dewan Bahasa dan Pustaka yang saya susun ini harus mendapat sokongan untuk menjadikan DBP benar-benar badan penarafan. Penarafan kalau kita ada bagi barangan apa- SIRIM sebagai contoh, maka soal bahasa, sastera, budaya penerbitan, inilah badannya. Kita sudah melakukan, tetapi memerlukan aspek legitimasinya.

Pengiktirafan, jadi soal hendak menjadikan Dewan Bahasa dan Pustaka sebagai ala-ala '*Messi*' ataupun *British Council* ataupun '*Alys of France*', untuk bahasa Perancis dan sebagainya, ini memerlukan pengesahan daripada segi undang-undang dan juga pelaksanaan penguatkuasaan yang perlu ada 'sedikit gigi' bagi Dewan Bahasa dan Pustaka. Juga perbadanan untuk mungkin Dewan Bahasa dan Pustaka diberi ruang untuk melaksanakan perniagaan kerana DBP sebagai badan berkanun, tidak mungkin menerima peruntukan penuh, sekadar 30 peratus dan perlu bergerak dan juga pengantarabangsaan.

Seterusnya Tuan Yang di-Pertua, perlu juga program-program di peringkat pelaksanaan pentadbiran negara khususnya bermula dengan KSN dan sebagainya supaya komitmen berdasarkan perkara 152(6) iaitu Bahasa Melayu sebagai bahasa rasmi yang wajib digunakan di peringkat Persekutuan, peringkat negeri, dan pihak berkuasa awam. Kalau ini tidak dilaksanakan, maka kita akan kehilangan satu tunjang besar.

Tentang Dasar Buku Negara, walaupun tahun 2010 telah ada, tetapi saya melihat lebih kepada soal gerakan membaca, minat membaca. Dasar Buku Negara mesti menampilkan pemenuhan taraf negara maju seperti yang ditakrif oleh UNESCO. Taraf negara maju hendaklah menghasilkan 0.01 peratus judul terbitan baharu setiap tahun berdasarkan nisbah jumlah penduduk. Kalau ada 30 juta orang penduduk, bererti setiap tahun negara Malaysia mesti menghasilkan 30,000 judul terbitan baharu. Ini merupakan satu reformasi.

Bagaimanapun, saya mengucapkan terima kasih kepada kerajaan pada pimpinan yang telah mengusulkan supaya ada peruntukan RM20 juta, walaupun jumlah itu masih kecil mengikut pengalaman saya sebagai orang penerbitan, perbukuan dan orang sastera. Akan tetapi tidak apalah, kita bermula dengan RM20 juta. Barangkali sebagai satu cabaran, kalau kita dapat memenuhi, barangkali peruntukan akan diberikan kerana ini memerlukan satu perancangan yang cukup besar.

Bagi saya ini suatu kewajipan kerajaan melibatkan diri dalam pemenuhan terbitan untuk membangun tamadun iaitu memajukan ilmu-ilmu tanzil dan ilmu-ilmu yang dicari. Ini ialah dua kategori dengan pelbagai istilah ilmu fardu ain, fardu kifayah, ilmu ukhrawi, ilmu duniawi yang perlu seimbang supaya tidak tertumpu pada contoh, ilmu ukhrawi sahaja, ilmu duniawi sahaja. Ini menjadikan masyarakat dan warga negara kita menjadi tidak seimbang daripada segi penguasaan ilmu.

Juga, keperluan penerbitan berpakej, berpakej yang merentas ratusan- bidang ilmu dan merentas khalayak ilmu dalam khalayak. Bagaimana karya-karya induk yang disebut oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, Ibnu Khaldun, Iqbal, Nuruddin al-Raniri, itu tidak mungkin dapat dibaca oleh anak-anak muda. Yang mantan muda pun saya kira tidak berminat membacanya, maka perlu dihasilkan bentuk yang dinamakan terbitan turunan. Dianimasikan, dikomikkan, dimultimediakan, diterbitkan dalam bentuk dikatakan edisi pemudah ataupun *simple file edition*. Ini memerlukan kos yang tinggi dan Dewan Bahasa dan Pustaka sedang mengira kurang-kurangnya RM36 juta untuk menjadikan karya-karya besar itu dalam bentuk yang kreatif, industri kreatif. Bagaimanapun, angka yang diberikan- saya kira RM102 juta itu berpada untuk peringkat awal ini bagi kita menghasilkan industri kreatif.

Satu lagi aspek yang penting dalam soal budaya ini soal warisan. Saya menyentuh juga dalam ucapan sulung saya bagaimana 40,000 lebih kurang manuskrip mula bertebaran seluruh dunia dalam bidang undang-undang, ketatanegaraan, perubatan, persenjataan, diplomasi, *histography* ataupun sejarah yang sebagainya. Akan tetapi, kebanggaan saya tidak dikerjakan, maka ini memerlukan satu pra-pelatihan sarjana-sarjana untuk berhasil mengkaji kekuatannya dengan ilmu-ilmu watan. Ilmu watan dalam masa ini ramai yang diakui oleh sarjana-sarjana Barat. Jadi, ini bukan soal ilmu watan ilmu yang klasik sahaja, tetapi ilmu itu dapat diangkat disesuaikan dengan keperluan zaman moden.

Berkaitan dengan itu juga, pada khidmat saya kerajaan perlu menumpukan perhatian berat pada soal memastikan bahawa kebudayaan ini seperti saya katakan, jangan disorokkan di bawah pelancongan. Mesti dijadikan satu- komponen penting dalam Jemaah Menteri. Pada zaman Tuan Yang di-Pertua dahulu menjadi Menterinya, kita ada waktu itu bunga kekwa semerbak mekar harum bunga kekjanya, Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Warisan sangat penting waktu itu. Pelbagai program arkeologi, geologi dan waris-warisan bangsa Melayu, Cina, India, Orang Asli dan kaum Bumiputera Sabah, Sarawak itu dapat diangkat kerana ada sebuah kementerian khas. Akan tetapi apabila sekarang pelancongan dan kebudayaan, maka peruntukan lebih kepada pelancongan.

Saya tidak ada masalah untuk menjadikan hal-hal warisan, kebudayaan sebagai antara komoditi bagi kewangan, itu praktikal. Kita sokong, tetapi jangan sampai hanya untuk wang kita kurangkan biaya untuk menghidupkan warisan kebudayaan. Saya menyentuh dalam ucapan yang lepas tentang soal pemuliharaan warisan geologi, warisan arkeologi. Pulau Pinang, Melaka diiktiraf oleh UNESCO sebagai Tapak Warisan Dunia, tetapi kalau tidak dilakukan kajian arkeologi, kita tidak tahu apa yang terpendam dalam bumi. Soal kajian arkeologi daratan dan maritim ataupun bawah air, itu memerlukan program penting oleh kerajaan kalau kita hendak memulihara warisan kita.

Satu yang hendak juga saya timbulkan Tuan Yang di-Pertua, iaitu keperluan untuk kerajaan merancang satu- mercu tanda kebudayaan Melayu di ibu kota. Kita ada *Little India*, kita ada juga Jalan Petaling. Akan tetapi untuk Melayu, Kampung Baru tidak mewakili, tetapi kalau diperlukan satu- mercu tanda kebudayaan Melayu di ibu kota.

■1400

Tentang pendidikan Tuan Yang di-Pertua, dengan RM55.2 bilion peruntukan dicadangkan. Sekali lagi saya melihat bahawa lebih banyak yang dipaparkan hanya dalam soal-soal prasarana. Saya merasakan itu penting- soal keluarga daif, komputer, *internet* itu penting. Akan tetapi jangan dilupakan soal yang lebih mendasar, yang saya kata mewakili jiwa aspek dalaman. Saya menyentuh beberapa kali dalam beberapa soalan di sini, pelaksanaan fasa pendidikan kebangsaan yang sudah mula sirna, sudah mula luntur, sudah mula cair.

Perkataan merentasi seperti kemahiran berfikir merentas kurikulum, sekarang kita ada KBAT. Akan tetapi selepas ini nantikan guru dan murid masih KBAR lagi. Bukan Kemahiran Berfikir Aras Tinggi, masih kemahiran berfikir aras rendah. KBAT tak tercapai, KBAR sahaja atau KBAB, kemahiran berfikir aras bawah. Ini perlu ada perancangan, tidak hanya boleh bercakap tentang KBAT dan sebagainya.

Maka berkaitan dengan itu budaya ilmu dalam kalangan pendidik- saya sebagai orang terlibat puluhan tahun dalam bidang pendidikan, saya perhatikan soal budaya ilmu dalam kalangan pendidik sendiri masih tak cukup utuh. Bagaimanakah mereka hendak melentur

anak-anak didik kalau mereka ini tidak cukup ilmu? Maka mesti ada program di bawah Kementerian Pendidikan, bagaimana membina budaya ilmu dalam kalangan pendidik.

Kemudian tentang pendidikan tinggi, saya ingin menyentuh soal pembinaan warga Sarjana dan pelajar yang seimbang kesejahteraan dengan kewatanan. UKM sudah menjadi universiti watan, memang ada kesulitan hendak memenuhi KPI, soal ranking yang ditimbulkan hari itu. Maka UKM berhempas-pulas hendak membuat pengimbangan antara rankingnya, penarafan antarabangsa dengan hendak menjaga watan, warisan, budaya, patriotisme dan sebagainya. Maka Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT) perlu melakukan sesuatu untuk membuat perancangan, membuat satu penilaian semula tentang apa hala tuju Kementerian Pendidikan Tinggi ataupun pendidikan kita.

Saya juga hendak menyentuh tentang soal pelan pemartabatan Bahasa Melayu sebagai bahasa ilmu dan IPT yang sudah dimulakan pada tahun 2011, ternyata masih gagal hingga kini. Saya tahu, saya juga terlibat. Ada satu program baharu iaitu membuat penilaian dan diadakan pelan baharu. Akan tetapi pelan baharu jangan jadi pelan-pelan. Pelan, pelan tak jadi, ia mesti laju. Kalau tidak pelan pemartabatan Bahasa Melayu tidak bisa menghasilkan karya-karya ilmu dalam bahasa negara kita.

Soal keadilan bidang STEM dengan bidang sains sosial dan kemanusiaan, ini satu isu. Realiti yang mesti dikaji semula oleh Kementerian Pendidikan Tinggi. Jangan sampai sarjana bidang sains sosial dan kemanusiaan seakan-akan terpinggir, jadi sarjana kelas kedua daripada segi peruntukan penyelidikan, peruntukan penerbitan dan soal kenaikan pangkat. Ini keluhan, keluh-kesah yang bukan saya dengar-dengar sahaja tetapi sebagai orang yang duduk di kampus universiti, ini satu realiti yang mesti dikaji.

Jadi Tuan Yang di-Pertua, saya sudah sampai di hujung. Kalau boleh diizinkan saya menyampaikan- mohon maaf Tuan Yang di-Pertua. Untuk tujuan kita membina masyarakat Madani, kita mesti berasaskan keutuhan dan kepercayaan yang kita merupakan sebuah keluarga yang besar. Maka sajak yang saya nukilkan ini bertajuk "*Kita Sekeluarga*".

*Dikau, daku dan mereka membentuk kita,
mkipun berbeda,
raga, bangsa, agama dan budaya.*

*Yang berbeda itu,
diri kita yang zahir,
daripada Sunnatullah,
dijadikan-Nya daripada lelaki dan perempuan,
membentuk aneka bangsa, aneka puak, aneka kabilah,
untuk lita'arafa.
saling mengenal,
saling menghargai,
saling menghormati,
saling mempelajari,*

*saling memanfaatkan,
kelebihan dan kekuatan,
umat-umat di mayapada,
falsafah dan fikrahnya,
ilmu dan keterampilannya,
teknologi dan pengurusannya.
Demikian Al-Hujurat Ayat 13,
mengisbatkan isyarat.*

*Daku, dikau dan mereka,
sebenarnya sekeluarga,
Kabilah Bani Adam,
bangsa sarwajagat,
untuk berkongsi nikmat dan rahmat,
untuk berbahagi kurnia dan anugerah,
Hati gajah sama dilapah,
Hati kuman sama dicecah.*

*Di nusa ini,
kita anggota satu keluarga besar,
bangsa Malaysia,
waris tamadun besar belahan timur dunia,
waris millah dan hadrah Islam,
waris Lun Yu buah fikir Kong Si,
Waris falsafah Siddhartha Gautama,
Waris Veda kitab Hinduisme,
Waris ajaran Al-Masih,
Berdialoglah kita membina saling pengertian,
Persatuan dalam kepelbagaian.... [Tepuk]*

Saya tutup dengan memohon, sama-sama kita berdoa mudah-mudahan... [*Membaca sepotong doa*] Ya Allah, lantiklah untuk urusan kami pemerintahan orang-orang yang terbaik dalam kalangan kami. Janganlah Engkau lantik, untuk urusan kami orang-orang yang terburuk dalam kalangan kami.

Demikian, saya menyokong Rang Undang-undang Perbekalan 2023. *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh* dan salam sejahtera.

Dato' Kesavadas a/l A Achyuthan Nair: Terima kasih Yang Berhormat Prof. Datuk Seri Dr. Awang bin Sariyan atas perbahasan tersebut.

Sekarang saya menjemput Yang Berhormat Tuan Haji Aziz bin Ariffin. Dipersilakan.

2.06 ptg.

Tuan Haji Aziz bin Ariffin: *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh*, salam sejahtera dan salam Malaysia Madani. Segala puji bagi Allah yang Maha Pengasih lagi Maha Penyayang serta dengan nikmat-Nya terwujudlah pelbagai kebaikan.

Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu saya melafazkan syukur ke hadrat Allah SWT kerana dengan izin dan inayah-Nya saya diberi kesempatan untuk membahaskan Bajet 2023

yang telah mengangkat tema Masyarakat Membangun Malaysia Madani. Syabas dan tahniah saya ucapkan kepada Yang Amat Berhormat Dato' Seri Anwar Ibrahim, Perdana Menteri yang juga Menteri Kewangan serta semua penjawat awam yang terlibat dalam penyediaan pembentangan belanjawan sulung, Belanjawan 2023 yang sangat komprehensif dan menyeluruh pada 24 Februari lalu.

Bajet 2023 memperuntukkan sebanyak RM386.14 bilion dilihat menyentuh semua spektrum rakyat yang ada dalam Malaysia termasuk B40, M40, anak muda dan golongan-golongan yang terpinggir. Ini semua terkandung dalam membangun Malaysia Madani. Terima kasih juga diucapkan kepada pihak kerajaan kerana memberikan tumpuan terhadap pembangunan ekonomi di Perlis.

Dalam ucapan Bajet 2023 Februari lalu, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri menyatakan komitmen menyokong projek pembangunan Pelabuhan Sanglang di Perlis bagi menjana pertumbuhan yang lebih segar di Perlis, untuk mengendalikan kargo petroleum dan kargo pukal yang memberi nilai tambah kepada ekonomi Perlis.

Selain daripada pembangunan Pelabuhan Sanglang, saya amat berharap agar pihak Kerajaan Persekutuan turut memberikan fokus terhadap beberapa lagi projek mega yang telah direncanakan sebelum ini, Projek pembangunan Terminal Pelabuhan Darat Perlis (PIP) dan juga projek pembangunan Lembah Chuping. Ini merupakan dua projek mega yang saling melengkapi bagi memberi impak ekonomi yang lebih baik dalam sektor perindustrian logistik di negeri Perlis. Pembangunan projek tersebut mampu membuka lebih banyak peluang pekerjaan daripada pelbagai bidang serta limpahan rantaian ekonomi terhadap masyarakat setempat di samping dapat mengurangkan kadar migrasi anak muda keluar dari Perlis.

Ekonomi di Perlis dilihat malap berbanding dengan negeri-negeri lain khususnya di Semenanjung. Saya amat berharap agar Kerajaan Persekutuan memberikan lebih banyak peluang dan ruang terhadap pembangunan ekonomi Perlis agar ia semakin meningkat dan kukuh. Melalui Bajet 2023, Kementerian Kewangan telah memperuntukkan lebih— minta maaf, tersedak.

Dato' Kesavadas a/l A Achyuthan Nair: *Slow-slow.*

Tuan Haji Aziz bin Ariffin: Lebih RM732 juta berbanding RM551 juta pada tahun 2022 terhadap Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi. Dengan merangkumi sebanyak RM212 juta bagi perbelanjaan mengurus, manakala RM520 juta bagi pembangunan

■1410

Dato' Kesavadas a/l A Achyuthan Nair: Yang Berhormat, hendak rehat kah?

Tuan Haji Aziz bin Ariffin: Tuan Yang di-Pertua, saya minta rehat dulu. Gigi sakit.

Dato' Kesavadas a/l A Achyuthan Nair: Sekarang saya menjemput Yang Berhormat Tuan Musoddak bin Ahmad.

2.10 ptg.

Tuan Musoddak bin Ahmad: *Bismillahi Rahmani Rahim. Alhamdulillah Rabbil 'alamin, wassalatu wassalamuala asrafil ambiya iwalmursalin, wa'ala alihi wasahbihi ajma'in...* [Membaca sepotong ayat Al-Quran] *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.* Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, atas peluang untuk saya turut serta menyampaikan pandangan dalam sesi perbahasan Belanjawan 2023 yang dibentangkan sebelum ini.

Ayat yang saya bacakan tadi yang bermaksud, *“Dan janganlah engkau jadikan tangan-tanganmu terbelenggu di lehermu dan janganlah pula engkau menghulurkannya dengan sehabis-habisnya kerana akibatnya akan tinggallah engkau dengan keadaan yang tercela serta penyesalan.”* Maksud “Terbelenggu” di sini ialah, kedekut dan “Menghulurkan dengan sehabis-habisnya” iaitu boros.

Ayat yang lain, Allah SWT berfirman... [Membaca ayat Al-Quran] *“Maka, hendaklah mereka menyembah Tuhan yang menguasai rumah (Kaabah) ini, Tuhan yang memberi mereka penghidupan, menyelamatkan mereka daripada kelaparan, dan mengamankan mereka daripada ketakutan.”*

Tuan Yang di-Pertua, saya berpandangan kita mempunyai satu matlamat yang seiring apabila kita bercakap soal belanjawan negara. Pertama, berbelanja berdasarkan sejauh mana keperluan rakyat dan negara; kedua, sasaran menamatkan kemiskinan menjadi agenda utama di setiap peringkat; ketiga, menanggapi penyelesaian terhadap isu kos sara hidup secara menyeluruh dan bersepadu.

Jika kita perhatikan model zakat yang merupakan antara model teras dalam sistem kewangan Islam, tumpuan yang diberikan keutamaan adalah berasaskan prinsip pengagihan kekayaan dalam masyarakat. Inilah jua teras dalam setiap pembentangan belanjawan iaitu bagi memastikan kekayaan dalam masyarakat berpusing dan tidak berlegar dalam satu-golongan tertentu sahaja.

Alhamdulillah, di Kedah, kita bangunkan prinsip Kedah, tempat orang miskin berteduh, tempat orang kaya berbakti. Tuan Yang di-Pertua, sekolah agama, tahfiz dan pondok merupakan tunjang kepada pembangunan modal insan dalam negara. Kerajaan telah melancarkan Dasar Pendidikan Tahfiz Negara 2.0 sebagai kesinambungan terhadap Dasar Pendidikan Tahfiz Negara 1.0.

Saya ingin menyentuh beberapa persoalan di bawah dasar ini kepada Kementerian Pendidikan, khususnya. Pertama, sejauh mana penyediaan pelan Dasar Pendidikan Tahfiz Negara 2.0 dirangka dengan kerjasama pihak berkuasa agama negeri dan persatuan tahfiz, khususnya di negeri-negeri?; kedua, adakah sedikit bantuan bersifat *one-off* akan disalurkan kepada sekolah agama rakyat, yang dimasukkan sebagai syor di bawah Dasar Pendidikan Tahfiz Negara tersebut?; ketiga, berapa golongan tahfiz profesional yang sudah berjaya

dilahirkan di bawah dasar ini dan apa langkah kerajaan bagi memastikan sasaran 250,000 *huffaz* profesional dapat direalisasikan?

Tuan Yang di-Pertua, negara berhadapan dengan pelbagai bencana alam yang semakin kerap berlaku sejak kebelakangan ini. Saya memahami isu perubahan iklim yang dibentangkan di hadapan kita pada hari ini. Namun, satu perkara yang kita sering lalai iaitu kemungkinan bencana-bencana ini juga teguran daripada Maha Pencipta kepada kita. Oleh sebab itu, saya mengharapkan kita selalulah beringat. Jangan undang kemurkaan-Nya dalam negara.

Tuan Yang di-Pertua, saya kira sejak kebelakangan ini juga, berbagai NGO yang tampil untuk sama-sama menyumbang dalam misi-misi kemanusiaan dan sumbangan bantuan yang berterusan. Sebagai contoh, Khidmat Malaysia. Kebetulan, saya juga Pengerusi Khidmat Malaysia di negeri Kedah dan Jabatan Amal atau pun dipanggil sebagai 'Semut Merah Malaysia', antara NGO yang sinonim dengan pelbagai misi pasca bencana.

Mereka merupakan golongan sukarelawan yang hadir tanpa mengharapkan upah dan sebagainya. Oleh yang demikian, Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mencadangkan kepada kementerian untuk memberikan pengiktirafan kepada NGO ini atas sumbang bakti yang disalurkan. Ada sebahagian NGO yang selayaknya mendapat penghargaan atas khidmat bakti mereka di lapangan yang membantu agensi menjalankan tugas kemanusiaan.

Saya juga mencadangkan kepada kementerian supaya membangunkan satu kerjasama strategik, khususnya dalam aspek pemberian latihan SAR dan sebagainya kepada NGO ini seperti Khidmat Malaysia dan Jabatan Amal Malaysia supaya mereka dapat lebih berperanan dalam misi-misi kemanusiaan dan penyelamatan.

Tuan Haji Hussin bin Ismail: Izin mencelah, Yang Berhormat. Setuju tidak kalau saya cadangkan masuk dalam ucapan, supaya kerajaan memberi pengiktirafan secara lebih besar sebab NGO adalah badan yang menghubungkan di antara masyarakat dengan masyarakat? Kutipan dananya dukungan masyarakat. Andainya kerajaan, khususnya Kementerian Kewangan, boleh mengizinkan supaya diberikan pelepasan cukai pendapatan kepada penyumbang-penyumbang kolaborasi bersama dengan NGO dalam kerja khidmat kemasyarakatan dalam negara mahupun di luar negara. Terima kasih.

Tuan Musoddak bin Ahmad: Saya bersetuju sangat-sangat dengan ucapan tersebut dan mohon masukkan dalam teks ucapan saya.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyentuh sedikit berkenaan dengan isu industri getah negara yang semakin malap ketika ini. Dalam jawapan kementerian di Dewan Rakyat baru-baru ini, kementerian telah menjelaskan faktor-faktor yang mendorong penurunan produktiviti getah.

Antaranya, disebabkan harga getah yang rendah, penyakit luruhan daun yang melanda, kekurangan penoreh getah serta perubahan iklim yang menyebabkan pengurangan

hal ini untuk menoreh. Tuan Yang di-Pertua, saya berpandangan kesemua agensi yang berkait dengan komoditi getah ini perlu duduk semeja dan merangka satu hala tuju baharu terhadap industri getah dalam negara.

Kalau kita lihat dari sudut agensi dan kementerian sendiri, Lembaga Getah Malaysia (LGM) berada di bawah Kementerian Perlindungan dan Komoditi. Manakala, RISDA berada di bawah Kementerian Kemajuan Desa dan Wilayah.

■1420

Mengapa kita tidak menstrukturkan agensi ini di bawah satu kementerian, satu hala tuju, satu dasar- walaupun secara prinsipnya kita boleh bekerja merentas kementerian?

Saya merasakan sudah sampainya kerajaan memberikan nafas baharu terhadap industri getah dalam negara kita. Kita persoalkan tentang penyakit luruhan daun yang memberikan kesan langsung terhadap produktiviti getah. Namun, hanya 44 buah kawasan merangkumi 8,041 hektar tanah yang dikawal oleh LGM daripada jangkitan penyakit. Bagaimanakah dengan kawasan-kawasan getah yang lain yang ada di seluruh negara ini?

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menarik perhatian juga di dalam Dewan ini mengenai isu Hutan Simpan Ulu Muda. Untuk pengetahuan semua, Kerajaan Negeri Kedah telah mengambil satu keputusan untuk mengekalkan kawasan tadahan di Hutan Simpan Ulu Muda yang berkeluasan 163 ribu hektar. Pengekalan kawasan tadahan hutan ini bukan sahaja untuk mengairi kawasan penanaman padi di negeri Kedah yang menjadi tunjang kepada tahap sara diri industri padi dan beras negara. Bahkan juga, membekalkan air kepada kedua-dua negeri yang berjiran dengan Kedah iaitu Pulau Pinang dan Perlis.

Pulau Pinang, sebagai contoh, telah mengekstrak kira-kira 1,100 juta liter air dari Sungai Muda. Sedangkan dalam masa yang sama, rakyat Kedah sendiri hanya menggunakan 800 juta liter air dalam sehari.

Saya ingin tegaskan bahawa jika kita benar-benar menelusuri isu yang dibangkitkan oleh Kerajaan Negeri Kedah ketika ini, ia ialah isu memelihara hak dan kepentingan negeri Kedah itu sendiri. Tidak sedikit pun berbangkit soal kita hendak mencerooboh kepentingan negeri-negeri lain. Oleh sebab itu, saya mengharapkan agar perkara ini mendapat perhatian kementerian yang bertanggungjawab.

Pemuliharaan Hutan Simpan Ulu Muda tidak hanya melibatkan pengekalan biodiversiti yang terkandung dalam Pemindahan Ekologi Fiskal (EFT). Bahkan juga, perlu dinilai dari sudut kerugian akibat kehilangan hasil hutan, kos penyelenggaraan sumber dan aliran sungai serta kelestarian alam semula jadi.

Tambahan lagi, sumber pemuliharaan ini menjadi tempat bergantung kepada pihak lain yang menggunakan kepentingan daripada sumber Hutan Simpan Ulu Muda. Kesemua ini perlu dinilai secara objektif dan diteliti disebabkan kos melepas Kerajaan Negeri Kedah lebih besar daripada apa yang dinilai.

Jadi, saya mohon pertimbangan kementerian supaya nilai pampasan pengekal hutan termasuklah dalam konteks EFT ini ditingkatkan kepada RM100 juta setahun sebagai nilai yang setimpal dengan apa yang dihadapi oleh Kerajaan Negeri Kedah. Pemuliharaan Hutan Simpan Ulu Muda tidak menjadi satu faktor utama, bahkan juga diambil kepentingannya untuk kegunaan pihak lain. Ini yang harus diambil pertimbangan oleh kerajaan.

Tuan Yang di-Pertua, isu bekalan air di negeri Kedah memerlukan tumpuan khusus daripada kerajaan. Ada beberapa perkara berbangkit mengenai isu bekalan air Kedah, antaranya berkait dengan pembinaan aset bekalan air yang tidak seiring dengan pertumbuhan tahap pembangunan yang berlaku ketika ini. Penyelenggaraan dan rizab margin yang rendah serta peratusan air terawat tidak terhasil yang tinggi mencecah 46.7 peratus.

Saya mengharapkan agar kementerian bertanggungjawab dapat meneruskan komitmen kewangan dalam projek-projek penaiktarafan loji rawatan air yang sedang berlangsung ketika ini iaitu di LRA Pendang, Pelubang, Bukit Selambau, Sungai Limau dan Lubok Buntar Lama. Saya ingin mengetahui apakah status perkembangan terkini bagi setiap projek penaiktarafan di lima LRA yang disebutkan ini serta jangkaan bila projek ini akan siap.

Perkara kedua adalah berkenaan Pelan Pengurangan Air Tidak Terhasil (NRW), seperti mana kawan saya dari Perlis juga sebut. Maka, Kedah pun berlaku juga NRW ini. Pelan Pembangunan Kedah 2035 telah meletakkan sasaran pengurangan kadar NRW satu peratus setahun. Jadi, proses yang melibatkan penggantian paip di seluruh negeri Kedah menelan keseluruhan kos kira-kira RM1 bilion.

Oleh itu, saya ingin mengetahui peruntukan pengurangan NRW yang diluluskan di bawah RMKe-11 iaitu RM104.7 juta. Bilakah projek ini akan disiapkan serta pelan keseluruhan pihak kementerian untuk memastikan hasrat pengurangan satu peratus NRW di Kedah dapat turut direalisasikan?

Tuan Yang di-Pertua, saya telah bangkitkan dalam perbahasan saya sebelum ini bahawa prinsip federalisme harus ditegakkan berdasarkan kerajaan kepada kerajaan. Apa yang mendukacitakan ialah Kerajaan Persekutuan mengambil langkah membelakangi kerajaan negeri dalam menguruskan dasar dan program-program utama yang dijalankan di peringkat negeri.

Acara Pameran Antarabangsa Maritim dan Aeroangkasa Langkawi 2023 atau singkatannya LIMA 2030, merupakan pameran maritim dan aeroangkasa yang terkemuka di rantau Asia Pasifik. Ia bukan acara kecil-kecilan tetapi menjadi tumpuan industri maritim dan aeroangkasa di seluruh negara.

Apa yang berlaku sehari, dua ini Tuan Yang di-Pertua, di mana Yang Amat Berhormat Menteri Besar tidak boleh dijemput untuk menghadiri LIMA di Langkawi. Bayangkan Ahli-ahli Yang Berhormat Senator sekalian, bahawa Langkawi itu adalah dalam negeri Kedah. Menteri

besarnya ada di situ. Jadi, Menteri Besar sebagai tuan rumah tetapi tidak mahu jemput untuk pergi pameran di Langkawi.

Jadi, persoalannya yang kita sebut sebagai perpaduan, yang kita sebut sebagai madani. Di manakah letaknya perkataan ini? Saya berpandangan Kerajaan Negeri Kedah tidak harus dipinggirkan dalam bersama-sama bekerjasama dalam memastikan kelancaran program LIMA ini. Apatah lagi ada pihak tertentu mengambil langkah memboikot kehadiran Menteri Besar Kedah dalam acara-acara rasmi dalam program pameran tersebut.

Persoalannya mengapa kita masih berpegang kepada mentaliti mundur sedemikian sedangkan ada garis pemisah antara soal kepartian dan soal kerajaan kepada kerajaan? Saya mohon kerajaan tampil bertanggungjawab menjelaskan kemelut yang dibangkitkan ini serta mengambil langkah memperbetulkan tindakan yang tempang tersebut.

Tuan Yang di-Pertua, akhirnya saya ingin menyentuh berkenaan dengan isu muara sungai yang cetek sehingga menjejaskan tangkapan ikan dan pendapatan para nelayan secara keseluruhannya. Isu ini telah lama dibangkitkan dan memerlukan ketekunan daripada semua pihak untuk mencari jalan keluar terhadap permasalahan ini.

Terdapat beberapa buah kawasan pangkalan nelayan yang terjejas disebabkan oleh muara sungai yang cetek dengan lumpur dan di beting pasir yang terbentuk. Di negeri Kedah sendiri, selain Kuala Kedah yang menjadi tempat tumpuan isu muara sungai cetek, pangkalan nelayan di Kuala Sanglang, Kuala Kerpan, Kuala Tunjang serta di Langkawi turut mengalami masalah yang sama.

Masalah muara sungai cetek ini kebiasaannya berlaku beberapa hari dalam tempoh sebulan antara 3 petang hingga 5 petang atau 7 malam hingga 8 malam menyebabkan para nelayan sukar untuk keluar mencari pendapatan. Ada antara mereka yang terpaksa keluar lebih awal kira-kira lima ke hingga enam jam untuk keluar ke laut, khususnya untuk menangkap sotong yang dilakukan pada waktu malam. Ia mendedahkan risiko secara langsung kepada para nelayan.

Oleh itu, saya mengharapkan pihak kerajaan dapat meneliti isu ini dengan mendalam. Saya difahamkan pembinaan benteng pemecah ombak yang dilakukan di sebahagian kawasan di Kuala Terengganu dan Kemaman berjaya menyelesaikan isu muara sungai yang cetek ini.

■1430

Jadi, adakah model penyelesaian yang sama sedang diteliti di kawasan lain khususnya di negeri Kedah dan juga di negeri sebelah sahabat saya, Perlis yang turut terdedah kepada permasalahan yang sama?

Jadi, sekian sahaja ucapan saya. Saya menyokong RUU Perbekalan 2023. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Dato' Kesavadas a/l A Achyuthan Nair: Terima kasih Yang Berhormat Tuan Musoddak bin Ahmad atas perbahasan tadi.

Sekarang saya menjemput Yang Berhormat Prof. Tan Sri Datuk Dr. Haji Mohamed Haniffa bin Haji Abdullah. Dipersilakan.

2.30 ptg.

Prof. Tan Sri Datuk Dr. Haji Mohamed Haniffa bin Haji Abdullah: *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh* dan salam sejahtera. Salam Malaysia Madani dan salam Ramadan kepada semua.

Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu, terima kasih saya ucapkan kepada Tuan Yang di-Pertua kerana membenarkan saya berbahas bersama-sama dalam Rang Undang-undang Perbekalan 2023 atau Bajet 2023.

Oleh sebab ini merupakan kali pertama saya berbahas atau berucap di Dewan yang mulia ini dan saya tidak sempat turut serta dalam perbahasan Titah Diraja yang lepas, saya ingin mengambil kesempatan ini untuk menjunjung kasih kepada Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong kerana memperkenankan pelantikan saya sebagai seorang Senator di Dewan Negara.

Saya secara peribadi tidak menjangka di fikiran saya bahawa pada tanggal 26 September 2022, saya akan berada di dalam Dewan yang mulia ini dan mengangkat sumpah sebagai seorang Ahli Senator. Saya berbangga kerana dapat bersama dengan Tuan Yang di-Pertua Dewan Negara, Ahli-ahli Yang Berhormat Senator lain pada tahun ini di mana kita dapat bersama-sama mendengar dengan sendiri Titah Diraja dan pembentangan Bajet 2023.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin mengambil kesempatan ini untuk menyampaikan juga penghargaan saya kepada Yang Berhormat Dato' Sri Ismail Sabri bin Yaakob, Ahli Parlimen Bera yang juga mantan Perdana Menteri yang terdahulu, dan juga kepada Presiden MIC, Yang Berbahagia Tan Sri SA Vigneswaran yang juga mantan Yang di-Pertua Dewan Negara kerana mencalonkan nama saya sebagai seorang Ahli Dewan Negara.

Selain daripada itu, saya juga ingin mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan setinggi-tinggi tahniah kepada 16 orang Senator, yang baru saja dilantik baru-baru ini. Saya juga seperti Yang Berhormat lain, saya pun baru dilantik. Maka, bersama-samalah kita berbahas dan memberi cadangan kepada kerajaan untuk membina Malaysia madani yang berjaya.

Tuan Yang di-Pertua, secara peribadi, saya sebenarnya mempunyai latar belakang doktor perubatan dan pernah bertugas di hospital awam di Klang pada tahun 1977. Kemudian beberapa tahun kemudian, saya mula menceburkan diri dalam bidang korporat. Walau apa pun, dalam hati kecil sanubari saya masih lagi seorang doktor.

Sebagai seorang doktor, yang paling penting bagi kami ialah bukan sahaja kami akan cuba sedaya upaya untuk menyembuhkan penyakit yang dihadapi pesakit tetapi juga mendengar rintihan, kesusahan dan kesakitan yang dialami oleh pesakit. Dengan izin, *a good doctor is a good listener*. Maka dengan itu, setelah saya dilantik sebagai seorang Ahli Dewan Negara, saya akan membawa bukan sahaja isu-isu kesihatan malah juga isu-isu yang menyentuh rakyat.

Tuan Yang di-Pertua, oleh sebab ini merupakan kali pertama saya berbahas di Dewan yang mulia ini, saya hanya menyentuh beberapa perkara sahaja. Isu-isu yang ingin saya sentuh itu ialah isu-isu mengenai pendidikan dan juga kesihatan.

Pada permulaannya, saya ingin terus menyentuh perkara-perkara di bawah Kementerian Kesihatan Malaysia. Saya difahamkan melalui bajet ini, kementerian ini bakal menerima sebanyak RM31.5 bilion daripada kerajaan. Satu angka yang agak besar.

Tuan Yang di-Pertua, kita tahu bahawa negara kita sedang dalam langkah pemulihan dari COVID-19 dan pemulihan ekonomi. Walau bagaimanapun, saya lihat tekanan yang dihadapi oleh petugas kesihatan kita amat tinggi. Ini kerana petugas-petugas kita terpaksa meninggalkan keluarga dan anak di rumah kerana menjalankan tugas di hospital dan juga bertugas di lapangan atau *on the field*, dengan izin.

Walaupun bagaimanapun, itu semua berlaku semasa negara dilanda dengan COVID-19. Akan tetapi sekarang, walaupun pandemik itu dilihat semakin reda ataupun kurang, saya lihat mereka masih tetap memikul beban tugas yang masih berterusan. Antara faktor punca yang membuatkan mereka jadi begini antara lainnya ialah jadual tugas harian hospital yang padat dan ketat, ada kalanya bekerja untuk tempoh waktu yang panjang tanpa waktu rehat yang mencukupi. Ada juga dilaporkan Doktor Pelatih yang bekerja berterusan tanpa hari cuti sewajarnya.

Sememangnya mereka mengalami tekanan mental dan jiwa. Mereka mengalami letih yang ekstrem sehingga ada di antara mereka mengalami *burnout* yang keterlaluan. Terkini, sudah mula timbul kes bunuh diri di kalangan doktor dan ada yang mahu berhenti daripada kerjaya Doktor Perubatan.

Saya sedih melihat keadaan mereka menjadi begini. Bukan sahaja kepada pegawai perubatan tetapi seluruh warga kesihatan yang bekerja di hospital awam. Sekiranya kita biarkan perkara ini berlarutan, maka akan timbul masalah-masalah lain seperti masalah gejala yang tidak sihat seperti penderaan, kes penceraian dan jenayah lain. Perkara ini membimbangkan saya. Doktor-doktor Pelatih ini sedang mengalami *overwork* di mana akan membunuh semangat, stamina, *determination*, fokus, motivasi dan minat mereka sebagai doktor. Kita harus ingat bahawa doktor-doktor muda ini merupakan pelapis kepada doktor sekarang.

Atas perkara itu, saya ingin bertanya kepada Kementerian Kesihatan Malaysia mengenai langkah-langkah terkini kementerian dalam menyelesaikan masalah yang dihadapi oleh doktor-doktor dan juga pegawai perubatan yang lain. Saya minta kementerian senaraikan langkah-langkah jangka pendek dan jangka panjang bagi membaiki situasi ini dengan segera sebelum ia menjadi lebih teruk.

Tuan Yang di-Pertua, saya seorang doktor dan...

Dr. Hajah Wan Martina binti Wan Yusoff: Boleh saya mencelah?

Dato' Kesavadas a/l A Achyuthan Nair: Ya, jika dibenarkan oleh pembahas.

Dr. Hajah Wan Martina binti Wan Yusoff: Boleh?

Prof. Tan Sri Datuk Dr. Haji Mohamed Haniffa bin Haji Abdullah: Boleh.

Dr. Hajah Wan Martina binti Wan Yusoff: Sikit sahaja. Sebelum Yang Berhormat pergi ke Butiran yang selanjutnya, saya cuma hendak mengucapkan Selamat Hari Doktor kepada semua doktor di seluruh Malaysia dan juga di seluruh dunia. Terima kasih.

Prof. Tan Sri Datuk Dr. Haji Mohamed Haniffa bin Haji Abdullah: Ya. Terima kasih. Saya seorang doktor dan masalah-masalah yang berlaku pada doktor-doktor ini terutamanya kepada doktor pelatih atau doktor muda ini menyentuh hati dan perasaan saya.

■1440

Oleh sebab Dewan Parlimen kita boleh ditonton secara *live* di semua media sosial, maka izinkan saya untuk memberi nasihat secara peribadi kepada Doktor Perubatan terutamanya Doktor Pelatih atau doktor muda ini. Izinkan saya untuk memberi nasihat dalam bahasa Inggeris. *To all our young doctors, please be mindful, be resilient and be brave to face every obstacle as a doctor. I know it is hard but remember our oath and responsibilities. As a doctor, for we are among others, a good listener, a healer and a good friend.*

Tuan Yang di-Pertua, seterusnya saya ingin bertanya kepada Kementerian Kesihatan mengenai jawatan-jawatan baharu yang telah diwujudkan di hospital awam. Ini kerana di hospital terdapat pegawai kementerian dan juga pegawai perubatan, malangnya ada juga hospital yang tidak cukup kakitangan pegawai kementerian dan ada juga hospital kekurangan pegawai perubatan. Perkara ini perlu dilihat dengan mendalam oleh kerajaan.

Selain daripada isu-isu ini, saya juga ingin menyentuh mengenai isu tempoh masa menunggu- *waiting period* bagi seorang Doktor Pelatih untuk diserap ke dalam jawatan tetap di hospital awam. Saya ingin bertanya kepada kementerian, apakah mekanisme terkini kementerian dalam menetapkan masa bagi seorang doktor pelatih ini? Adakah satu kajian dilakukan oleh pihak kementerian untuk *restructuring the whole hospital organisation* atau sebaliknya?

Seperti semua Ahli Yang Berhormat sedia maklum, sebahagian daripada perkara ini telah pun dijawab oleh kementerian semasa sesi penggulungan Titah Diraja baru-baru ini. Walau bagaimanapun, saya ingin tahu dari sejumlah peruntukan yang kementerian bakal

terima dari Bajet 2023, adakah ia juga meliputi perkara yang melibatkan perjawatan doktor dan kakitangan kontrak di hospital? Adakah ini juga melibatkan *restructuring the whole organisation at the hospital*, dengan izin? Saya pohon kementerian untuk memberi perhatian dan menjawab kepada perkara-perkara yang saya tadi sebut.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin meneruskan perbahasan dan dengan menyentuh kepada perkara-perkara yang berkaitan dengan Kementerian Pendidikan Tinggi iaitu mengenai kemasukan pelajar asing untuk belajar *medical* di negara kita.

Saya ingin bertanya kepada pihak kementerian, sejauh mana kementerian memantau dan menggalakkan kemasukan pelajar-pelajar asing untuk belajar di negara kita? Saya juga ingin tahu jumlah pelajar asing yang belajar di negara kita selepas SOP COVID-19 telah dimasukkan dan pintu sempadan negara dibuka untuk kemasukan rakyat asing? Saya juga ingin tahu, berapakah jumlah terkini pelajar asing ini dan apakah mekanisme untuk menggalakkan kemasukan pelajar-pelajar asing ke negara kita?

Tuan Yang di-Pertua, seterusnya saya ingin meneruskan perbahasan bajet saya dengan beralih kepada isu-isu di bawah Kementerian Pengajian Tinggi. Saya difahamkan bakal menerima sebanyak RM11.7 bilion dari Bajet 2023. Isu-isu yang saya ingin sentuh mengenai pelajar-pelajar Malaysia yang belajar di luar negara terutamanya pelajar-pelajar tajaan JPA dan MARA di luar negara seperti di Amerika Syarikat, UK dan beberapa buah negara Eropah dan lain-lain serta di negara Jepun dan Korea.

Jika kita melihat keadaan isu ekonomi global sekarang ini masih tidak menentu, ditambah pula dengan peperangan Ukraine dan Rusia yang masih berterusan. Kita dapat melihat berlaku turun naik kadar pertukaran wang antara Dolar US dan Ringgit Malaysia yang sangat ketara. Perkara ini sebenarnya membawa kesan dan tekanan kepada pelajar-pelajar Malaysia di luar negara. Ini kerana pelajar-pelajar memerlukan wang bagi perbelanjaan harian dan juga menyewa tempat penginapan. Kadar nilai wang yang tidak menentu ini juga membawa kesan kepada kadar *allowance* harian yang mereka terima setiap bulan.

Sebelum itu, ingin saya rakamkan di sini ucapan terima kasih kepada MARA kerana tahun lepas MARA telah menaikkan sedikit *allowance* kepada pelajar tajaan mereka di UK. Ini termasuk perbelanjaan harian termasuk pendidikan. Akan tetapi malangnya, ingin saya bawa di Dewan yang mulia ini, masalah yang dihadapi oleh pelajar-pelajar tajaan JPA di mana mereka masih menanti pengumuman kenaikan *allowance* mereka. Kebiasaannya mereka akan menerima antara USD1,200 sehingga USD1,800 sebulan. Akan tetapi keadaan ini tidak mencukupi kerana sewa rumah sangat tinggi, sewa gas dan utiliti lain sangat tinggi, pengangkutan pun sangat tinggi sehingga mereka ini cukup-cukup makan sahaja. Itu pun sudah habis berjimat cermat. Saya ingin mencadangkan kepada kementerian supaya pihak JPA melihat semula jumlah *allowance* pelajar tajaan mereka terutama pelajar yang belajar di Amerika Syarikat dan UK. Saya mohon agar kerajaan dapat menaikkan lagi sehingga kadar

allowance dari USD300 ke USD600 setiap bulan. Saya pohon kementerian untuk menjawab semua soalan saya.

Tuan Yang di-Pertua, sebagai sebuah kerajaan yang sudah lama memerintah, saya melihat belanjawan yang dibentangkan, saya boleh takrifkan sebagai belanjawan yang berpijak di bumi nyata. Walaupun Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita dilemparkan dengan pelbagai fitnah dan tohmahan yang tidak berasas, namun saya percaya melalui bajet yang dibentangkan di hadapan kita, bajet ini mengambil kira semua pihak yang meliputi semua aspek lapisan masyarakat. Saya doakan agar dengan bajet ini, Malaysia mengalami pembangunan yang meningkat, kurang berlakunya ketirisan, produktiviti meningkat, kebajikan penjawat awam dijaga dan akhirnya negara makmur.

Dengan kata-kata itu, sekian sahaja perbahasan saya mengenai Belanjawan 2023. Semua bajet ini akan membantu membangunkan negara kita dan membantu rakyat kita yang memerlukan. Tuan Yang di-Pertua, dengan ini saya menyokong sepenuhnya pembentangan Rang Undang-undang Perbekalan 2023 atau Bajet 2023. Sekian, terima kasih.

Dato' Kesavadas a/l A Achyuthan Nair: Terima kasih Yang Berhormat Prof. Tan Sri Datuk Dr. Haji Mohamed Haniffa bin Haji Abdullah.

Dipersilakan Yang Berhormat Dato' Haji Jefridin bin Haji Atan.

2.49 ptg.

Dato' Haji Jefridin bin Haji Atan: *Bismillahi Rahmani Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.* Terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua atas kesempatan yang diberikan kepada saya untuk mengambil bahagian dalam perbahasan Belanjawan 2023 ini.

Pertamanya saya mengucapkan tahniah kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kerana membentangkan belanjawan yang saya kira mampu memberi manfaat kepada banyak pihak selain beberapa pembaharuan yang dijangka memberi impak positif kepada perkembangan sosioekonomi negara.

■1450

Tuan Yang di-Pertua, sebelum terbubarnya Parlimen pada 10 Oktober 2022, kerajaan di bawah pimpinan mantan Perdana Menteri yang kesembilan sempat membentangkan Bajet 2023 dengan nilai RM372.3 bilion. Jumlah ini dicatatkan sebagai satu belanjawan yang besar kerana menyaksikan pertambahan RM40.3 bilion jika dibandingkan dengan Bajet 2022 yang memperuntukkan RM332 bilion.

Pada pertengahan Bajet 2023, yang terbaru oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kesepuluh pada Jumaat lepas, sekali lagi kita melihat pertambahan peruntukan yang jauh lebih besar iaitu kepada RM386.14 bilion berbanding Bajet 2023 yang dibentangkan pada bulan Oktober 2022. Ini menyaksikan pertambahan kira-kira sebanyak RM13.84 bilion sekali

gus mencatatkan perbelanjaan bajet terbesar pernah dibentangkan oleh Kerajaan Malaysia. Daripada pecahan itu, seperti tahun yang sebelumnya, pecahan terbesar dalam Belanjawan 2023 masih memperuntukkan sebahagian besar kepada perbelanjaan mengurus iaitu sebanyak RM289.1 bilion manakala baki RM99 bilion bagi perbelanjaan pembangunan.

Tuan Yang di-Pertua, saya tertarik dengan beberapa perkara yang diberikan penekanan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri semasa pembentangan bajet lepas. Antaranya melibatkan ujian lesen memandu percuma, agihan pendapatan ASB, pelepasan status muflis, komoditi getah dan sekolah daif. Antara cadangan yang menerima impak besar penerimaan yang positif terutamanya di media sosial adalah berkenaan kesediaan kerajaan menanggung bayaran bagi ujian memandu bagi kelas tertentu.

Saya menyambut baik cadangan kerajaan untuk menyerap bayaran lesen bagi kelas B2 motosikal, bas dan juga *public service vehicle*, dengan izin iaitu PSV atau e-hailing yang dijangka akan memberi manfaat kepada golongan besar rakyat. Ini memandangkan kos lesen memandu kerap menjadi polemik disebabkan harga yang tinggi walaupun kerajaan telah menetapkan kadar harga siling bagi permohonan lesen memandu mengikut kelas-kelas kenderaan. Ini sekali gus menyebabkan ramai individu yang menunggang atau memandu kenderaan mereka tanpa lesen yang sah kerana tidak mampu membayar kos untuk mendapatkan lesen.

Sebagai contoh, kos bagi lesen motosikal bawah 250cc kini ditetapkan tidak melebihi RM500 manakala bagi lesen memandu kereta pula sehingga mencecah lebih RM1,500 bergantung kepada transmisi manual atau automatik. Ini adalah harga bagi bayaran asas sahaja, belum termasuk lagi permohonan terpaksa mengulang ujian komputer, ujian litar atau ujian jalan raya. Kos mengulang ujian sahaja boleh mencecah sehingga RM300 untuk sekali ulangan, tidak termasuk tambahan jam belajar.

Bagi sektor e-hailing pula, sehingga bulan Jun 2023, kira-kira 130,000 orang memiliki lesen vokasional untuk bekerja sebagai pemandu e-hailing dan pastinya jumlah ini semakin bertambah apabila fasa endemik bermula dan wujud peningkatan mendadak dalam permintaan perkhidmatan e-hailing. Dengan wujudnya inisiatif ini, saya jangkakan akan lebih banyak peningkatan penawaran dalam industri e-hailing atau p-hailing yang mana secara tidak langsung akan membantu pelbagai golongan untuk mendapatkan lebih pendapatan menerusi pekerjaan dalam ekonomi *gig*.

Namun begitu, saya ingin mendapatkan pencerahan daripada pihak kerajaan memandangkan wujudnya persoalan dan kelompangan maklumat berkenaan cadangan ini.

Adakah penawaran lesen percuma ini adalah secara menyeluruh termasuk kos pendaftaran, ujian memandu, kos belajar dan lain-lain kos atau hanya tertakluk kepada kos ujian seperti ujian komputer sahaja?

Kedua, adakah kerajaan akan menanggung kos bagi ujian ulangan atau pemohon perlu membayar sendiri kos tersebut sekiranya mereka gagal bagi ujian pertama?

Ketiga, adakah kerajaan masih akan meneruskan cadangan oleh kerajaan terdahulu untuk mewajibkan pengambilan lesen PSV dan penghantar p-hailing, yakni *rider*?

Keempat, nyatakan statistik kes dan aduan yang telah diambil tindakan oleh kementerian mengenai penipuan lesen terbang yang dilakukan oleh *scammer*.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin membahaskan tentang agihan Amanah Saham Bumiputera. Pengiraan dividen Amanah Saham Bumiputera bagi tahun kewangan yang berakhir pada Disember 2022 mencatatkan agihan pendapatan sebanyak RM3.35 seunit dan bonus RM1.25 seunit dengan jumlah keseluruhan RM4.60 seunit. Daripada jumlah itu, tambahan bonus 50 sen seunit bagi 30,000 unit pertama yang dipegang oleh pemegang unit ASB juga telah diumumkan dan dimasukkan ke akaun kira-kira 10.6 juta orang pemegang unit yang bernilai RM8.9 bilion keseluruhannya.

ASB tidak dinafikan, merupakan salah satu instrumens pelaburan berisiko rendah yang memanfaatkan selain membantu memupuk kesedaran kepada masyarakat Bumiputera khususnya melalui pelaburan. Ia juga membantu mereka dalam merancang kewangan pada masa akan datang khususnya melibatkan perkara seperti pendidikan anak-anak, simpanan masa tua, kos perubatan dan sebagainya.

Namun begitu, sejajar dengan pertambahan pelabur dan pemegang unit pelaburan, kadar dividen yang dinikmati oleh pemegang unit ASB juga semakin berkurang dan tidak lagi mampu mencapai agihan pendapatan melebihi tujuh peratus seperti tahun-tahun awal penubuhannya. Sejak saban tahun, dividen ASB semakin menurun dan terhad pada kadar bawah lima peratus termasuk bonus. Tidak dinafikan pelbagai faktor mempengaruhi agihan pendapatan yang kompetitif ini, apatah lagi sejak tiga tahun kebelakangan ini, pasaran pelaburan boleh dikatakan terjejas akibat daripada faktor seperti ketegangan geopolitik, COVID-19, kenaikan kadar faedah dan ketidaktentuan pasaran.

Bagi pemegang unit yang menggunakan kaedah simpanan, kadar dividen ini mungkin tidak memberikan impak yang tinggi kepada mereka. Namun, sebaliknya pula bagi pemegang unit yang melabur menggunakan kaedah pembiayaan bank *Amanah Saham Bumiputera Finance*. Isu yang terpaksa dihadapi adalah apabila mereka terpaksa menanggung kos pembayaran pinjaman yang lebih tinggi berbanding dividen yang diterima.

Sebagai contoh, apabila mereka mengambil pinjaman RM100,000 selama 30 tahun dengan takaful di sebuah bank yang menawarkan kadar bunga 4.25 peratus kadar apungan, mereka perlu membayar pinjaman berjumlah kira-kira RM515 sebulan. Ini bermakna, mereka membayar minimum RM6,180 setahun. Akan tetapi apabila diumumkan dividen, mereka hanya mendapat kurang daripada RM5,000 dan menanggung lebihan bayaran yang negatif.

Belum lagi apabila Kadar Dasar Semalaman (OPR) yang meningkat dan menyebabkan peningkatan jumlah bayaran bulanan mereka. Benar, pada kadar dividen ini sekiranya di kompaun pasti akan bertambah dan tiada impak negatif. Akan tetapi rata-rata pemegang unit akan mengambil dividen mereka selepas dividen dimasukkan ke dalam akaun mereka bagi tujuan tertentu.

Apabila ada pemegang unit yang ingin *surrender* pinjaman mereka, pelbagai kos lain perlu dikira dan akan ditolak sehingga ada yang terpaksa membayar lebih pinjaman kepada bank dan tidak mendapat sebarang *surrender value*. Kes-kes sebegini amat banyak saya lihat diadukan di media sosial terutamanya selepas dividen 2022 diumumkan.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin bertanya kepada kementerian. Berapakah jumlah pelaburan yang dilaburkan oleh Permodalan Nasional Berhad di luar negara? Apakah sasaran sebenar bagi pelaburan luar negara bagi mendapat kadar pulangan yang jauh lebih baik?

Kedua, nyatakan statistik pemegang unit yang telah melepaskan pegangan unit pelaburan ASB sejak Januari 2022? Berapakah jumlah unit yang telah dilepaskan?

Ketiga, bagaimanakah kerajaan mampu membantu dalam mengawal kadar dasar semalaman (OPR) kepada peminjam pelaburan ASB supaya mereka tidak terjejas dengan bayaran bulan pinjaman yang semakin meningkat apabila kadar OPR meningkat?

Tuan Yang di-Pertua, pelepasan status muflis. Menerusi kenyataan mantan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Parlimen dan Undang-undang) iaitu Dato' Sri Wan Junaidi Tuanku Jaafar pada Ogos 2022, seramai kira-kira 17,599 orang individu telah diisytiharkan bankrap sepanjang tempoh 2020 hingga Mei 2022.

Daripada pecahan ini, seramai 6,681 orang individu yang berstatus muflis adalah pada peringkat usia 35 hingga 44 tahun. Diikuti oleh individu yang berusia 45 hingga 54 tahun seramai 4,819 orang. Manakala seramai 3,171 orang pada peringkat usia 25 hingga 34 tahun. Seramai 2,823 orang muflis pada peringkat usia 55 tahun ke atas dan 46 orang lagi di bawah 25 tahun.

Pelbagai faktor mendorong kepada punca muflis termasuklah bebanan hutang melampau, gaya hidup yang tidak setara, kesilapan menanggung hutang individu lain dan sebagainya. Namun begitu, bagi data yang dicatatkan di atas tidak salah sekiranya dikatakan faktor COVID-19 telah menarik lebih ramai individu terjerat dengan hutang dan mendorong mereka diisytiharkan muflis disebabkan pada masa itu ramai yang terbeban dengan faktor kewangan disebabkan kehilangan pekerjaan sehingga menyebabkan mereka tidak mampu membayar pinjaman bank seperti rumah, kenderaan, hutang peribadi dan terdesak dengan peningkatan kos sara hidup.

Cadangan kerajaan untuk meminda Akta Insolvensi 1967 supaya kes muflis dengan hutang RM50 ribu dapat dilepaskan secara automatik mulai 1 Mac ini juga merupakan satu langkah yang baik dalam belanjawan kali ini. Memanfaatkan lebih 13,000 orang individu,

inisiatif ini saya jangkakan akan memberi kelegaan kepada ramai individu yang selama ini terjejas dengan pelbagai had dalam kehidupan seharian mereka termasuklah dalam aspek kewangan, perjalanan yang terhad, pemilikan aset dan sebagainya.

Namun dalam masa yang sama, saya ingin membangkitkan beberapa persoalan. Pertama, saya ingin meminta kerajaan menyatakan statistik individu yang diisytiharkan mufliis disebabkan kegagalan meneruskan moratorium semasa pandemik COVID-19.

Kedua, sejauh manakah keberkesanan pengurusan oleh Agensi Kaunseling dan Pengurusan Kredit (AKPK) dalam mengendalikan penstrukturan semula bayaran pinjaman oleh peminjam dan statistik peminjam yang berjaya dibantu melunaskan hutang dan dielakkan daripada berstatus mufliis?

Ketiga, apakah bentuk penambahbaikan yang bakal dilaksanakan dalam memastikan individu yang dilepaskan daripada status mufliis ini akan dibantu supaya mereka benar-benar mampu pulih daripada situasi mendesak yang boleh menyebabkan mereka sekali lagi diisytiharkan mufliis?

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin menyentuh tentang pekebun kecil getah. Malaysia merupakan 10 buah negara teratas pengeluar getah utama dunia dan berada di kedudukan selepas Thailand, Indonesia dan Vietnam. Sehingga tahun 2021, Malaysia mengeksport kira-kira 1.1 juta tan getah asli ke luar negara seperti China, Amerika Syarikat, Jerman, Turki dan Brazil. Keluasan ladang getah di Malaysia juga menjangkau lebih satu juta hektar di seluruh negara termasuklah penanaman oleh pekebun getah berskala kecil.

Menurut data oleh Jabatan Perangkaan Malaysia, eksport getah asli Malaysia telah meningkat sebanyak 23 peratus daripada 51,104 tan pada November 2022 berbanding 41,548 tan pada Oktober 2022. Namun begitu, dalam masa yang sama pengeluaran getah asli Malaysia telah susut 11.8 peratus kepada 28,048 tan pada November 2022 berbanding 31,795 tan yang direkodkan pada Oktober 2022.

Kita berbangga dengan pencapaian negara dalam pengeksportan getah asli di peringkat dunia tetapi sebaliknya isu kritikal melibatkan pengeluaran getah masih belum diatasi dan masih membelenggu pekebun getah terutamanya kepada ratusan ribu orang pekebun kecil yang menjalankan sendiri aktiviti penorehan dan penjualan getah.

Usaha kerajaan dalam melaksanakan pengaktifan Insentif Pengeluaran Getah (IPG) bagi menangani impak kejatuhan harga getah ke atas pendapatan pekebun getah disifatkan sebagai satu usaha yang baik. Namun, masih belum cukup untuk membantu pekebun-pekebun getah di negara ini. Hal ini kerana kadar IPG bukanlah penentu kepada kenaikan harga rantai getah dan bukan secara automatik. Malahan, pelbagai faktor dan proses yang agak rumit terpaksa dilalui oleh pekebun getah untuk mendapatkan insentif ini.

Harga getah pernah mencapai tahap yang tinggi melebihi RM7 sekilogram pada tahun 2011. Namun saban tahun, harga getah semakin merudum dan tidak stabil. Harga juga

berbeza bagi Semenanjung, Sabah dan juga Sarawak iaitu pada kadar RM2.30, RM1.90 dan RM2 sekilogram.

Dengan kadar harga semasa yang sangat rendah dan meskipun IPG dengan kadar RM2.50 sekilogram yang diaktifkan, saya kira ia tidak memberi impak yang ketara kepada pendapatan pekebun getah. Menerusi bajet kali ini yang mengumumkan pertambahan 20 sen lagi kepada RM2.70 sekilogram.

■1510

Berapakah nilai yang dinikmati oleh pekebun getah ini? Bukannya tidak bersyukur tetapi kita memerlukan satu penyelesaian yang lebih agresif dan relevan. Pengeluaran getah merosot atas pelbagai faktor. Antaranya disebabkan kuantiti pokok dan kualiti susu getah yang semakin berkurangan, ketidaktentuan cuaca yang menjejaskan hasil getah dan penyakit pokok. Semua ini menyumbang kepada pengurangan produktiviti, sekali gus menjejaskan pengeluaran hasil getah dalam negara.

Apatah lagi dengan harga getah yang rendah dan tidak stabil. Semakin ramai pekebun getah yang berputus asa dan tidak lagi berminat untuk meneruskan penanaman pokok getah, sebaliknya bertukar kepada komoditi lain yang lebih kukuh dan stabil seperti kelapa sawit. Situasi ini wajar diatasi kerana kita tidak mahu satu masa nanti industri getah semakin berkurangan dan pupus kerana sudah tidak lagi menjadi sumber utama rezeki bagi pekebun kecil.

Apatah lagi mereka yang bekerja di kebun getah milik individu lain dan terpaksa pula berkongsi upah. Setelah ditolak itu dan ini, berapa sahaja kadar upah yang diperoleh. Cukuplah sekadar RM500 hingga RM600 sebulan buat mereka, ditambah dengan peningkatan kos sara hidup yang masih tinggi.

Saya ingin bertanya dan mencadangkan kepada kementerian. Pertama, apakah bentuk penambahbaikan yang lebih relevan dan berdaya saing dalam membantu meningkatkan lagi harga pasaran getah sebagai usaha membantu pekebun getah memperoleh hasil yang lebih tinggi?

Kedua, apakah jaminan kementerian mengenai proses pemutihan pekebun kecil getah dalam memastikan data yang diperoleh adalah tepat dan tiada pekebun getah yang kecikiran?

Ketiga, sejauh mana kerelevanan untuk menaikkan harga lantai getah ke paras atas RM4.00 sekilogram berbanding pelaksanaan Insentif Pengeluaran Getah?

Tuan Yang di-Pertua, isu yang terakhir yang ingin saya kemukakan adalah berkaitan dengan sekolah daif. Rekod menunjukkan terdapat kira-kira 830 buah sekolah dikenal pasti mempunyai blok bangunan daif yang dikategorikan sebagai bangunan berskala enam dan tujuh. Skala ini ditakrifkan sebagai tidak selamat serta memerlukan penggantian atau

pembangunan semula. Kementerian Pendidikan Malaysia pada kali ini, menerima peruntukan yang tertinggi dalam belanjawan iaitu sebanyak RM55.2 bilion berbanding RM52.6 bilion pada tahun 2022; peningkatan sebanyak RM2.6 bilion.

Daripada jumlah itu, dijangkakan kira-kira RM920 juta akan diperuntukkan untuk menaik taraf dan membaiki sekolah daif di seluruh negara. Isu sekolah daif dan uzur bukanlah satu isu yang baharu. Malah, telah berlaku sejak sekian lama apatah lagi melibatkan sekolah dengan struktur lama seperti kayu, di kawasan luar bandar dan pedalaman. Sudah pasti apabila mencapai tempoh tertentu, pasti ada kerosakan yang memerlukan proses pemulihan dan penaiktarafan bagi memberikan keselamatan dan keselesaan kepada warga sekolah tersebut.

Kondisi sekolah dan kelas yang selamat sangat penting dan tidak boleh ada sebarang kompromi. Kita tidak mahu wujud kes yang melibatkan kecelakaan kepada guru, murid mahupun staf di sekolah yang disebabkan keadaan sekolah yang usang dan lama itu. Proses memulihkan sekolah daif ini mengambil kira banyak faktor, melibatkan satu jangka masa yang lama dan dipengaruhi oleh pelbagai faktor antaranya logistik di kawasan pedalaman.

Akan tetapi, seharusnya satu penyelesaian yang menyeluruh dan segera telah lama difikirkan kerana ia bukanlah satu isu yang baharu. Saya ingin mencadangkan kepada pihak kementerian. Pertama, adakah kementerian ada mempertimbangkan untuk mewujudkan satu *blueprint* atau dasar yang boleh dijadikan *standard operating procedure* (SOP) dalam memperkenalkan sesebuah pendekatan yang mampu menangani isu sekolah daif dan usang.

Kedua, sejauh manakah keadilan dalam pengagihan bajet terhadap pelaksanaan pemulihan dan penaiktarafan sekolah daif berbanding sekolah elit dan pembinaan sekolah baharu?

Ketiga, adakah kementerian bercadang untuk menutup sekolah yang terlalu daif dan uzur dan melaksanakan alternatif lain yang lebih baik seperti pembinaan asrama di sekolah lain yang berdekatan untuk kegunaan pelajar di kawasan tersebut.

Tuan Yang di-Pertua, Malaysia mencatatkan pemulihan KDNK yang agak baik dan pantas iaitu kira-kira 8.8 peratus pada tahun 2022 dan boleh dianggap kukuh dalam persekitaran ekonomi dan global yang mencabar. Namun begitu, kita tidak harus leka dalam ramalan pasaran ekonomi yang dijangka tidak menentu dan lebih mencabar pada tahun ini.

Saya berharap dengan perbelanjaan yang boleh dikatakan agak besar kepada kerajaan kali ini, kerajaan mampu berbelanja dengan lebih berhemah dan negara juga mampu memperoleh hasil yang jauh lebih tinggi menerusi pertumbuhan ekonomi yang kukuh, stabil dan memberangsangkan.

Akhir kata, saya mengharapkan pelaksanaan Bajet 2023 ini dapat dilaksanakan dengan adil dan saksama serta memperkasakan semula ekonomi negara bagi memastikan

pentadbiran negara dapat dilaksanakan dengan baik dan memberi impak yang positif dan terbaik kepada rakyat. Terima kasih. Saya mohon menyokong.

Dato' Kesavadas a/l A Achyuthan Nair: Terima kasih, Yang Berhormat Dato' Haji Jefridin bin Haji Atan. Sekarang saya menjemput Yang Berhormat Tuan Mohd Hasbie bin Muda.

3.17 ptg.

Tuan Mohd Hasbie bin Muda: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua atas peluang yang diberikan untuk saya turut sama mengambil bahagian dalam perbahasan Rang Undang-undang Perbekalan bagi tahun 2023. *Bismillahi Rahmani Rahim [Membaca selawat] Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh* dan salam sejahtera.

Terlebih dahulu, saya ingin merakamkan ucapan tahniah kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kerana telah berjaya membentangkan sebuah belanjawan yang benar-benar menyantuni segenap lapisan masyarakat serta memberikan solusi yang tuntas dan menyeluruh sebagai penawar kepada permasalahan yang berlaku pada hari ini.

*[Timbalan Yang di-Pertua **mempengerusikan Mesyuarat**]*

Tuan Yang di-Pertua, untuk pertamanya saya ingin menyentuh tentang perkembangan perang Rusia-Ukraine dan kesannya kepada pertanian di negara kita. Perang Rusia-Ukraine telah memasuki tahun yang kedua dan tidak ada sebarang petunjuk bahawa ia akan berakhir pada masa yang terdekat. Terbaharu, Mahkamah Jenayah Antarabangsa telah mengeluarkan waran tangkap kepada Presiden Rusia, mendakwa pengusiran kanak-kanak Ukraine oleh Moscow sebagai jenayah perang.

Walaupun kita menyokong waran tangkap yang dikeluarkan itu tetapi jelas hipokrasi oleh negara-negara Barat apabila penjenayah perang daripada kuasa-kuasa besar seperti Amerika Syarikat tidak pula menghadapi tindakan yang sama. Kesan perang ini tidak hanya melibatkan negara-negara yang berdekatan dengan mereka tetapi ia juga memberikan kesan kepada seluruh dunia termasuk negara kita.

Ini adalah kerana gabungan kedua-dua negara itu menjadi pembekal utama. Kedua-dua negara tadi, Rusia dan Ukraine menjadi pembekal utama kepada makanan dunia yang meliputi 25 peratus daripada bekalan.

Apabila perang melanda, hasil pertanian dan produk makanan seperti gandum, jagung, barli dan lain-lain bijirin tidak dapat dikeluarkan seperti mana biasa disebabkan oleh perang dan sekatan yang dikenakan.

Begitu juga Rusia yang membekalkan sekitar 30 peratus kepada bekalan baja dunia khususnya baja untuk pertanian. Apabila perang melanda, bekalan berkurangan menyebabkan kenaikan harga barangan makanan dan baja untuk pertanian. Ia memberikan impak yang besar kepada sektor penternakan, penanaman padi dan sektor perladangan di negara kita apabila harga baja dan makanan ternakan ini mendadak naik.

Oleh yang demikian, Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mencadangkan supaya kerajaan mencari jalan keluar dan antara langkah yang boleh dilaksanakan ialah dengan mencari ruang-ruang baharu khususnya sesama negara ASEAN. Saya difahamkan beberapa buah negara ASEAN termasuk Indonesia ada mengeluarkan jagung untuk dijadikan makanan haiwan yang ditanam secara besar-besaran di Sulawesi. Begitu juga dengan pengeluaran produk pertanian, penternakan dan pemakanan lain dari Filipina, Thailand dan Vietnam yang juga boleh diberikan perhatian.

Selain mencukupkan bekalan yang diperlukan oleh negara, ia juga boleh mengurangkan kos kerana jarak di antara negara-negara ASEAN ini yang dekat, selain boleh mengukuhkan ekonomi dan hubungan diplomatik sesama negara ASEAN.

Keduanya, usaha mengukuhkan kerjasama ASEAN ini perlu diperingkatkan kerana rantau ini ialah rantau yang mempunyai populasi terbesar di dunia iaitu sekitar 700 juta orang penduduk. Ia memberi makna bahawa ia ialah pasaran yang besar dan berpotensi. Namun, sehingga ke hari ini, nilai perdagangan antarabangsa khususnya import-eksport sesama negara ASEAN lebih kecil berbanding dengan negara-negara yang di luar ASEAN.

Usaha yang lebih aktif mestilah dirangka khususnya oleh Kementerian Luar Negeri dan Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri agar eksport produk sesama ASEAN dapat dipertingkatkan.

Menjelang tahun 2030 hingga 2050, saya difahamkan tiga buah negara ASEAN akan berada dalam kumpulan 25 saiz ekonomi terbesar di dunia dari sudut GDPnya iaitu Indonesia, Filipina dan Thailand. Ia dipacu salah satunya oleh pertambahan populasi berusia muda produktif serta pasaran yang besar. Walaupun saiz Malaysia lebih kecil berbanding dengan mereka, terbukti sebelum ini Malaysia pernah memimpin ASEAN apabila menjadi antara negara yang paling laju perkembangan ekonominya. Oleh itu, kesempatan ini mestilah diambil oleh kerajaan agar kita boleh bergerak seiring dengan perkembangan tersebut.

Tuan Yang di-Pertua, sebagaimana yang kita tahu, pandemik COVID-19 yang melanda dunia pada hujung tahun 2019 telah memberikan impak yang besar kepada kita. Bagi mengekang penularan wabak, kerajaan telah mengenakan PKP secara besar-besaran. Kilang-kilang dalam sektor pembuatan ditutup, perniagaan kecil dan sederhana banyak yang gulung tikar dan rakyat juga banyak yang kehilangan pekerjaan dan sumber pendapatan.

Kita juga tahu antara langkah yang diambil oleh kerajaan ialah dengan membenarkan pengeluaran khas yang melibatkan empat skim dan hampir RM1 trilion simpanan yang ada

dalam KWSP, pengeluaran khas itu telah pun melibatkan jumlah yang begitu besar iaitu sebanyak RM145 bilion. Memang sehingga ke hari ini, kita sedar bahawa desakan untuk pengeluaran khas oleh rakyat, khususnya yang terjejas ini, dibenarkan lagi.

Walau bagaimanapun, pendedahan yang dibuat oleh Kementerian Kewangan mengenai median simpanan, umpamanya oleh pencarum Melayu yang jatuh merudum daripada RM15,500 kepada RM4,900 dan juga kaum-kaum yang lain juga menunjukkan penurunan, ia memberikan satu gambaran ataupun satu masalah yang besar kepada kita. Median ini lebih tepat kalau kita ukur daripada nilai purata kerana median ini ialah titik tengah ataupun gambaran yang lebih jelas bahawa itulah nilai simpanan yang dimiliki oleh sebahagian besar daripada pencarum kita.

Satu lagi isu yang tidak kurang penting, Tuan Yang di-Pertua, ialah kalau kita melihat data dalam KWSP juga, daripada 8.3 juta orang pencarum aktif, ataupun yang jumlah lebih besarnya ialah 15.7 juta orang pencarum secara keseluruhannya, ahli yang menyimpan ataupun yang mendaftar dalam caruman simpanan syariah hanyalah berjumlah 1.25 juta sahaja.

Maknanya daripada jumlah keseluruhan pencarum, nilai itu lebih kurang lapan peratus sahaja dan daripada nisbah peratusan daripada jumlah ahli pencarum yang aktif, jumlah itu hanya sekitar 15 peratus. Jumlah peratusan yang rendah ini memberikan gambaran kepada kita bahawa inisiatif simpanan yang patuh syariah ini tidak dimanfaatkan sebaik mungkin oleh rakyat terutamanya oleh penyimpan yang beragama Islam.

Jadi, saya minta Kementerian Kewangan untuk memperincikan peratusan ataupun jumlah yang menyimpan dalam simpanan syariah ini berbanding dengan jumlah secara keseluruhannya. Apa langkah-langkah yang diambil oleh kementerian, baik Kementerian Kewangan ataupun Jabatan Perdana Menteri (Hal Ehwal Agama), untuk mendidik? Hal ini kerana ini melibatkan soal hukum, soal halal dan haram. Sudah tentu bagi kita orang Islam seharusnya lebih teliti dalam soal ini.

Tuan Yang di-Pertua, kalau boleh, saya juga ingin mengambil kesempatan ini untuk merakamkan tahniah dan terima kasih kepada kerajaan atas inisiatif untuk membantu khususnya pencarum yang simpanannya, yang usianya antara 40 ke-54 tahun dengan ditambah sebanyak RM500 bagi jumlah caruman mereka yang kurang daripada RM10,000 dalam Akaun 1. Ini satu tindakan yang saya kira pertama kali dan ia perlu diambil manfaat, diambil perhatian oleh rakyat.

Kalau boleh dicadangkan, Tuan Yang di-Pertua, kerajaan juga menambah sumbangan kerajaan dalam i-Saraan. Kalau sebelum ini, saya ingat pada waktu zaman di bawah Kerajaan Pakatan Harapan tahun 2018 dahulu, kita perkenalkan i-Saraan yang sumbangan kerajaan maksimum RM250 dan sekarang ini di bawah Kerajaan Perpaduan ditambah kepada RM300. Ini satu langkah yang cukup baik untuk kita menggalakkan supaya golongan-golongan yang

tidak ada majikan ini yang bekerja sendiri dalam *gig economy* dan sebagainya, mereka mencarum sendiri kerana ada insentif tambahan selain daripada dividen yang dia akan dapat pada setiap akhir tahun perakaunan itu.

Kalau boleh dicadangkan, Tuan Yang di-Pertua, sekarang ini had simpanan sukarela, kalau kita menyimpan secara sukarela, had di KWSP itu hanya RM60,000 sahaja setahun. Jadi, saya hendak cadangkan kepada kerajaan, apa salahnya kita tingkatkan had sumbangan sukarela itu biar mungkin mencecah RM150,000 ataupun RM200,000? Sebab, ada di kalangan anak muda yang belum ada komitmen yang besar, mereka ada dana. Jadi, mereka ini yang belum beli rumah, beli kereta dan sebagainya, mereka boleh menyimpan di KWSP dan mendapat pulangan yang cukup kompetitif.

Tuan Yang di-Pertua, bercakap tentang simpanan ini juga, saya juga ingin menyentuh tentang langkah yang diambil oleh kerajaan. Saya ingin merakamkan juga ucapan terima kasih kerana kerajaan mengekalkan inisiatif yang, bagi saya, bijaksana di bawah kepimpinan Perdana Menteri sebelum ini iaitu Dato' Sri Ismail Sabri yang meningkatkan had simpanan pelaburan dalam ASB. Kalau sebelum ini, kita simpan ASB ini, maksimum permulaan itu RM200,000. Akan tetapi, sekarang ini di bawah kedua-dua Perdana Menteri kita, dinaikkan kepada RM300,000.

Cuma, saya hendak tanya Kementerian Kewangan. Bilakah ia akan mula dikuatkuasakan? Sebab, saya *check* di laman web setakat dua hari lepas, belum lagi. Jadi, kita harap inisiatif ini- sebab, kita sudah masuk bulan Mac. Seharusnya had tambahan RM300,000 itu disegerakan supaya dapat dimanfaatkan dengan sebaik mungkin.

Kemudian, yang seterusnya selain daripada hal simpanan dan juga soal jaringan sosial untuk kebajikan rakyat kita pada usia persaraan ini, juga harus kita jelaskan kepada rakyat bahawa walaupun kerajaan belum meluluskan pengeluaran khas ini tetapi sebenarnya rakyat kita memang dibenarkan untuk mengeluarkan simpanan duit KWSP mereka walaupun mereka belum mencecah usia 55 tahun.

■1530

Juga, harus kita jelaskan kepada rakyat bahawa walaupun kerajaan belum meluluskan pengeluaran khas ini, tetapi sebenarnya rakyat kita memang dibenarkan untuk mengeluarkan simpanan ataupun duit KWSP mereka walaupun mereka belum mencecah usia 55 tahun.

Maknanya walaupun kita tidak ada i-Citra, i-Lestari, i-Sinar dan sebagainya, sebenarnya banyak kelonggaran yang diberikan oleh kerajaan untuk kita keluarkan duit. Maknanya untuk pengeluaran secara sebahagian kalau kita rujuk di *website-website*, laman web KWSP, saya ingat lebih daripada 13 item. Kita boleh keluarkan simpanan kita dalam akaun dua umpamanya kalau usia mencecah 50 tahun, kita boleh keluarkan- untuk tujuan pendidikan, untuk tujuan beli rumah, untuk selesaikan baki pinjaman perumahan, ansuran bulanan pinjaman perumahan, untuk menunaikan haji, untuk tujuan kesihatan.

Jadi, perkara-perkara ini saya ingat ramai di kalangan rakyat yang tidak sedar perkara ini. Jadi mereka banyak menghentam kerajaan seolah-olah duit yang mereka ada dalam KWSP itu tidak dapat dikeluarkan sehingga umur 55 tahun. Jadi saya harap kita ada banyak jabatan, kita ada Kementerian Komunikasi dan Digital, kita juga ada JKOM, jelaskan perkara ini kepada rakyat supaya inisiatif-inisiatif yang diumumkan oleh Yang Amat Berhormat Menteri Kewangan ataupun Perdana Menteri tempoh hari dapat disedari oleh mereka.

Tuan Yang di-Pertua, perkara yang seterusnya yang saya ingin sentuh juga ialah tentang isu perumahan. Isu perumahan dalam perbincangan Titah Diraja juga saya ada menyentuh sedikit sebanyak tentang skim yang kita tahu, Skim Rumah Pertamaku yang dihentikan, yang akan berakhir pada 1 April 2023 dan sekarang ini kerajaan memfokuskan kepada Skim Jaminan Kredit Perumahan. Yang sebenarnya kalau kita teliti dan kita kaji secara terperinci, skim yang ada sekarang ini, SJKP ini juga tidak kurang bagus berbanding dengan SRP. Dengan nilai jaminan yang dinaikkan daripada RM2 bilion kepada RM5 bilion memberikan manfaat sekitar 20,000 di kalangan khususnya anak muda.

Kelebihan skim SJKP ini Tuan Yang di-Pertua ialah anak muda boleh beli rumah walaupun tidak ada *payslip*, tidak ada slip gaji, berbeza dengan skim SRP iaitu Skim Rumah Pertamaku yang memerlukan kepada slip gaji. Jadi, saya ingat inisiatif sebegini seharusnya di jabatan ataupun kementerian yang berkenaan uar-uarkan kepada rakyat khususnya orang muda, ramai yang tidak tahu.

Dua hari lepas saya ke *Selamat Pagi Malaysia* (SPM) di RTM, mereka juga seolah-olah baru dengar benda ini sedangkan skim ini telah pun wujud empat tahun yang lepas. Cuma, tindakan Kerajaan Perpaduan di bawah Malaysia Madani ini ialah memperkasakan.

Jadi, saya juga hendak mengambil kesempatan ini untuk hendak bertanya kepada Kementerian Kewangan sebagai kementerian yang menguruskan skim ini, adakah kementerian ada usaha untuk memperkasa skim yang dibuat ini supaya dapat kualitinya iaitu maknanya, kelebihan-kelebihan yang ada dalam skim yang terdahulu itu dapat diserapkan dalam skim SJKP ini menjadikan skim yang benar-benar tuntas dan benar-benar komprehensif untuk membantu anak muda khususnya dalam memiliki rumah pertama mereka?

Kemudian dalam soal perumahan juga, saya mengesani ataupun mendapati bahawa kerajaan telah meningkatkan perbelanjaan pembangunan dengan tambahan RM20 juta bagi tujuan memulihkan projek perumahan terbengkalai. Ini satu pengumuman yang ditunggu-tunggu khususnya oleh pembeli rumah yang ambil masa dua tahun, tiga tahun, ada yang lebih mencecah 10 tahun. Bayar bulanan bank dibuat, tetapi rumah tidak siap-siap. Jadi, kita ucap terima kasih kepada kerajaan kerana meningkatkan daripada peruntukan asal RM4.9 juta kepada RM24.9 juta dengan mencatatkan peningkatan sebanyak 400 peratus daripada peruntukan yang asal.

Dalam kita berterima kasih kepada kerajaan atas inisiatif dan keseriusan untuk memulihkan projek perumahan terbengkalai, saya ingin mencadangkan kepada kerajaan untuk menumpukan kaedah perbelanjaan daripada peruntukan tadi bagi memulihkan projek perumahan terbengkalai dengan menumpukan kepada perumahan rumah-rumah kos rendah dan sederhana supaya manfaatnya dapat dirasakan khususnya bagi golongan anak muda yang berpendapatan rendah, selain turut mengadakan kerjasama erat dengan kerajaan negeri bagi mengenal pasti projek terbengkalai yang wajar diberikan keutamaan.

Tuan Yang di-Pertua, dalam pembentangan bajet juga saya melihat Yang Amat Berhormat Perdana Menteri mengambil masa untuk menjelaskan tuduhan-tuduhan dan kecaman-kecaman yang saya kira bukanlah daripada fakta yang sahih. Banyak tuduhan-tuduhan yang dibuat kepada kerajaan yang sebenarnya tidak- kadang-kadang tuduhan itu tidak masuk akal ataupun tuduhan-tuduhan itu tidak mencerminkan situasi yang sebenar yang berlaku di luar sana. Ada saya mendengar daripada rakan Ahli Dewan Negara yang menyebut tentang inflasi Mac yang mencanak naik, sedangkan daripada faktanya kalau kita hendak merujuk kepada inflasi, kita tidak boleh dengar di kedai-kedai kopi, tidak boleh dengar daripada sesetengah orang.

Inflasi ini kita harus merujuk kepada indeks yang dipaparkan oleh Jabatan Perangkaan Malaysia iaitu Indeks Harga Pengguna. Dalam Indeks Harga Pengguna yang terakhir yang dipaparkan ialah untuk bulan Februari. Maknanya setiap minggu terakhir satu bulan, dia akan keluar indeks harga pengguna bagi bulan sebelumnya. Jadi kalau disebut Mac inflasi meningkat, saya peliklah macam mana kita boleh bagi tahu inflasi meningkat sedangkan indeks ISP yang sepatutnya dikeluarkan oleh DOSM tadi, Jabatan Perangkaan Malaysia, itu belum dikeluarkan.

Jadi, saya ingat kita sebagai Ahli Dewan Negara ini dalam membawa hujah-hujah, haruslah disandarkan kepada fakta-fakta yang tepat, bukan daripada kita ambil situ sikit, sini sikit dan memberikan persepsi yang buruk kepada kerajaan.

Kalau kita tengok dalam inflasi negara kita, sebenarnya mencatatkan penurunan. Umpamanya kalau kadar inflasi pada Januari yang lepas daripada 3.8 peratus, sudah turun kepada 3.7 peratus. Pada bulan Februari yang terbaru ini, kadar itu mereda kepada 3.7 peratus. Maknanya tidak ada gambaran bahawa naik mencanak, tidak sebagaimana tahun ini yang sudah.

Saya ambil serius soal kenaikan harga barang ini Tuan Yang di-Pertua, sebab saya didakwa di mahkamah dalam isu ini kerana membangkitkan isu harga barang ini, berhimpun dalam himpunan dalam isu ini. Ini kerana memang pada waktu itu, pada waktu kita bercakap dahulu, kenaikan itu begitu jelas mencanak. Bukan data-data dikeluarkan oleh parti-parti Pakatan Harapan, bukan data yang dikeluarkan oleh pihak-pihak yang lain, tetapi oleh kerajaan sendiri, oleh pihak DOSM sendiri. Jadi, saya ingat dengan kita melihat kepada data-

data yang lebih *credible* ini, *insya-Allah* perbahasan kita selaku Ahli Dewan Negara ini akan lebih dihormati oleh rakyat ataupun rakan-rakan kita di luar sana.

Begitu juga dalam ada dibangkitkan soal kerajaan bohong. Disebut soal kerajaan berjanji untuk tidak melantik lantikan politik di GLC. Saya rasa peliklah kerana pelantikan yang dibuat oleh kerajaan itu umpamanya bukan kepada GLC dan lantikan itu dibuat di badan berkanun. Badan berkanun dengan GLC ialah dua- benda yang berbeza. Kalau kita sebagai Ahli Dewan Negara tidak boleh membezakan antara GLC dan badan berkanun, maka saya fikir orang akan mentertawakan kita. Memang dalam janji Pakatan Harapan saya kesan dalam manifesto Pakatan Harapan, memang ada sebut. Dalam manifesto bagi tahun PRU 2018, ada disebut bahawa lantikan-lantikan politik di GLC itu akan dikurangkan ataupun akan ditiadakan.

Akan tetapi apa yang kita tengok dalam sehari dua ini ialah di agensi-agensi kerajaan iaitu badan berkanun, MARA. MARA ialah badan berkanun. FELDA, itu badan berkanun, itu bukan GLC. Akan tetapi kalau lantikan itu dibuat umpamanya ada anak syarikat MARA- MARA Holdings Sdn. Bhd. sebagainya, itu barulah kita boleh mengkritik kerajaan. Jadi, saya ingat kualiti perbahasan kita juga harus kita perhalusi dan tekuni kepada istilah-istilah itu kerana kalau kita pun tidak boleh membezakan antara istilah-istilah yang digunakan, maka macam manalah orang di luar sana dapat memahami dengan lebih baik.

■1540

Ada juga pandangan bahawa bajet ini bajet yang bersifat balas dendam, bajet yang cuba menghukum parti-parti yang tidak sealiran dengan kerajaan. Saya ingin sebutkan bahawa kerajaan hari ini bukan Kerajaan Pakatan Harapan, kerajaan hari ini bukan Kerajaan Barisan Nasional tetapi kerajaan hari ini ialah Kerajaan Perpaduan. Perpaduan ini tidak semestinya kerajaan hanya perlu menyantuni parti-parti yang berada dalam kerajaan tetapi dalam semangat *federalism*, Kerajaan Persekutuan juga harus menyantuni kerajaan-kerajaan negeri kerana mereka juga sebahagian daripada sistem persekutuan yang kita amalkan.

Kalau kita tengok peruntukan yang ditambah untuk negeri Kedah, negeri Terengganu, negeri Kelantan, itu jelas menunjukkan kepada kita bahawa Yang Amat Berhormat Perdana Menteri tidak pilih bulu dalam membantu negeri-negeri yang khususnya termasuk negeri-negeri pembangkang tadi.

Begitu juga dalam isu royalti minyak saya fikir dalam kita bincang soal istilah dan sebagainya, isu ini jelas Yang Amat Berhormat Perdana Menteri hanya menyebutkan dalam usaha untuk menoktahkan kemiskinan. Kita menggunakan sebahagian kecil daripada hasil petroleum ataupun Dana Khas Kerajaan Persekutuan tadi untuk tujuan menoktahkan miskin tegar.

Saya rasa sedikit hairan kenapa kita perlu sinis kepada usaha ini seolah-olah untuk menoktahkan miskin tegar ini satu usaha yang begitu susah ataupun satu perkara yang begitu sukar untuk digapai. Sedangkan kalau kita rujuk dalam tarif miskin tegar, definisi miskin tegar

ialah pendapatan isi rumah yang di bawah RM1,169. Maknanya jumlah itu, kalau kita tengok secara realitinya pun memang satu jumlah yang begitu rendah dan jumlah bantuan yang diberikan oleh kerajaan sendiri pun dengan Sumbangan Tunai Rahmah, dengan bantuan JKM dan sebagainya. Saya fikir sudah boleh membantu untuk sekurang-kurangnya lebih daripada separuh untuk mengeluarkan- daripada nilai, definisi yang saya sebutkan tadi.

Jadi, dalam usaha untuk menoktahkan kemiskinan tegar ini sebab tidak ramai pun, kalau daripada 32 juta orang rakyat kita, ketua isi rumah yang dalam kelompok miskin tegar ini hanyalah berjumlah 130,000 sahaja makanya peratusan itu begitu kecil tetapi golongan ini memang benar-benar golongan yang perlu dibantu sebab pendapatan kemiskinan tegar ini maknanya tidak cukup untuk menyara hidup dia.

Jadi, kalau kita bersifat sinis, menyindir seolah-olah ini benda yang tidak boleh dibuat. Ada juga pandangan kata seolah-olah tidak ada lagi asnaf yang kelaparan.

Ini saya fikir satu pemahaman yang salah kerana dalam sirah, dalam sejarah Khalifah Umar Ibni Abd al-Aziz sendiri pun disebut pada waktu itu tidak ada rakyat yang layak untuk menerima cukai dalam kategori asnaf miskin fakir ini kerana agihan itu dibuat dengan begitu berkesan. Jadi, kalau kita boleh dengan usaha untuk menoktahkan kemiskinan ini, dengan peruntukan yang ada dan tambah pula kalau negeri-negeri yang ada hasil petroleum ini sebenarnya bagi saya sangat tidak munasabah, sangat pelik dan sangat mustahil...

Tuan Haji Hussin bin Ismail: Mencilah sedikit Yang Berhormat.

Tuan Mohd Hasbie bin Muda: Sila, sila.

Tuan Haji Hussin bin Ismail: Saya rasa Yang Berhormat mengungkit apa yang saya sebutkan tadi. Saya ulang beberapa kali bahawa kita melihatnya secara positif, ertinya kita menanti. Kalau dilihat maksudnya 130,000 itu dalam konteks asnaf yang paling tegar ialah fakir dan saya fikir tidak ada sinis di situ menyebut bahawa kita positif menanti perkara itu. Terima kasih.

Tuan Mohd Hasbie bin Muda: Terima kasih Yang Berhormat Haji Hussin. Saya sebenarnya tidak merujuk kepada ucapan Yang Berhormat, saya merujuk kepada ucapan rakan kita yang lain- yang menyebut, yang melihat seolah-olah itu satu yang mustahil.

Memang saya sedar ucapan Yang Berhormat tadi memang memberikan satu keyakinan bahawa harapan itu perlu diberikan kepada kepimpinan negara. Apa pun terima kasih Yang Berhormat.

Berbalik kepada perkara yang tadi...

Tuan Aklan a/l Ehtook: Mohon mencilah.

Tuan Mohd Hasbie bin Muda: Ya, sila.

Tuan Aklan a/l Ehtook: Terima kasih Yang Berhormat, terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Apabila kita sebut tentang kemiskinan dan juga asnaf, saya terlintas tentang wang zakat yang dikutip di negeri-negeri. Apakah tidak boleh kita gunakan itu untuk mengurangkan lagi tahap kemiskinan sebilangan yang kita hadapi sekarang? Terima kasih.

Tuan Mohd Hasbie bin Muda: Terima kasih Yang Berhormat. Memang sekarang ini pun memang wang zakat itu dimanfaatkan cuma oleh sebab institusi zakat itu di bawah kerajaan negeri mungkin oleh sebab itu kita tidak ada lah data-data yang boleh menunjukkan usaha ataupun jumlah asnaf yang berjaya dikurangkan.

Walau bagaimanapun, usaha untuk menoktahkan kemiskinan ini tidak boleh dilihat sebagai usaha Kerajaan Persekutuan semata-mata. Ini saya fikir perlu untuk kita jelas kerana rakyat yang dalam kelompok miskin tegar ini juga rakyat negeri dan negeri juga punyai tanggungjawab sebab itu dalam soal agihan duit petroleum tadi sebenarnya tidak ada isu bahawa duit itu akan disalurkan melalui parti politik yang berlainan sebagainya kerana pengumuman yang dibuat oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri jelas. Prosesnya sebagaimana sebelum ini, cuma diambil sebahagian untuk menyelesaikan isu masalah kemiskinan tegar.

Jadi, saya ingat kita tidak bolehlah berterusan mempolitikkan perkara ini, cuma saya juga ingin sentuh mungkin dalam pengagihan umpamanya negeri Kelantan, Terengganu, walaupun selepas ini Kerajaan Persekutuan akan menyalurkan peruntukan itu kepada kerajaan negeri, kepada SUK Perbendaharaan Negeri, janganlah dilupakan ataupun dianaktirikan jabatan-jabatan Kerajaan Persekutuan kerana saya tengok ataupun saya dapat sedikit rungutan daripada rakan-rakan kita daripada jabatan bawah Persekutuan ini, mereka mengeluh, kenapa peruntukan itu tidak dapat kepada mereka.

Umpamanya sekolah-sekolah kebangsaan, kita harap bila disalurkan semula nanti peruntukan itu mesti juga kita berikan kerana jabatan-jabatan Persekutuan ini, mereka juga memberikan khidmat kepada rakyat dalam negeri kita. Jadi kalau kita- bukanlah saya kata langsung tidak beri ya, umpamanya Terengganu, saya jelas ada peruntukan untuk agensi-agensi Persekutuan- FAMA dan sebagainya. Akan tetapi kalau boleh kita minta supaya duit yang ada ini kita beri banyak sedikit. Kita beri balik kepada institusi sekolah supaya mereka boleh melaksanakan program-program untuk anak-anak kita.

Terakhirnya Tuan Yang di-Pertua, semangat Kerajaan Perpaduan ini sudah tentulah perlu dibuktikan- oleh kita semua, oleh Perdana Menteri, oleh Menteri-Menteri Besar, Ketua Menteri dan sebagainya, supaya apa juga dasar yang diumumkan ini dapat dilaksanakan dengan baik.

Saya rasa simpati dengan yang disebut oleh sahabat saya tadi dari Kedah, menyebut tentang Menteri besar dihalang, kita minta supaya kementerian yang berkaitan jelaskan adakah benar dihalang ataupun tidak dijemput ataupun apa sebenarnya? Sebab ini benda

yang mungkin tidak boleh dibiarkan sebab saya ingat benda ini sudah dua tiga hari dibangkitkan, sepatutnya sudah ada jawapan daripada kerajaan.

Pada masa yang sama Tuan Yang di-Pertua, sebagaimana kita '*bermuamalat*' kita dengan sesiapa pun, mesti ada memberi dan menerima. Kalau kita hendak harapkan kita dihormati, kita juga harus menghormati. Sebagaimana Ketua-ketua Kerajaan Negeri di negeri-negeri ini juga harus menunjukkan contoh yang baik, kalau ketua kerajaan negeri saban waktu menghentam, kadang-kadang ini memberikan contoh yang tidak baiklah, mungkin dalam program parti tidak mengapa. Akan tetapi kalau banyak sangat, ia menimbulkan rasa tidak senanglah untuk program-program dijemput bersama dan sebagainya.

Walau bagaimanapun, kita harap pemimpin-pemimpin kita di peringkat Persekutuan ini menunjukkan contoh, di peringkat negeri menunjukkan contoh, kalau kita katakan kita hendak kepada perpaduan, sebenarnya perpaduan antara pemimpin-pemimpin utama ini lebih penting, lebih besar dan kita tengok juga macam mana kerajaan sekarang ini terbentuk. Tidak terfikir mungkin oleh rakyat kita bagaimana dua buah parti besar boleh bersama.

Akan tetapi oleh sebab *political will*, keazaman politik yang ada pada kepimpinan utama parti menyebabkan ia boleh berlaku dengan lebih mudah. Jadi, sekarang ini negeri-negeri yang dikuasai oleh parti pengimbang, menggantikan istilah "parti Pembangkang" saya fikir pimpinan-pimpinan kedua-dua pihak tunjukkan contoh kerana contoh-contoh yang baik ini akan diteladani oleh rakyat kita oleh generasi muda.

Kita ini sebenarnya tidak besar pun, negeri Malaysia ini bukanlah negara yang besar, negara kita rakyat pun tidaklah seramai negara Indonesia. Kalau Presiden Indonesia boleh bersatu, boleh melantik musuh menjadi Menteri Pertahanan- Prabowo, dan sebagainya menyertai Kabinet, dan memperkuat Indonesia itu- apa salahnya sekiranya hুলuran tangan perpaduan itu dapat dibuat supaya kita boleh fokus kepada pembangunan negara dan negeri kita. Jadi, saya ingat itu sahaja dalam perbahasan kali ini.

■1550

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong Rang Undang-undang Perbekalan 2023. Sekian. *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh*.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih kepada Yang Berhormat Tuan Mohd Hasbie bin Muda atas perbahasan yang telah diberikan.

Seterusnya, saya menjemput Yang Berhormat Datuk Dr. Dominic Lau Hoe Chai. Dipersilakan.

3.51 ptg.

Datuk Dr. Dominic Lau Hoe Chai: Terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih kerana memberikan saya peluang untuk membahaskan RUU Perbekalan 2023, tetapi tadi seolah-olah saya masuk ceramah politik. Bukan perbahasan Perbekalan 2023.

Saya pun hendak ambil kesempatan ini ucapkan ribuan terima kasih juga kepada Yang Amat Berhormat Menteri Kewangan kerana usaha, telah berbincang dengan semua kementerian, mendapat pandangan, input, cadangan, yang terpenting sudah mendapat persetujuan dirinya sendiri Yang Amat Berhormat Perdana Menteri untuk membentangkan Belanjawan 2023.

Saya memang berharap Dewan Negara yang mulia ini, ialah satu- platform yang berkesan, yang profesional, yang kita bahas di sini adalah dengan data, dengan *facts*. Memanglah, ini ialah sebuah platform yang sangat penting untuk kita mengutarakan pandangan rakyat, keperluan rakyat ke atas bajet kerajaan campuran sebelum diluluskan.

Tuan Yang di-Pertua, kita ada 28 buah kementerian di negara kita. Hari ini, di Dewan yang mulia ini, saya hendak ambil kesempatan untuk sentuh enam kementerian, iaitu termasuk Jabatan Perdana Menteri, Kementerian Luar Negeri, Kementerian Perlindungan dan Komoditi, Kementerian Kesihatan, Kementerian Dalam Negeri dan yang terakhir ialah Kementerian Sumber Manusia.

Bagi Jabatan Perdana Menteri, memang saya terkejut juga. Sebanyak RM12 juta telah diberikan pada Jabatan Komunikasi Komuniti atau biasa dikenali sebagai J-KOM. Saya hendak tanya kepada Yang Berhormat Menteri, bagaimanakah peruntukan bagi pembangunan akan digunakan oleh J-KOM itu? Mengapakah J-KOM itu diberikan peruntukan yang sebegitu tinggi? Apa tujuan, fungsi JKOM itu..? Adakah ia menjaga imej atau *image fixing*, dengan izin, kerajaan campuran?

Seperti contoh, Dr. Mohammad Agus Yusoff, Ketua Pengarah J-KOM itu, seperti jurucakap kerajaan campuran yang tidak rasmi. Mengapakah saya kata sebegitu? Ini adalah kerana rakyat hendak tahu mengapa Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita pergi ke Arab Saudi, tetapi gagal, tidak jumpa Raja Salman... [*Sambil membaca petikan akhbar*] Dia terus keluarkan "Lawatan gagal, hanya tohmahan pembangkang". Seterusnya, dia sibuk untuk buat apa, "Hentilah mengigau tumbangkan Kerajaan Perpaduan".

Saya hendak ingatkan J-KOM, fungsi yang tercatat di sini... [*Menunjukkan sehelai dokumen*] Jelasnya adalah untuk membina komuniti, membangun komuniti, memimpin komuniti. Bukan jurucakap kerajaan campuran. Oleh itu, saya minta Yang Berhormat Menteri yang berkenaan, beritahu kita bagaimana peruntukan itu boleh digunakan.

Tuan Yang di-Pertua, saya pun hendak katakan, mengambil kesempatan ini membangkitkan satu perkara untuk mendapat perhatian dari Jabatan Perdana Menteri, yang terutamanya Jabatan Wilayah Persekutuan. Saya difahamkan- bukan difahamkan. Peruntukan sebanyak RM199 juta telah diberikan.

Bagi Jabatan Wilayah Persekutuan, saya mendapati warga tidak berpenglihatan- buta, yang kurang diberikan perhatian. Saya hendak tanya soalan kepada Yang Berhormat Menteri, apakah langkah-langkah kerajaan menjaga kebajikan kategori warga tidak berpenglihatan?

Hal ini kerana saya mendapati, untuk makluman Dewan yang mulia ini, kawasan Brickfields di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur ini, ialah satu buah tempat bagi warga tidak berpenglihatan itu, mereka memang berjumpa dengan rakan-rakannya. Mereka mengadakan aktiviti sosial, mereka mengadakan- bekerja, berjumpa dengan persatuan.

Akan tetapi, saya mendapati di sana, adanya keadaan tidak selamat kepada warga tidak berpenglihatan- mengapa? Kerana *I* nampak jalan *pedestrian* itu tidak elok. Tidak ada 'susur gajah'. Memang terdapat banyak gerai berniaga atas jalan tersebut, dan juga sesak dengan kereta yang parkir di tempat yang tidak sepatutnya. Kita pun mendapati banyak kereta memandu lebih laju di sini, di sana. Bas pula berhenti di sini, di sana pula juga. Seolah-olah orang ramai yang berurusan di kawasan itu tidak hirau dengan komuniti tersebut.

Oleh itu, saya ada permohonan kepada satu- jabatan, dan dua- kementerian. Jabatan tersebut ialah DBKL, Jabatan Wilayah Persekutuan. Saya hendak mohon, ambil perhatian. *I* hendak mohon DBKL, Jabatan Wilayah Persekutuan itu turun padang dengan diri sendiri dan memberikan bantuan kepada mereka.

I'm not asking the government to give the cash out, which is nothing wrong, actually. But, give them some basic infrastructural assistances, dengan izin. Jadikanlah Brickfields sebagai kawasan mesra bagi komuniti tidak berpenglihatan.

Oleh itu, *I* pun hendak memohon Kementerian Ekonomi yang diketuai oleh Yang Berhormat Menteri, Tuan Mohd Rafizi, yang *I* katakan memang- mintalah jangan hanya pandai ceramah politik sahaja. Turun padang, adakan libat urus dengan masyarakat tidak berpenglihatan dalam aktiviti ekonomi yang dianjurkan oleh kementerian.

Gunalah sedikit peruntukan daripada Kementerian Ekonomi itu di bawah pendekatan merentasi kementerian *or the cross-ministry*. Tubuhlah sebuah koperasi khas untuk komuniti tersebut. Berilah mereka platform, tolonglah mereka dengan modalnya. Kita sama-sama menggalakkan komuniti tidak berpenglihatan itu untuk berniaga, dan sebagainya.

Permohonan yang ketiga itu adalah kepada Kementerian Kesihatan. Memanglah saya minta buka sekurang-kurangnya sebuah klinik komuniti berhampiran dengan Persatuan Orang Buta di Brickfields dan, berilah peluang kepada mereka yang sangat memerlukan perhatian kesihatan asas itu.

Tuan Yang di-Pertua, kementerian yang kedua saya hendak sentuh dekat sini ialah, Wisma Putra, iaitu Kementerian Luar Negeri. Kita mendapati ada politik pelbagai hala. Peruntukan telah diberikan, tetapi politik pelbagai hala itu ialah merangka, menyelaras dan mengkaji perkembangan dalam usaha memelihara, mempertahankan dasar, kepentingan dan pendirian Malaysia. Peruntukan yang diberikan politik pelbagai hala itu dikurangkan sebanyak hampir RM600,000, Tuan Yang di-Pertua.

Soalan saya, adakah wajar untuk kita mengurangkan dana pembangunan kepada aktiviti tersebut? Adakah Wisma Putra mempunyai pendekatan berbeza? Atau, nyatakan sebab pengurangan ini?

■1600

Untuk makluman Tuan Yang di-Pertua, saya hendak katakan kita memang tahu sekarang kita menghadapi isu-isu geopolitik seperti ketidakstabilan politik antara negara-negara kuasa yang besar. Contohnya, US dengan China, Rusia dengan Ukraine. Memanglah bahawa isu pencerobohan perairan negara tuntutan Sulu yang melampau terhadap aset luar negara kita. Oleh itu, pada pendapat saya, sepatutnya kita kena tingkatan peruntukan. Kita kena memperbanyakkan penglibatan kita.

Saya juga sokong peningkatan anggaran telah diberikan pada Pusat Serantau Asia Tenggara bagi mencegah keganasan dan juga peningkatan anggaran telah diberikan pada Institut Diplomasi dan Hubungan Luar Negeri. Peningkatan anggaran tersebut akan membantu melatih pegawai diplomatik yang berwibawa dan profesional meningkatkan kecekapan serantau dengan mencegah keganasan domestik dan rentas sempadan.

Walaupun saya sokong, tetapi saya mohon kementerian dapat menjelaskan peningkatan pembangunan yang begitu ketara itu iaitu lebih RM2 juta pada Pusat Serantau Asia Tenggara bagi mencegah keganasan dan hampir RM3 juta pada Institut Diplomasi dan Hubungan Luar Negeri. Saya hendak tahu, bagaimanakah peruntukan tersebut digunakan? Dengan ini, selain daripada kita sokong peningkatan itu, kita hendak tahu bagaimana mereka menggunakannya.

Saya ada dua cadangan pada Wisma Putra. Cadangan yang pertama ialah mempelbagaikan program-program di bawah institut-institut yang terbabit seperti yang saya katakan. Jalinkan kerjasama dengan pelajar dan para akademik, tidak kisah IPTA atau IPTS, yang mempunyai kursus yang berkaitan. Contohnya, saya nampak Institut Diplomasi dan Hubungan Luar Negeri itu ada kerjasama Ijazah Sarjana dengan Universiti Kebangsaan Malaysia. Tidak perlulah hanya fokus kepada bakal diplomat dan komuniti diplomat sahaja. *Let us propose a world class fellowship program. Propose an exchange program with the local and the international young's diplomate*, dengan izin.

Cadangan yang kedua pada Wisma Putra itu adalah berbincang dengan Jabatan Perkhidmatan Awam dan Suruhanjaya Perkhidmatan Awam untuk melantik secara langsung pegawai-pegawai diplomatik. Perkara ini adalah penting kerana kita memerlukan pegawai yang pakar dalam bidang perhubungan antarabangsa. *We need to sharpen their skills and knowledge to give them the right experience*, dengan izin. Desentralisasi proses lantikan ini akan memberikan kelebihan tambahan kepada perwakilan kita.

Sebagai sebuah negara yang pesat membangun, saya berharap Wisma Putra memainkan peranan yang signifikan tersendiri dalam mewakili kita dalam persada antarabangsa.

Tuan Yang di-Pertua, kementerian yang seterusnya saya hendak sentuh ialah Kementerian Perlindungan dan Komoditi. Semasa saya hendak sentuh perlindungan khususnya kelapa sawit, teringatlah saya seorang tokoh yang penting di Parti GERAKAN iaitu mendiang Tun Lim Keng Yaik, Presiden Parti GERAKAN ketiga. Dia merupakan mantan Menteri Perlindungan dan memberi sumbangan yang terbaik kepada komoditi kelapa sawit negara. Kita ingat lagi semasa dia jadi Menteri, dia memanglah kempen kepada sesiapa yang kempen anti-kelapa sawit itu, dia memang keluar- *all out to fight for Malaysia*. Oleh itu, kita ingat dia lagi, mendiang Tun Lim Keng Yaik.

Rakan-rakan Yang Berhormat di Dewan yang mulia ini, Kementerian Perlindungan dan Komoditi telah diberikan peruntukan sebanyak RM10 juta untuk usaha menangani kempen anti minyak sawit. Dulu RM20 juta, sekarang RM10 juta. Turun RM10 juta.

Oleh itu, saya ada tiga soalan kepada Menteri. Soalan yang pertama, mohon kementerian menjelaskan justifikasi penurunan tersebut. Dulu RM20 juta, sekarang RM10 juta. Apakah jangkaan kementerian dengan peruntukan baharu ini? Itu soalan kedua; dan soalan ketiga, apakah KPI yang diharapkan melalui aktiviti-aktiviti berkaitan dengan kempen terbabit?

Tuan Yang di-Pertua, masalah kelapa sawit itu iaitu kekurangan tenaga kerja dalam industri perlindungan kelapa sawit. Oleh itu, saya hendak cadang kementerian untuk meneliti kemungkinan menggunakan tenaga sementara di Malaysia iaitu komuniti pelarian ataupun pemohon suaka.

Maklumat kepada semua rakan Ahli Yang Berhormat di Dewan yang mulia ini ialah ada lebih 180,000 orang pelarian dan sejumlah besarnya merupakan pemohon suaka. Sementara mereka menunggu penempatan mereka semula ke negara yang ketiga, apakah salahnya kita bagi Pas Pekerja Sementara kepada mereka, dan mereka boleh membantu sektor kita dan mereka juga akan dapat gaji untuk menjaga diri dan keluarga mereka ketika berada di negara kita?

Tuan Yang di-Pertua, kementerian yang seterusnya saya hendak sentuh ialah Kementerian Kesihatan. Jawapan lisan Yang Berhormat Timbalan Menteri kepada saya ialah bahawa Malaysia akan mempunyai 15 peratus daripada penduduknya berusia 60 tahun ke atas dan ramai berpenyakit pada tahun 2030.

Data yang mengejutkan itu ialah- termasuk bilangan pakar yang mengikuti latihan sub kepakaran dalam bidang geriatrik adalah amat kurang kerana minatnya kurang dan slot latihan sub kepakaran yang ditawarkan setiap tahun adalah secara purata lapan tempat

sahaja. Rakan-rakan Yang Berhormat Ahli Dewan Negara, jumlah pakar geriatrik di KKM pula hanya 33 orang pegawai dan bersama hospital universiti hanya 13 orang sahaja.

Oleh itu, memang saya risau akan keadaan warga tua kita pada hari-hari yang mendatang. Ini akan termasuk kita pada masa depan. Kita tidak ada kepakaran doktor yang boleh menjaga kita.

Kementerian nampaknya belum bersedia dalam menghadapi Malaysia sebagai negara tua pada tahun 2030. Jika mengikut jawapan yang diberikan oleh Menteri, kerajaan tidak memperlihatkan kesungguhan kementerian dalam melatih lebih banyak pakar geriatrik atau merakyatkan perkhidmatan tersebut atau mempermudah warga tua mendapatkan rawatan yang sepatutnya.

So, soalan saya kepada Menteri, saya mohon Menteri jelaskan bahawa berapakah jumlah peruntukan akan diberikan perkhidmatan perubatan geriatrik itu pada tahun ini. Berapakah jumlah biasiswa yang akan diberikan kepada pegawai perubatan sambung belajar dalam bidang ini? Bagaimana kementerian akan menggunakan peruntukan bagi pendidikan kesihatan dalam melatih, menerangkan kepada orang ramai terutamanya warga emas, warga tua berkenaan dengan perkhidmatan geriatrik?

■1610

Soalan yang terakhir kepada Menteri itu ialah, apakah KPI kementerian dalam mendekati perkhidmatan geriatrik itu?

Tuan Yang di-Pertua, seterusnya ialah Kementerian Dalam Negeri. Sebanyak RM79 juta telah diberikan untuk program penjara satelit. Untuk makluman Dewan yang mulia ini, RM79 juta peruntukan diberikan ialah tahun ini. Tahun lepas ialah RM96 juta. Maksudnya kurang RM17 juta.

Menurut statistik yang terkini oleh Jabatan Penjara, kadar kesesakan penjara dikatakan berada di 36 peratus. Ini telah melebihi kapasiti maksimum banduan yang ditentukan oleh peraturan antarabangsa. Penjara satelit merupakan salah satu penyelesaian sementara yang diperkenalkan oleh Jabatan Penjara dalam mengatasi isu kesesakan penjara. Penyelesaian sementara tersebut dirangka dalam usaha mengawal penularan penyakit berjangkit dengan formula *less overcrowding, less disease*, dengan izin.

Oleh itu, kekurangan peruntukan yang telah diberikan program penjara satelit itu, saya memohon Menteri menjawab lima soalan.

Soalan yang pertama ialah minta Menteri jelaskan apakah pengurangan peruntukan sebanyak RM17 juta ini bagi penjara satelit bermaksud kementerian mempunyai pelan tindakan yang lebih baik? Soalan yang kedua kepada Menteri, adakah penyelesaian jangka masa panjang yang telah pun dicapai? Ketiga, minta Menteri jelaskan pencapaian pengenalan penjara satelit sehingga hari ini, adakah kesan, atau adakah ada keberkesanan yang diadakan penjara satelit? Soalan keempat, sejauh manakah penjara satelit itu mengurangkan

kesesakan penjara? Soalan terakhir- kelima, minta Menteri jelaskan pecahan kepada jumlah hampir RM79 juta yang dimohon untuk urusan penjara satelit itu.

Tuan Yang di-Pertua, dengan ini saya pun hendak menyentuh kementerian yang terakhir iaitu Kementerian Sumber Manusia. Jawapan lisan daripada Kementerian Dalam Negeri kepada saya ialah hampir 86,000 orang rakyat Malaysia melepaskan kewarganegaraan sejak tahun 2013 sehingga tahun 2023. Ini bermaksud tiap-tiap tahun ada sebanyak 8,600 orang rakyat lepaskan kewarganegaraan Malaysia. Data yang lebih terkejut itu ialah mereka bukan pergi ke negara yang jauh sangat, bukan. Seramai 78,000 orang rakyat, tadi kata 86,000 orang rakyat Malaysia melepaskan kewarganegaraan. Sebanyak 78,000 orang rakyat daripada jumlah itu mendapat kewarganegaraan Singapura.

So, soalan saya kepada Menteri, nyatakan apakah terdapat sebarang langkah atau kajian daripada pihak kementerian dalam meneliti sebab mereka melepaskan kewarganegaraan terutamanya daripada aspek kerjaya? Kita tahu bahawa masalah *brain drain*, dengan izin, iaitu penghijrahan pakar ialah isu yang sangat serius di negara kita. Saya minta Menteri, Kementerian Sumber Manusia juga jelaskan kepada Dewan yang mulia ini, langkah-langkah yang telah dikenal pasti dan akan diambil oleh kementerian dalam perkara ini.

Soalan yang seterusnya hendak tanya Menteri juga, adakah sebahagian peruntukan RM1.4 bilion untuk Kementerian Sumber Manusia itu digunakan untuk mengatasi masalah *brain drain* di sini?

Dengan ini, saya memang berharaplah bahawa setiap wang Ringgit yang digunakan oleh kerajaan campuran akan mengetengahkan kebajikan dan keperluan rakyat. Dekat luar sana, rakyat sudah sangat-sangat susah. Seolah-olah gaji yang diterima, tidak lagi mencukupi. Mereka terpaksa bekerja tambahan, mengabaikan kesihatan mental mereka dan paling merisaukan ialah kerajaan tidak mempunyai penyelesaian ke atas keperluan rakyat.

Cukuplah berbulan madu, *honeymoon period*, dengan izin, untuk kerajaan campuran. Selagi dalam tampuk pemerintahan, berlakulah adil kepada rakyat sekalian. Sekian sahaja. Terima kasih.... [*Mengucapkan terima kasih dalam bahasa Tamil dan Tionghoa*]

Timbalan Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih kepada Yang Berhormat Datuk Dr. Dominic Lau Hoe Chai atas perbincangan tadi.

Seterusnya saya menjemput pembahas yang terakhir iaitu Yang Berhormat Tuan Amir bin Ghazali.

4.17 ptg.

Tuan Amir bin Ghazali: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. *Bismillahi Rahmani Rahim...* [*Membaca sepotong doa*] Tuan Yang di-Pertua, Ahli-ahli Dewan Negara, *assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh* dan salam Malaysia Madani.

Alhamdulillah, saya mengucapkan syukur ke hadrat Allah SWT kerana diberi keizinan untuk bersama di dalam Dewan yang mulia ini. Semoga ia memberi manfaat kepada kita dan juga rakyat Malaysia. *Alhamdulillah*, kita bersyukur kepada Allah SWT dan pada petang ini, saya mengucapkan ribuan terima kasih kerana diberi ruang dan peluang dalam perbahasan Rang Undang-undang Belanjawan 2023.

Tuan Yang di-Pertua, pada petang ini saya ingin menyentuh perkara Kementerian Kerja Raya (KKR). Sudah pastilah sebagai mewakili negeri Pulau Pinang, dan taat setia saya serta taat sumpah sayang saya kepada negeri Pulau Pinang, ini memberikan satu kekuatan semangat untuk memberi yang terbaik kepada negeri yang tercinta ini.

Untuk makluman semua, Pulau Pinang sebagai negeri pelancongan. Purata keseluruhan aliran trafik harian berjumlah 92,202 buah kenderaan yang melalui lebuh raya, jalan-jalan raya di seluruh Pulau Pinang. Jadi sebagai sebuah negeri industri dan juga negeri pelancongan, kendatipun keseluruhan daerah membangun secara saksama, namun daerah Seberang Perai Tengah (SPT) agak perlahan dalam sektor penaiktarafan jalan raya di sekitar Seberang Perai Tengah.

Untuk makluman, Belanjawan 2023, kerajaan menyediakan peruntukan Jalan Persekutuan sebanyak RM2.7 bilion dan termasuk dengan- dan keseluruhan RM3.1 bilion-jambatan dan peruntukan Jalan Persekutuan sebanyak RM2.7 bilion.

Saya juga mengucapkan jutaan terima kasih kepada Kementerian Kewangan kerana meletakkan satu bajet yang cukup besar dalam sejarah negara iaitu RM388.11 bilion.

■1620

Ini memberikan satu harapan kepada rakyat Malaysia bahawa Kerajaan Perpaduan ini bukan kerajaan yang melihat entengnya pembangunan negara dan juga rakyat. Ia serius dalam melaksanakan pembangunan negara.

Tuan Yang di-Pertua, dalam pembahasan ini, saya ingin mencadangkan supaya Laluan Persekutuan FT11 dari Jejambat Bukit Tengah ke persimpangan Lebuhraya Butterworth-Kulim, Seberang Prai Tengah, Pulau Pinang supaya dinaiktarafkan kerana ia telah dimasukkan ke dalam RMKe-11, cuma mengharapkan komitmen kerajaan dan juga Kementerian Kerja Raya.

Tuan Yang di-Pertua, laluan tersebut hari-hari amat sesak sekali. Ia memerlukan pembesaran kiri dan kanannya. Disebabkan pembangunan yang rancak berjalan, yang telah diluluskan oleh Majlis Perbandaran. Pembangunan banyak diwujudkan namun jalan masih kecil. Oleh sebab itulah pada petang ini, saya memohon supaya Kerajaan Perpaduan melihat dengan serius masalah Jalan Permatang Pauh ini, Ahli-ahli Yang Berhormat.

Kedua, apa langkah kementerian untuk mengatasi masalah kesesakan lalu lintas ketika waktu puncak, baik sebelah pagi mahupun sebelah petang di kawasan Seberang Jaya ke Jambatan Pulau Pinang? Hari-hari *jam*. Sedangkan Kerajaan Negeri Pulau Pinang, sebuah

negeri industri memerlukan menaiktarafkan jalan-jalan raya, jalan-jalan lebuhraya supaya ia memberi kemudahan kepada rakyat Pulau Pinang.

Tuan Yang di-Pertua, sebagai sebuah negeri yang mempunyai pelbagai kaum yang menikmati kemajuan Negeri Pulau Pinang, maka permohonan dan juga cadangan ini haruslah dipandang serius. Semoga ia memberi manfaat kepada rakyat Pulau Pinang.

Kedua, saya ingin menyentuh iaitu tentang Kementerian Dalam Negeri. Tuan Yang di-Pertua, dadah merupakan ancaman nombor satu di dalam negara dan juga syabu ataupun *ice* telah meragut...

Datuk Dr. Dominic Lau Hoe Chai: Mohon mencek. Boleh? Soalan sahaja.

Tuan Amir bin Ghazali: Okey.

Datuk Dr. Dominic Lau Hoe Chai: Tadi Yang Berhormat mengatakan kesesakan kereta, *traffic* di Pulau Pinang itu. Saya hendak tanya, itu merupakan tanggungjawab Kerajaan Pulau Pinang kah, atau tanggungjawab Kerajaan Persekutuan? Terima kasih.

Tuan Amir bin Ghazali: Terima kasih Yang Berhormat. Apa yang saya sasarkan merupakan tanggungjawab Kerajaan Persekutuan iaitu lebuhraya. Terima kasih.

Saya hendak sambung iaitu tentang musibah dadah ini. Malapetaka dadah ini memberi satu tamparan hebat kepada masyarakat luar bandar dan juga bandar. Kita melihat Kementerian Pendidikan dalam lawatan-lawatan, kita mendapati umur 13 tahun sehingga 17 tahun, pelajar-pelajar sekolah, telah tercedur dalam dadah berbahaya ini Tuan Yang di-Pertua.

Jadi, saya mencadangkan supaya tindakan serius dan juga pelaksanaan daripada segi undang-undang amat penting bagi mengatasi masalah dadah di kalangan pelajar dan juga anak-anak muda di seluruh negara.

Tuan Yang di-Pertua, keputusan kerajaan yang akan memansuhkan pelaksanaan gantung mati mandatori juga harus pada masa yang sama mesti memperkasakan segmen pendidikan iaitu tentang seksyen 39B, Akta Dadah Berbahaya 1952. Ini kerana hukuman gantung sampai mati mandatori menjadi kaedah atau langkah digubal kerajaan sebagai amaran keras kepada penyeludup serta pengedar dadah yang beroperasi di dalam negara kita ini.

Sekiranya mereka tertangkap ketika menjalankan sebarang bentuk aktiviti penyeludupan, pengedaran ataupun pemilikan dadah, penjenayah yang dibuktikan bersalah akan dikenakan hukuman mati. Pemilikan dadah seberat 15 gram sahaja di bawah Akta Dadah Berbahaya 1952 membawa kepada hukuman gantung sampai mati mandatori kepada penyeludup dan pengedar dadah.

Kerajaan melaksanakan proses penggubalan hukuman ini bermula April 1975 sebagai langkah tidak bertoleransi dengan golongan ini. Berdasarkan maklumat Jabatan Siasatan Jenayah Narkotik (JSJN) juga, setiap penyeludup dadah memperoleh anggaran keuntungan

sebanyak RM1,000 sehingga RM5,000. Setiap kilogram jenis dadah dihantar masuk ke kampung-kampung dan juga di bandar-bandar dan lorong-lorong kecil.

Laporan *United Nations Office on Drugs and Crime* (UNODC) mendedahkan aktiviti penyeludupan dan pengedaran dadah menjana keuntungan RM2.5 trilion setiap tahun dan dilihat sebagai perniagaan amat menguntungkan menyebabkan sedikit penyeludupan dadah antarabangsa menggunakan pelbagai kaedah untuk mengembangkan kegiatan keji ini.

Namun, persoalan yang penting- perlu dijawab adalah hukuman mati mandatori akan dihapuskan dalam kes dadah. Apakah tidak akan ada kebimbangan terhadap kemungkinan kegiatan penyeludupan dan pengedaran dadah akan lebih meningkat? Ini soalan kepada Kementerian Dalam Negeri. Apakah tindakan drastik kerajaan untuk mengurangkan bahaya dadah tersebut?

Justeru, pemansuhan hukuman mati mandatori ini dibuat atas dasar faktor kemanusiaan adalah tindakan yang amat-amat wajar dan disokong. Apakah keselamatan negara bertambah terjejas kerana sindiket penyeludupan dadah tempatan serta antarabangsa berkemungkinan menjadi lebih berani menjalankan operasi di dalam negara kita ini? Ini kerana hukuman pencegahan dadah dikurangkan sekali gus tidak menimbulkan ketakutan langsung kepada penyeludup menjalankan kegiatan haram ini di dalam negara kita dengan lebih agresif.

Oleh itu kerajaan diharap mempersiapkan garis panduan dan dasar yang komprehensif membabitkan pengedar dan penyeludup dadah kena hukuman berkenaan dilihat bagi mengawal aktiviti-aktiviti jenayah membabitkan dadah daripada terus berleluasa.

Agensi kerajaan di bawah Kementerian Dalam Negeri, AADK dan saya mengucapkan tahniah kepada AADK. Pada tahun ini diperuntukkan sebanyak RM68.9 juta. Kalau dibandingkan dengan 2022, iaitu RM55.1 juta kenaikan untuk memberi semangat kepada agensi penguatkuasaan AADK iaitu Agensi Antidadah Kebangsaan dan juga NGO PEMADAM. NGO PEMADAM juga perlu peruntukan yang perlu diberikan kepada pertubuhan ini untuk melaksanakan kempen-kempen kesedaran supaya masyarakat memahami gejala dadah ini musuh yang nombor satu di dalam negara kita.

Jadi, saya cadangkan akbar Kementerian Kewangan supaya dimasukkan sedikit. Kalau dahulu pada tahun 2017, disediakan RM5 juta tetapi 2018 sehinggalah sekarang, RM500,000 sehinggalah hendak bayar gaji pun tidak lepas. Jadi saya syorkan, lihat sama NGO-NGO yang bertindak sebagai *frontliners* mendidik tentang gejala dadah ini Tuan Yang di-Pertua.

Namun begitu, peruntukan kepada agensi dan NGO terbabit amatlah sedikit. Jika kementerian memberi peruntukan yang lebih sedikit kepada mereka, saya yakin ia akan dapat membantu agensi tersebut menjalankan aktiviti operasi dengan lebih baik dan pantas.

Peruntukan tersebut juga dapat digunakan dalam menaikkan taraf dan membeli peralatan operasi yang canggih ataupun sofistikated dan memastikan operasi pembasmian jenayah seperti penyeludupan dadah akan lebih efisien.

■1630

Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Dalam Negeri diberikan peruntukan sebanyak RM5.9 bilion, haruslah melihat agensi-agensi yang menyedarkan tentang kesan bahayanya dadah ini dapat diberikan jumlah yang besar. Semoga di seluruh negara ini, NGO-NGO dan juga agensi-agensi dadah ini dapat memainkan peranan yang penting mengekang gejala dadah dari atas sehinggalah ke akar umbi.

Tuan Yang di-Pertua, yang ketiga berkaitan dengan kenyataan daripada Tuan Yang di-Pertua, Tan Sri Dato' Seri Utama Dr. Rais Yatim. Pada 3 Februari yang lalu, Yang di-Pertua Dewan Negara, Tan Sri Dato' Seri Utama Dr. Rais Yatim menyarankan diwujudkan kawasan warisan dunia Melayu di Kuala Lumpur. Ini idea yang menarik dan perlu kita respons oleh Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya.

Kita membayangkan Kuala Lumpur ini memiliki sebuah kawasan warisan dunia Melayu seperti kewujudan Brickfields, kawasan India dan Petaling Street, kawasan Cina, rakan-rakan kita. Kita hanya membayangkan sebuah ruang yang saya bayangkan itu merupakan sebuah bangunan dua tingkat tersergam indah di Jalan Tun Perak di sisi Masjid Jamek.

Alangkah bergunanya jika bangunan ini di tengah-tengah Kuala Lumpur yang seakan tidak berfungsi, terbengkalai dengan catnya yang agak pudar, dibangunkan sebagai sebuah galeri, sebuah kutubkhanah, sebuah pusat dokumentasi, dokumentari, khususnya hal-hal berkaitan dengan warisan dunia Melayu di ibu kota. Bangunan cantik di tengah-tengah Kuala Lumpur sudah berpuluh-puluh tahun seakan tidak berfungsi, malah bahagian luar mulai retak, dindingnya mengelupas, kusam ditumbuhi oleh rumput dan lalang.

Mohon jawapan daripada Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya, apakah status bangunan warisan yang terbiar di tengah-tengah kota ini? Kedua, cadangan Tuan Yang di-Pertua Dewan Negara tentang cadangan warisan dunia Melayu, apa respons daripada Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya?

Keempat Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin merakamkan ucapan terima kasih kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kerana Bantuan Khas Kewangan Aidilfitri yang kita akan dalam masa tiga minggu daripada sekarang. Pemberian kepada nelayan, sebanyak RM500. Pesawah padi, RM400 dan pekebun kecil RM1,000. Ia memberikan satu kemudahan dan manfaat yang cukup ampuh kepada kesannya di peringkat bawah ini.

Jadi, dalam agenda menoktahkan kemiskinan tegar, saya menyokong penuh tentang agenda ini. Untuk makluman semua Ahli Dewan Negara, apa yang kita lihat, Perdana Menteri dari satu- negara ke satu- negara, dari Indonesia dan juga lawatan ke Thailand, ke Singapura,

ke Filipina, ke Kemboja dan terkini, beliau berada di Negara China, sebuah negara besar daripada segi ekonomi dan juga rakyatnya yang berjuta.

Apa yang saya nak sampaikan pada petang ini untuk mengakhiri ucapan saya, bila kita melihat kesungguhan Perdana Menteri, kita mengimbau ke belakang. Ada sebuah buku tulisan beliau iaitu *Gelombang Kebangkitan Asia* ataupun *The Asian Renaissance* ataupun lebih *Asia Nahdah Asia*. Buku ini memberikan satu motivasi kepada rakan-rakan kita, satu era gelombang rakyat pada 26 tahun yang lalu.

Saya ingin petikkan sedikit dalam masa yang terbatas ini, Gelombang kematian Asia ini memang boleh dianggap sebagai *magnum opus Anwar Ibrahim, The Asian Renaissance*, Perdana Menteri kita. Usaha memahami gagasan yang dilontarkan menginsafi hakikat bahawa buku ini ditulis hampir 26 tahun yang lalu, satu zaman di mana Benua Asia masih muda remaja dan menjanjikan pelbagai janji dan harapan. Ini merupakan antologi buah fikiran Perdana Menteri berhubung cara pentadbiran sebuah negara majmuk yang mencakupi aspek pendidikan, ekonomi, kebajikan sosial, kematangan masyarakat, perkembangan Islam di Asia dan banyak lagi. Memuatkan pandangan beliau ialah berkaitan dengan bajet ataupun belanjawan pada hari ini iaitu tentang akhlak dan ekonomi yang manusiawi.

Tuan Yang di-Pertua dan juga Ahli Dewan Negara, masyarakat madani bukanlah hari ini dilaung-laungkan. Masyarakat madani ini telah diucapkan, di-celebrate-kan selama 26 tahun yang lalu. Cuma hari ini, apabila beliau menjadi Perdana Menteri, maka masyarakat madani ini menjadi satu agenda penting, tuntas di dalam menggerakkan rakyat Malaysia supaya menjadi masyarakat yang baik akhlak dan juga tersusun dalam masyarakat madani.

Dalam membahaskan falsafah ekonomi, seseorang tidak dapat tidak harus menghuraikan dua- blok utama pergerakan ekonomi bermula mengenai asal usul kapitalisme daripada sajak *The Grumbling Hive* oleh Bernard Mandeville yang kemudiannya mempengaruhi pemikiran Adam Smith yang memperkemarkan pemikiran itu.

Kapitalis menurut Bernard Mandeville dianggap sebagai dosa yang bermanfaat di mana ketamakan golongan berduit, mencipta 1,001 peluang pekerjaan kepada orang-orang miskin. Kelihatan beliau mengambil jalan yang tengah dalam polemik ini serta menganggap keperluan kepada tangan-tangan ghaib, kuasa pasaran dalam kapitalisme dan tangan nyata kuasa kerajaan dalam sosialisme.

Ekonomi Islam merupakan paduan seantero nilai-nilai molek yang terdapat pada kedua-dua blok falsafah ekonomi ini. Islam menurutnya merupakan tamadun yang menyokong pasaran bebas. Hal ini dibuktikan berdasarkan hadis Nabi SAW yang menerangkan penetapan harga di pasar. Islam tidak bertujuan melahirkan penindasan golongan kaya ke atas marhaen, maka dianjurkan kebajikan sosial dan khidmat masyarakat seperti zakat dan wakaf.

Malahan Islam turut memiliki sistem *hisbah* sebagai polis pasaran yang mengelakkan berlakunya monopoli dan juga manipulasi orang-orang kaya. Hanya dengan perkembangan ekonomi berlandaskan pembangunan insan sahaja, tegasnya lagi, kita dapat mencipta insan soleh seperti yang disebutkan dalam Islam malah matlamat penciptaan manusia turut dikongsi dalam ajaran *Confucius* yang dinamakan *Zhuangzi (Chuang-Tzu)*

Pendekatan terhadap aspek ekonomi haruslah sebagai satu langkah seni, bukannya sekadar kejuruteraan *dek* kerana bersangkut pautan antara ekonomi dan struktur sosial masyarakat. Meskipun peranan ekonomi penting dalam pembinaan negara. Langkah dalam menghadapi cabarannya haruslah disertai dengan sifat-sifat tawaduk. Pengurusan ekonomi juga bukan sekadar pengagihan sumber yang terbatas untuk memenuhi kehendak jasmani manusia bahkan merupakan pembahagian kapital dalam memenuhi keperluan rohani, akal dan naluri manusia terhadap keindahan. Perkembangan ekonomi yang manusiawi harus mementingkan keduanya iaitu nilai keusahawanan dan usaha-usaha mencari kesejahteraan dan kesejahteraan hidup.

Tuan Yang di-Pertua, saya menyifatkan kunjungan-kunjungan Dato' Seri Anwar Ibrahim ke serata negara, ke serata negeri pada hari ini dan berkaitan dengan gelombang-gelombang kebangkitan Asia, saya menyifatkan kebangkitan Benua Asia sebagai kesinambungan gerakan-gerakan kebangkitan yang hadir lewat abad ke-19.

Cita-cita gerakan ini dilaungkan oleh Iqbal si penyair di dalam *Zabur-i-Ajam*. Membakar semangat baharu untuk bangsa dan zaman ini, memberi nyawa baharu pada jasad yang telah tua, mengangkat Asia akan menjadi antara pemain utama kuasa politik dunia. Maka beliau memberi nasihat kepada gelombang kebangkitan ini agar apabila mereka mengimbangkan hegemoni politik Barat supaya mereka tidak bersikap zalim dan menindas. Menurutnya lagi harus membawa sinar keadilan dan kebaikan, tidak sukar untuk kita mencari alasan-ramalan beliau setelah diterangkan segala perbezaan, kebangkitan dan semangat Benua Asia.

Tuan Yang di-Pertua, mengambil jalan jernih dan menyempadani yang keruh agar kita bersama, kita dapat membina masyarakat *Madinah al-Fadilah*. Jadi, dengan ini saya menyokong Rang Undang-undang Perbekalan 2023. *Wabillahi taufik walhidayah, wassalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh... [Tepuk]* Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih kepada Tuan Amir bin Ghazali atas perbahasan yang penuh bersemangat.

Ahli-ahli Yang Berhormat, turut dirujuk Usul di bawah Peraturan Mesyuarat 11(1) yang telah pun diluluskan oleh Majlis ini pada 28 Mac 2023. Maka, Mesyuarat Dewan hari ini ditangguhkan sehingga jam 10 pagi, hari Isnin, 3 April 2023. Terima kasih.

[Dewan ditangguhkan pada pukul 4.40 petang]